

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK MAZLAN BIN MARZUKI,
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENGAWAS HUTAN DI
GUNUNG JERAI

NUR AFRINA BINTI MOHAMMAD RAFIKHUL @ MOHD RAFI

2020989141

ANIQAH RUSYDA BINTI RUSLAN

2020979015

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2021-JULAI 2021

ISI KANDUNGAN

	ISI KANDUNGAN	M/S
<i>Roman</i>	Abstrak	i
<i>Numerals</i>	Penghargaan	ii
	Senarai Abreviasi	iii
	Senarai Singkatan	iv
	Rujukan Kata	v-xiii
1.0	Biodata Penemubual	1
	1.1 Penembual Pertama	2
	1.2 Penembual Kedua	3
2.0	Biodata Tokoh	4
	2.1 Biodata Tokoh	5
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	6-7
3.0	Sejarah Lisan	8
	3.1 Pengenalan	9-10
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	11
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	12-13
4.0	Kajian Literatur	14
	4.1 Topik 1: Sejarah Tempatan	15-18
	4.2 Topik 2: Gunung Jerai	18-21
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	22
	5.1 Sesi Pertama	23-72
	5.2 Sesi Kedua	73-88
6.0	Log Temubual	89
	6.1 Sesi Pertama	90-97
	6.2 Sesi Kedua	98-99
7.0	Ralat	100-101
8.0	Glosari	102-106
9.0	Indeks	107-116
10.0	Bibliografi	117-120
11.0	Lampiran	121
	11.1 Biografi Tokoh	122
	11.2 Surat Perjanjian	123
	11.3 Senarai Soalan	124-126
	11.4 Diari Penyelidikan	127-130
	11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	131-137

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan satu-satunya yang mempunyai pengalaman dan mengetahui segala selok-belok perkara mengenai warisan tempatan ini. Tokoh ini mempunyai pengetahuan warisan tempatan mengenai Gunung Jerai, Kedah. Ramai dalam kalangan masyarakat pada masa kini, terutamanya generasi yang baru dalam era ini tidak begitu mengetahui secara langsung tentang sejarah warisan Gunung Jerai yang unik ini dan ianya terletak di Kedah. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang tokoh yang masih bekerja dalam bidang warisan tempatan ini, projek sejarah lisan ini cuba mengungkap kebenaran dan mendokumentasikan sebanyak mungkin maklumat penting atau sebenar yang tersimpan dan yang tidak dapat dirungkai oleh orang ramai. Di sebalik keindahan Gunung Jerai yang dapat di lawati oleh orang ramai ini, terdapat banyak sejarah, isu penting dan faedah yang dapat kita ketahui dan pelajari serta menggunakannya oleh orang ramai. Bermula dari sejarah dan seterusnya mengenai fakta dan keunikan, pengalaman, aktiviti, kemudahan, risiko, pencapaian, dan sumbangan serta harapan yang diberikan oleh tokoh ini sepanjang beliau berkhidmat sebagai Pengawas Hutan di Gunung Jerai. Kajian ini bukan sahaja melalui Encik Mazlan sendiri, malah ianya juga turut diperolehi dari beberapa sumber yang lain bagi melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan dalam kajian yang telah dilakukan. Implikasi kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang akan dapat mengenali dengan lebih lanjut dan mendalam tentang warisan tempatan Gunung Jerai ini sebaiknya.

Kata Kunci: Tokoh, Gunung Jerai, Warisan tempatan, Sejarah, Fakta, dan Keunikan.

This transcript discusses the experience of a figure who is the only one who has the experience and knows all the intricacies of things about this local heritage. This figure has local heritage knowledge about Gunung Jerai, Kedah. Many in today's society, especially the new generation in this era, do not know much about the history of this unique heritage of Gunung Jerai that is located in Kedah. In addition to touching a little on the backgrounds of figures still working in this field of local origin, this oral history project attempts to uncover the truth and document as much important or accurate information as possible that is stored and that the public cannot know. Despite the beauty of Mount Jerai that the people can visit, there are many histories, essential issues, and benefits that we can understand and learn and use by the public. From past and onwards on the facts and uniqueness, experience, activities, facilities, risks, achievements, and contributions and hopes of this figure during his service as a Forest Ranger in Gunung Jerai. This study is not only through Mr. Mazlan himself, but it is also obtained from several other sources to see the extent of similarities and differences in the research that has been done. The implications of this study are mainly to researchers, students, and the general public. Through this oral history project, it is hoped that the outside community, especially the current generation, will know more and more deeply about the local heritage of Gunung Jerai.

Keywords: Gunung Jerai, Local heritage, Local origin, Oral history, Community

PENGHARGAAN

Pertama sekali kami ingin mengucapkan Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurniannya, kami dapat menyelesaikan segala tugas transkrip kami dengan jayanya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Selain itu, kami juga bersyukur kerana segala masalah dan juga kekangan yang timbul sepanjang tempoh menyiapkan transkrip ini dapat kami atasi. Semua permasalahan ini telah mengajar kami erti kesabaran dan manisnya sebuah kejayaan.

Kami disini dengan merendah diri ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan kepada pensyarah kami bagi subjek IMR604 Oral Documentation iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin kerana tidak pernah lelah memberi tunjuk ajar dan mencurahkan segala tenaga dalam memberikan bimbingan kepada kami sepanjang kami menyiapkan tugas ini. Beliau juga telah banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada kami agar kami tidak berputus asa dalam menyiapkan tugas ini. Melalui sokongan dan tunjuk ajar beliau, kami telah dapat melaksanakan segala tugas kami dengan jayanya.

Disamping itu kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Mazlan Bin Marzuki kerana sudi ditemu ramah oleh kami dan bersetuju untuk menjadi tokoh sebagai rujukan tugas kami. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada beliau kerana beliau sudi meluangkan masa bersama untuk berkongsi segala ilmu, pengalaman dan kisah hidup beliau sepanjang menjadi pengawas hutan di Gunung Jerai, Kedah. Tanpa kerjasama dan kesudian dari beliau semestinya kami tidak mampu untuk menyiapkan tugas ini sebaik-baiknya.

Akhir kata, tidak dilupakan juga sekalung penghargaan dan terima kasih kepada kawan-kawan, keluarga, ibu-bapa yang telah banyak membantu kami dengan memberikan kata-kata semangat, kemudahan serta tunjuk ajar dalam melaksanakan tugas ini.

Sekian, terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

FB	Facebook
IPT	Institut Pengajian Tinggi
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
MAS	Malaysia Airline
MINDEF	Ministry of Defence Malaysia
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
PA	Personal Assistant
PGA	Pasukan Gerakan Am
PJJ UUM	Pendidikan Jarak Jauh Universiti Utara Malaysia
Renj	Renjer
RISDA	Rubber Industry Smallholders Development Authority
STAR	Sekolah Tunku Abdul Rahman
Ts.	Teknologis Profesional
Tv	Televisyen
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UNISZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
USM	Univeristi Sains Malaysia

SENARAI SINGKATAN

ARR: Aniqah Rusyda Binti Ruslan

NAR: Nur Afrina Binti Mohammad Rafikhul @ Mohd Rafi

MBM: Mazlan Bin Marzuki

RUJUKAN KATA

Ajaq	Ajar
Alor Staq	Alor Setar
Ambik	Ambil
Aqah	Arah
Ataih	Atas
Ataupon	Ataupun
Ayaq	Air
Bagi	Memberi
Bagitau	Memberi tahu
Bapak	Bapa
Baqang	Barang
Baqu	Baru
Baskel	Basikal
Bawak	Membawa
Belajaq	Belajar
Beqani	Berani
Beqapa	Berapa
Beqasa	Berasa
Bequbah	Berubah
Bergeqak	Bergerak
Berkawin	Berkahwin

Bertugaih	Bertugas
Besa	Biasa
Besaq	Besar
Besiang	Bersihkan
Besok	Esok
Betoi	Betul
Beza	Berbeza
Bijik	Biji
Bini	Isteri
Biqu	Biru
Botoi	Botol
Bubuh	Memasukkan/Letakkan
Bukak	Buka
Cam	Macam/Seperti
Caqa	Cara
Caqi	Cari
Cayaq	Cair
Catitan	Catatan
Cedok	Cebok
Cekup	Tangkap
Ceqin	Takut
Ceqita	Cerita

Cucuh	Menyalakan
Dah	Sudah
Dak	Tidak
Daqipada	Daripada
Dekat	Di
Dengaq	Dengar
Depa	Mereka
Diaorang	Mereka
Dibawak	Dibawa
Diorang	Mereka
Dipahamkan	Difahamkan
Diqincik	Dipotong halus
Ditukaqkan	Ditukarkan
Dok	Duduk
Ekoq	Ekor
Gheban	Runtuh
Gitu	Begitu
Gostan	Undur
Haa / Ha	Ya
Habeh/Habih	Habis
Haqitu	Hari itu
Hat	Yang

Henpon	Telefon
Heran	Hairan
Ikhtiaq	Ikhtiar
Ikot	Ikut
Istri	Isteri
Ja	Sahaja
Jap	Sekejap
Jenuh	Habis/Susah
Jugak	Juga
Jumpak	Jumpa
K	Okey
Ka	Betulkah/Atau
Kala	Kala
Kaleh	Mengalih
Kan	Betulkah
Kapai	Kapal
Karenah	Gelagat
Kat	Di
Kayuh	Mengayuh
Kecik	Kecil
Kelmarin	Semalam
Keluaq	Keluar

Kena	Perlu
Kenai	Kenal
Keta	Kereta
Kilo	Kilometer
Kiqa	Kira
Kot	Mungkin
Kot	Dekat
Kuqang	Kurang
Lakan	Lah ya
Laki	Lelaki
Lani	Sekarang
Laqi	Lari
Tak laqat	Penat
Leh	Boleh
Len	Lain
Lenguh	Sakit
Lepastu / Lepaih tu	Selepas itu
Luaq	Luar
Mahai	Mahal
Mai/Maqi	Datang
Mangkas	Memangkas
Masatu	Masa itu

Mau	Mahu
Membawak	Membawa
Mengadap	Menghadap
Mengajaq	Mengajar
Menyibok	Menyibuk
Mintak	Meminta
Mistri	Misteri
Motor	Motosikal
Na	Mana
Nak	Mahu
Nasik	Nasi
Ni	Ini
Noh	Ya
Nu	Satu lagi
Oqang	Orang
Pa	Apa
Padahai	Padahal
Paihtu	Selepas itu
Pancoq	Tandas/Paip
Panggey	Panggil
Pas	Melepaskan/Ditinggalkan
Pasai	Tentang / Sebab

Pasaipa	Kenapa
Peqasan	Perasan
Peqati	Memerhati
Peratoih	Peratus
Pi	Pergi
Pikiran	Fikiran
Pompson	Perempuan
Pon	Juga
Puaih	Puas
Pulak	Pula
Puloh	Puluh
Qapat	Rapat
Qasa	Rasa
Qentak.	Rentak
Qeta	Kereta
Qetaih	Kertas
Ralit	Tidak perasan
Reta	Kereta
Saja	Sahaja
Samaq	Samar
Sampai	Sehingga
Saorang	Seorang

Sat	Sekejap
Sayoq	Sayur
Sebenaqnya	Sebenarnya
Sekaqang	Sekarang
Semayang	Sembahyang
Sendiqi	Sendiri
Sengah	Setengah
Seqang	Serang
Seratoih	Seratus
Setaun	Setahun
Sikit	Sedikit
Singgah	Berehat / Berhenti
Soqang/Sorang	Seorang
Suqut	Surut
Tak	Tidak
Takdak	Tiada
Takleh	Tidak boleh
Takmau	Tidak mahu
Takpa	Tidak mengapa
Taktau	Tidak tahu
Talipo	Hutan lipur
Taqah	Tarah

Tau	Tahu
Taun	Tahun
Teqima	Terima
Teqingin	Teringin
Teqok	Teruk
Teruih	Terus
Ternitif	Alternatif
Tidoq	Tidur
Timoq	Timur
Tinggai	Tinggal
Tu	Itu
Tuqaq	Tukar
Tuqon / Tuqun	Turun
Udaqa	Udara
Ulamak	Ulama'
Umoq	Umur
Wak	Bawa

1.0 BIODATA PENEMBUAL

1.0 BIODATA PENEMBUAL

1.1 PENEMBUAL PERTAMA



NAMA:	Nur Afrina Binti Mohammad Rafikhul @ Mohd Rafi
TARIKH LAHIR	30 Julai 1999
TEMPAT LAHIR	Hospital Besar Pulau Pinang
ALAMAT	No 26, Lorong Tenggiri 24, Seberang Jaya, 13700 Perai, Pulau Pinang.
NO. TELEFON	01124060038
EMEL	afrinarafikhul30@gmail.com
PROGRAM	Pengurusan Rekod (IM246)

1.2 PENEMBUAL KEDUA



NAMA:	Aniqah Rusyda Binti Ruslan
TARIKH LAHIR	13 September 1999
TEMPAT LAHIR	Hospital Besar Alor Setar
ALAMAT	NO 60, KG BANGGOL PETAI 06700 PENDANG KEDAH.
NO. TELEFON	0194521278
EMEL	aniqah1399@gmail.com
PROGRAM	Pengurusan Rekod (IM246)

2.0 BIODATA TOKOH

3.0 BIODATA TOKOH
2.1 BIODATA TOKOH



NAMA:	Encik Mazlan Bin Marzuki
UMUR:	50 tahun
TARIKH LAHIR:	09 Januari 1971
TEMPAT LAHIR:	Hospital Besar Alor Setar, Kedah
ALAMAT:	197, Lorong 9, Taman Ria Mesra, 08300 Jalan Jeniang, Gurun, Kedah.
NO. TELEFON:	016-4742766
E-MEL:	mazlan9825@gmail.com
PROFESION:	Kakitangan Kerajaan
BIDANG:	Perhutanan

2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Encik Mazlan Bin Marzuki adalah seorang pengawas hutan yang berumur 50 tahun dan tinggal di Jalan Jeniang, Gurun, Kedah. Beliau dikenali dengan panggilan Cik Lan dan beliau juga terkenal dengan sikap ramah dan mudah didekati. Beliau telah mendirikan rumah tangga pada tahun 1997. Encik Mazlan dikurniakan empat orang cahaya mata iaitu seorang perempuan dan tiga orang lelaki.

Encik Mazlan atau dikenali sebagai Cik Lan telah lama berkecimpung dalam bidang perhutanan sejak muda lagi. Beliau berjinak-jinak dalam menceburi bidang pengawas hutan ini bermula pada tahun 1993 dimana beliau telah menjadi penjawat awam iaitu sebagai pekerja rendah awam khas. Pada tahun itu, beliau bertugas di Pejabat Hutan di Kulim bahagian Hutan Lipur hingga tahun 1997. Kemudian, pada tahun 2001, beliau telah menyambung pelajaran di sebuah universiti di Kuala Lumpur. Setelah beliau menamatkan pelajaran pada tahun 2002, beliau bertugas sebagai pengawas hutan di Alor Setar dan ditempatkan di Pejabat Daerah Kedah Tengah. Sepanjang tempoh tugas beliau disana, beliau telah mengambil Peperiksaan Tahap Kecekapan (PTK) dan beliau berjaya mendapat keputusan yang cemerlang iaitu aras 4 dan beliau juga ditawarkan kenaikan 4 separa iaitu sebagai Pengawas Hutan Gred G11 pada tahun 2007.

Setelah menamatkan tugas beliau di Alor Setar, beliau telah ditawarkan untuk menjadi pengawas hutan dan penjaga hutan Gunung Jerai pada tahun 2010. Terdapat pelbagai sumbangan beliau sepanjang menjadi pengawas hutan di Gunung Jerai yang patut kita banggakan sebagai rakyat Malaysia. Hasil usaha beliau dan rakan-rakan, mereka telah berjaya menarik kunjungan orang ramai untuk mendaki Gunung Jerai bermula pada tahun 2012 dan pada tahun 2013, jumlah pengunjung yang datang berkunjung ke Gunung Jerai naik dengan mendadak. Kenaikan mendadak itu dapat dilihat apabila usaha beliau untuk mempromosikan Gunung Jerai kepada masyarakat luar berjaya menarik seramai 24 000 orang dalam masa setahun untuk naik dan mendaki Gunung Jerai. Beliau telah dianugerahkan Sijil Jurupandu Pelancong yang diiktiraf oleh Jabatan Perhutanan Negara dan beliau seorang sahaja pengawas hutan yang mendapat anugerah tersebut di negeri Kedah pada tahun 2019. Sijil itu dianugerahkan khas kepada beliau sebagai menghargai segala usaha beliau untuk menaikkan lagi nama Gunung Jerai kepada rakyat Malaysia.

Beliau menamatkan tugas beliau sebagai pengawas hutan di Gunung Jerai pada tahun 2019 kerana beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengawas Hutan G22 dan sekarang beliau ditempatkan di Pejabat Hutan Kulim, Kedah sebagai ketua renjer. Tugas beliau adalah menjaga keselamatan hutan sepadan negeri-negeri di utara. Dengan pengalaman dan pencapaian beliau sebagai pengawas hutan di Gunung Jerai sepanjang 10 tahun, ini membuktikan beliau mempunyai banyak ilmu dan arif tentang selok-belok Gunung Jerai dengan mendalam dan terperinci.

4.0 SEJARAH LISAN

5.0 SEJARAH LISAN

5.1 PENGENALAN

Menerusi laman web UKM, 2021, sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Menurut Ahmad (1987:17), sejarah lisan merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan. Kaedah ini melibatkan proses wawancara dan merakam ke dalam pita tentang keterangan-keterangan orang yang mengetahui sesuatu peristiwa sejarah sama ada melalui penglibatannya secara langsung dalam peristiwa itu atau sekadar menyaksikannya. Ia turut disokong oleh Starr (1984:40), yang menyatakan sejarah lisan merupakan kaedah pengumpulan fakta-fakta sejarah yang masih belum lagi dikaji dan dirakam semula dan merupakan penerus kepada proses mengumpul data sejarah setelah hilangnya tradisi penulisan sejarah. Ianya dikatakan bermula sejak berlakunya sesuatu peristiwa sejarah itu sendiri. (Siti Roudhah et al., 2012)

Seterusnya, menurut sebuah artikel yang ditulis oleh Seow Han Lin, Sejarah lisan biasanya merujuk kepada metodologi, bukannya teori. Tetapi semasa beberapa dekad yang lepas, para sejarawan lisan telah membangunkan beberapa teori interpretif tentang memori dan subjektiviti, serta struktur naratif yang menyediakan rangka kerja untuk cerita-cerita lisan tentang masa lalu. Walaupun ia belum wujud dalam konsep teorikal yang jelas, namun pemahaman kita terhadap memori individu dan kolektif masih jelas dan meningkat. Walaupun begitu, sejarah lisan masih dianggap oleh majoriti ahli sejarah sebagai satu metodologi. Sejarah lisan sering muncul untuk menjadi proses teknikal yang lebih atau kurang dalam mencatat jawapan informal serta seterusnya ia direkodkan dalam mesin pita dan transkrip. (Lin, 2020)

Sejarah lisan boleh dijalankan ke atas tokoh-tokoh yang masih hidup atau pun yang telah meninggal dunia. Di Malaysia, contoh projek sejarah lisan mengenai tokoh yang

masih hidup adalah seperti individu-individu yang terlibat dalam peristiwa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, peristiwa darurat, pejuang-pejuang kebangsaan, kemerdekaan dan sebagainya. Manakala sejarah lisan yang boleh dilakukan ke atas tokoh yang telah meninggal dunia adalah seperti Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Hussein Onn dan sebagainya dengan mendapatkan maklumat daripada orang yang paling rapat seperti ahli keluarga dan kenalan rapat mereka. (Siti Roudhah et al., 2012)

5.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

- Untuk memberi maklumat kepada masyarakat betapa pentingnya maklumat warisan tempatan Gunung Jerai ini dibukukan sebagai rujukan orang ramai dan generasi akan datang.
- Untuk mendokumentasikan maklumat Gunung Jerai secara menyeluruh.
- Untuk merungkai punca ancaman atau masalah ekosistem yang berlaku di Gunung Jerai.

5.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Kepentingan sejarah lisan tidak boleh dipertikaikan lagi kerana ia banyak menyumbang kepada pengetahuan masyarakat sekeliling. Kepentingan sejarah lisan dapat dilihat melalui dalam situasi di mana kurangnya sumber utama dan kedua dalam satu-satu peristiwa sejarah. Di dalam usaha memajukan penulisan sejarah di Malaysia tidak semestinya penulisan ditumpukan kepada tokoh-tokoh ternama dan peristiwa-peristiwa utama yang berlaku di sesuatu zaman. Sesungguhnya perkara ini penting, tetapi kita tidak boleh melupakan bahawa sejarah itu merangkumi juga cerita dan peristiwa rakyat biasa. Maka tajuk-tajuk yang bercorak sejarah tempatan dan juga sejarah negeri perlu diberi tempat yang sewajar. Di sinilah sejarah lisan sangat berguna sebagai bahan sejarah tempatan kerana rakyat biasa tidak meninggalkan sumber-sumber bertulis. (Mortada, 2021)

Seterusnya, sejarah lisan juga memberi kepentingan dalam membawa kepada sumber sejarah. Merujuk kepada Seow Han Lin (2020) penggunaan sejarah lisan adalah amat penting dalam memajukan penulisan sejarah. Kisah-kisah bersejarah pasti akan lenyap dengan begitu cepat sahaja jika tanpa sebarang rekod dan penulisan sejarah. Dalam mengkaji dan menghasilkan penulisan sejarah negeri-negeri Melayu umpamanya, cuma terdapat beberapa buah negeri sahaja yang mempunyai sumber-sumber asli yang berkaitan dengan perkembangan sejarah negeri tersebut, tetapi itu pun hanya terhad kepada kurun yang ke-19 sahaja. Masalah ini sangat serius kerana tiada satu tradisi menyimpan buku catatan harian, penulisan dokumen-dokumen yang lain. Maka di sinilah, kita boleh melihat bagaimana sejarah lisan boleh memainkan peranan yang amat penting dalam menambahbaikkan sumber sejarah yang ada pada zaman sekarang dan seterusnya membantu para sejarawan menghasilkan penulisan sejarah yang meliputi pelbagai bidang, yang bukannya menumpukan kepada hanya satu bidang sahaja. (Lin, 2020)

Di samping itu, sejarah lisan juga berperanan dalam membawa dan memperkenalkan sejarah dari luar ke dalam sesuatu masyarakat atau pun sebaliknya. Melalui sejarah lisan, orang yang ditemu bual mampu memberi pandangan baharu tentang peristiwa bersejarah kerana informan juga boleh terdiri daripada kalangan orang biasa dan bukan daripada golongan elit sahaja. Dengan cara ini, ia dapat membantu meningkatkan

harga dan keyakinan diri setiap lapisan masyarakat. Ia juga mampu menjadi penghubung dalam mewujudkan persefahaman antara kelas sosial dan diantara generasi ke generasi yang lain. Ini juga dapat menjadi pencetus semangat masyarakat agar lebih menyedari sejarah mereka sendiri dan merangsang minat dan penyelidikan tentang sejarah tempatan. (Siti Roudhah et al., 2012)

Akhir sekali, kepentingan lain yang dapat dilihat ialah kaedah sejarah lisan merupakan kaedah terbaik dalam usaha mengkaji serta memahami sejarah serta masyarakatnya. Bagi masyarakat yang sudah memiliki sistem tulisan bahkan menjadikan sumber bertulis sebagai kaedah penyimpan rekod dan maklumat yang utama tidak bermakna bahawa kaedah sejarah lisan tidak dapat diaplikasikan. Kepelbagaian sumber yang dilakukan bersama sumber bertulis dan sumber lisan akan mampu mengukuhkan penemuan sesuatu fakta. Keseragaman fakta yang dikemukakan dalam sumber bertulis di samping kepastian daripada sumber lisan akan menjadikan sesebuah penyelidikan dan penemuan sejarah itu lebih menampakkan kredibiliti dan keabsahannya. Pengetahuan yang diperoleh melalui sejarah lisan terutamanya berkaitan peristiwa sejarah yang berlaku akan mampu mengelakkan kepada rujukan hanya kepada satu pihak sahaja. Pengetahuan sejarah yang turut diperoleh daripada saksi samada saksi proto yang terlibat dan berada sewaktu kejadian, mahupun saksi mata dan telinga akan membolehkan kajian yang dilakukan lebih seimbang dan tidak berat sebelah. (Omar & Al, 2017)

4.0 KAJIAN LITERATURE

4.0 KAJIAN LITERATURE

4.1 TOPIK 1: WARISAN TEMPATAN

Definisi warisan dapat dilihat melalui portal Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dimana warisan adalah sebagai berkaitan dengan sesuatu yang diterima secara turun - temurun oleh seseorang dan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu. Ianya menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa yang melambangkan ketamadunannya. (WARISAN, 2015). Warisan umumnya didefinisikan sebagai sesuatu yang bernilai yang diwariskan dari satu generasi ke satu generasi yang baru. Ia merangkumi adat resam, kebudayaan, kawasan, bangunan, bahan arkib dan cetakan termasuk penulisan buku dan makalah. (Negara, 2012). Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007) telah menerangkan definisi warisan sebagai sesuatu yang diterima secara turun temurun oleh seseorang dengan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Ini bermaksud setiap perlaku atau kreativiti mereka perlu dimiliki dan diterima oleh setiap masyarakat tanpa mengenai generasi terdahulu. (Melayu, 2011).

Warisan boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian antaranya ialah warisan ketara. Warisan budaya ketara boleh diterjemahkan sebagai benda yang boleh diturun-temurunkan kepada generasi akan datang dengan nilai tambah sendiri. Ia terdiri daripada gunung, sungai, masjid, candi, bangunan, monumen, pekan, makam, pantai, manuskrip, karangan-karangan lama dan baru diberi nilai tinggi oleh masyarakat, artifak sejarah dan pemuziuman yang tergolong dalam warisan tampak. Ini semua tergolong dalam kelompok kawasan, monumen dan bangunan. (Melayu, 2011). Seterusnya, warisan tidak ketara juga merupakan salah satu kategori warisan dimana dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005, Warisan Tidak Ketara melibatkan pengekalan warisan yang wujud berhubung dengan warisan Malaysia yang mempunyai nilai estetik yang tinggi. (User, 2016). Warisan kebudayaan tidak ketara termasuklah mana-mana bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu yang dihasilkan melalui muzik, not, lirik boleh didengar, nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian sebagaimana yang dihasilkan melalui seni pentas, persembahan teater, penggubahan bunyi dan muzik, seni mempertahankan diri, yang telah

wujud atau wujud berhubung dengan warisan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia atau berhubung dengan warisan masyarakat Malaysia. (S. Warisan, 2005)

Selain itu, warisan semula jadi merupakan salah satu kategori warisan dimana warisan semula jadi termasuklah ciri-ciri semula jadi manamana kawasan di Malaysia yang terdiri daripada pembentukan tanah secara fizikal atau biologi atau kumpulan pembentukan itu, ciri geologi atau fisiografi, gunung, sungai, anak sungai, pembentukan batu, pesisir laut atau mana-mana tapak semulajadi yang mempunyai nilai yang menonjol dari pandangan semula jadi, sains, pemuliharaan sejarah atau keindahan semula jadi termasuk flora dan fauna Malaysia. (S. Warisan, 2005). Warisan tempatan boleh dikaitkan dengan warisan semula jadi seperti dinyatakan di UNESCO Convention, warisan semulajadi merujuk kepada ciri-ciri semula jadi, pembentukan geologi dan fisiografi, kawasan yang ditakrifkan sebagai habitat spesies haiwan dan tumbuhan yang terancam serta tapak semula jadi yang bernilai dari sudut sains, pemuliharaan atau keindahan semula jadi yang termasuklah taman alam dan rizab, zoo, akuarium dan taman botani. (S. Warisan, 2005)

Masyarakat di Malaysia haruslah sedar akan kepentingan untuk kita melindunginya dari sebarang pencerobohan atau kerosakan disebabkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Datin Patinggi Datuk Jamilah Anu menyatakan bahawa pemeliharaan warisan tempatan merupakan pelaburan yang baik kerana nilai estetika dan sejarahnya sama penting untuk menjadi daya tarikan pelancong. Beliau menggalakkan rakyat yang menceburi bidang pelancongan untuk mempelajari cara-cara mengolah warisan lama sebagai aset untuk pembangunan ekonomi setempat. (Liza, 2014). Warisan yang dimiliki perlu diberikan perlindungan sewajarnya supaya dapat dinikmati generasi seterusnya. Kerajaan telah menggubal Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) untuk memberi perlindungan yang wajar dan komprehensif kepada warisan negara. (A. Warisan et al., 2015). Kerajaan juga melarang menceroboh kawasan-kawasan monumen, benda bersejarah dan tapak-tapak tanah bersejarah. Larangan ini bertujuan mengelakkan berlaku pencerobohan oleh orang perseorangan atau kumpulan tanpa kebenaran. Pencerobohan boleh merosakkan dan memusnahkan monumen, benda bersejarah dan tapak bersejarah sekiranya tidak ada penguatkuasaan ke atasnya. (Dan et al., 2018)

Pelbagai usaha yang dilakukan untuk memulihara dan memelihara warisan negara kita agar ia tidak pupus dek ditelan zaman. Pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan dan

tapak warisan di Malaysia adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Warisan Negara (JWN). Pembangunan dan perkembangan pemuliharaan bangunan warisan berada pada kepentingan Negara apabila Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) diluluskan di Parlimen. Akta Warisan Kebangsaan 2005 mengadakan peruntukan bagi pemuliharaan dan pemeliharaan Warisan Kebangsaan, warisan semula jadi, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan bawah air dan perkara-perkara lain yang berkaitan. (Negara, 2012). Perundangan warisan melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) digunakan untuk memberikan perlindungan dalam usaha mengekalkan warisan budaya negara. Akta Warisan Kebangsaan 2005 telah menjadi tunjung utama kepada perundangan yang berkaitan dengan warisan yang sedia ada seperti Akta Benda Purba 1976 (Akta 168), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 1972) dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). (Dan et al., 2018).

Akta Warisan Kebangsaan 2005 mempunyai banyak kelebihan yang menyumbang kepada pemeliharaan dan pemuliharaan warisan tempatan kita. Kelebihan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) adalah diperuntukkan satu seksyen yang berkaitan dengan kawasan pemuliharaan bagi melindungi tapak warisan daripada tindakan pencerobohan dan dimasuki secara haram. Seksyen 45 (1) (2) telah memperuntukkan dengan jelasnya mengenai kedudukan tapak kawasan yang sepatutnya. Kawasan warisan hendak dipelihara dan pelihara perlu mengikut pelan pengurusan pemuliharaan dengan mengadakan zon penampian di sekeliling suatu pusat utama atau di sekeliling tapak yang telah ditetapkan sebagai tapak warisan. Kawasan pemuliharaan telah diperuntukkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk menentukan tapak warisan di bawah pentadbirannya. (Dan et al., 2018).

Terdapat beberapa seksyen di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang menyenaraikan kesalahan dan peraturan dalam proses memelihara dan memulihara warisan tempatan di negara kita. Sebagai contoh, di bawah Seksyen 112, Kesalahan berkenaan dengan Tapak Warisan, ia menerangkan tentang tiada seorang pun boleh, tanpa kelulusan Pesuruhjaya secara bertulis iaitu mengorek, membina, menggali, membangun, menanam pokok, menguari, mengairi, membakar kapur, atau mendeposit tanah atau sampah, di atas atau di tapak warisan atau kawasan pemuliharaan, Membersihkan mana-mana kawasan atau mengganggu, memusnahkan atau mengalih mana-mana pokok, tumbuhan bawah, rumpai, rumput atau tumbuh-tumbuhan di mana-mana tapak warisan;

atau Melakukan apa-apa aktiviti atau tindakan yang mungkin menyebabkan kerosakan kepada tanah yang bersempadan dan tanah di sekitarnya yang telah didaftarkan sebagai suatu tapak warisan. Perkara ini sangat dititikberatkan agar warisan tempatan di negara kita terpelihara dalam keadaan yang teratur mengikut garis panduan yang telah disediakan oleh pihak bertanggungjawab. (Negara, 2012)

4.2 TOPIK 2: GUNUNG JERAI

Gunung Jerai, Kedah adalah salah satu puncak terpencil di Semenanjung Malaysia (Auyob, 2016). Dengan suhu di antara 19 hingga 24 darjah celsius, ia adalah kawasan tarikan pelancong terutama mereka yang ingin bersantai dan menikmati udara daripada kawasan tanah tinggi (Portal Rasmi Majlis Daerah Yan, 2021). Gunung Jerai ialah salah satu destinasi pelancongan menarik di Kedah. Ia adalah pusat peranginan tanah tinggi yang mempunyai berbagai tarikan semulajadi. Walaupun tidak sehebat Cameron Highlands, ia menawarkan sesuatu yang lain iaitu pemandangan yang cukup mengagumkan. Selain destinasi percutian, ia juga popular dengan aktiviti mendaki gunung, berbasikal dan mandi air terjun (cutiadmin, 2019).

Selain itu, lokasi gunung jerai ini terletak di dua daerah iaitu Yan dan Kuala Muda. Kaki gunung di mana terdapat jalan tar untuk ke puncak terletak di Gurun. Ia sebetulnya terletak di tepi jalan utama Alor Setar - Sungai Petani. Pengunjung dari Pulau Pinang atau Perlis yang ingin ke sini boleh menggunakan Lebuhraya PLUS dan ikut susur keluar Gurun. Jarak dari plaza tol Gurun ke kaki gunung lebih-kurang 5km, iaitu dalam 10 minit perjalanan. Pengunjung boleh memandu terus hingga ke puncak atau mengambil van di kaki gunung. Jarak dari kaki gunung ke puncak lebih kurang 12km. Perjalanan mengambil masa lebih-kurang 30 minit kerana jalannya yang agak sempit dan merbahaya. Adanya selekoh tajam dan selekoh merbahaya di mana pemandu tidak boleh melihat kenderaan datang dari hadapan. Jika pertama kali datang ke sini, pengunjung disyorkan menggunakan perkhidmatan van (cutiadmin, 2019).

Seterusnya, gunung jerai juga mempunyai simpanan khazanah purba. Banyak kesan sejarah di Gunung Jerai, antaranya Padang Tok Sheikh dan Telaga Tok Sheikh orang yang bertanggungjawab mengislamkan Maharaja Debar Raja I yang kemudian bergelar Sultan Muzaffar Shah pada 1136. Gunung Jerai setinggi 1,217 meter adalah lambang

kemegahan negeri Kedah. Melihat dari jauh, ia seolah-olah raksasa yang mengawal keseluruhan negeri itu. Pada abad ke-4 hingga 13, Gunung Jerai digunakan pedagang Parsi, Arab, Cina dan India sebagai panduan berdagang di Kedah. Di samping itu, jika ke Gunung Jerai, kita boleh menyaksikan bongkah batu besar yang menyerupai sebuah kapal. Mengikut sejarah, batu itu berasal dari kapal Maharaja Mergong Mahawangsa yang disumpah Sang Kelembai ketika berlabuh di Pulau Jerai yang juga sebagai nama asal gunung berkenaan (Portal Rasmi Majlis Daerah Yan, 2021).

Tambahan pula, lokasi pertama yang akan ditemui setelah mendaki hampir 10km ke puncak gunung ialah Muzium Perhutanan Negeri Kedah. Ia adalah salah satu tempat menarik di puncak Gunung Jerai. Lokasinya hanyalah ditepi jalan berhampiran laluan ke Taman Rimba. Berbagai khazanah dan maklumat mengenai hutan simpan Gunung Jerai dipamerkan di sini. Ia ditutup sejak September 2019 untuk kerja-kerja baikpulih dan penambahbaikan. Menurut perancangan, ia akan dibuka semula pada 16 Disember 2019 (cutiadmin, 2019).

Sehubungan itu, terdapat juga taman rimba di kawasan pergunungan gunung jerai. Taman Rimba adalah tapak perkhemahan di Gunung Jerai. Kawasanya luas, cantik dan mempunyai berbagai kemudahan. Terdapat chalet, dewan terbuka, dewan memasak, surau, tandas dan bilik air. Di sini juga terdapat kolam mandi dan kolam air terjun (cutiadmin, 2019). Menyedari kepentingan gunung itu kepada sektor pelancongan, kerajaan negeri membangunkan kemudahan penginapan yang mengandungi 13 chalet, restoran, dewan, masjid dan tapak perkhemahan. (Portal Rasmi Majlis Daerah Yan, 2021).

Gunung Jerai juga menyimpan khazanah geologi malah formasi gunung itu dikatakan sama dengan Gunung Matchicang yang berusia 300 juta tahun. Bahan-bahan geologi yang menarik termasuk batu-batan berwarna warni, garnit, garnet dan monazit. Kedudukan Gunung Jerai yang dekat dengan laut menyediakan kawasan pemandangan tanah tinggi yang menakjubkan. Dari puncak gunung pengunjung boleh melihat sawah padi yang terbentang luas. Ketika musim menuai, hamparan itu kelihatan seperti permaidani emas. (Portal Rasmi Majlis Daerah Yan, 2021).

Dalam pada itu, terdapat beberapa aktiviti menarik di Gunung Jerai. Bagi masyarakat setempat, Gunung Jerai adalah tempat riadah harian. Setiap petang, jalan tar ke puncak gunung dijadikan sebagai trek untuk berbasikal atau berjalan kaki. Di hujung

minggu pula lebih ramai yang melakukan aktiviti ini di awal pagi dan petang. Jalan yang teduh dan udara yang bersih menjadikannya semakin popular hari ke hari. Gunung Jerai juga adalah lokasi popular untuk aktiviti perkhemahan dan berkelah. Taman Rimba yang merupakan tapak perkhemahan menjadi tumpuan pengunjung untuk berkumpul bersama keluarga pada musim cuti. Kawasan yang luas dengan berbagai kemudahan asas serta pemandangan menarik menjadikannya pilihan terbaik untuk aktiviti ini. Bagi pelancong atau pengunjung yang bercuti disini, beberapa aktiviti boleh dilakukan seperti melawat tempat menarik, mandi air terjun, trekking dan mendaki gunung. Jika merancang untuk kemari, pastikan anda membawa pakaian mandi, pakaian trekking, kasut dan peralatan yang perlu untuk melakukan aktiviti yang dinyatakan (cutiadmin, 2019).

Lain daripada itu, kemudahan asas disediakan di kaki gunung dan di puncak Gunung Jerai. Di kaki gunung terdapat tempat letak kereta yang luas termasuk ruang untuk bas, kereta dan motosikal. Selain itu, medan selera, kedai, taman permainan kanak-kanak, tandas dan surau turut disediakan. Selain itu, tandas awam, bilik mandi, pondok rehat, kerusi, dewan, tapak perkhemahan, pondok masak dan surau. Tempat penginapan turut terdapat di puncak gunung (cutiadmin, 2019). Jika pengunjung berminat dengan flora dan fauna, pelbagai spesies hidupan boleh ditemui seperti orkid, serangga akuatik, rama-rama, katak, burung, periuk kera dan tumbuhan herba. Di Tangga Kenari 1,000 Tahun, pengunjung boleh mendaki anak tangga dan trek hutan ke puncak melalui daerah Yan. Trek Jejak Warisan bermula dari Muzium Arkeologi Lembah Bujang memberi peluang kepada pengunjung menikmati persekitaran alam semula jadi sepanjang laluan itu (Portal Rasmi Majlis Daerah Yan, 2021).

Gunung Jerai adalah satu-satunya pusat peranginan tanah tinggi di Kedah yang mempunyai tempat penginapan untuk pelancong. Walau bagaimanapun, terdapat hanya sebuah Gunung Jerai resort iaitu The Regency Jerai Hill Resort. Resort ini mempunyai 13 chalet dengan 75 bilik disediakan untuk pelancong. Anda boleh menempah bilik melalui laman web atau di pejabat Regency Resort di kaki gunung. Antara kemudahan dan fasiliti yang terdapat di resort ini ialah kolam renang, taman permainan kanak-kanak, Botanical Park, restoran, masjid, dan tapak perkhemahan. Harga bilik disini agak mahal mungkin kerana ia adalah satu-satunya Gunung Jerai resort. Walau bagaimanapun, hampir semua maklum-balas dan ulasan pelancong yang bermalam disini berpuas hati. Jadi tentu ia

berbaloi. Bagi pengunjung tempatan, mereka lebih selesa mendirikan khemah ditempat awam. Cuma suhu disini agak sejuk terutama diwaktu malam (cutiadmin, 2019).

Oleh itu, seseorang seperti petugas pengawal hutan atau dikenali sebagai Renjer Gunung Jerai ini sangat penting kewujudannya kerana tugas atau peranan mereka ialah menjaga atau mengawasi setiap aktiviti dari masa ke semasa untuk menghindari dari segala masalah atau kerosakan kepada alam sekitar semula jadi ini atau harta benda awam dan keunikan Gunung Jerai ini daripada terhapus.

**5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
TOKOH: ENCIK MAZLAN BIN
MARZUKI**

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

5.1 SESI PERTAMA

Assalamualaikumwarahmatullah dan salam sejahtera, berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang warisan tempatan Gunung Jerai. Bersama-sama kami ialah Encik Mazlan Bin Marzuki yang merupakan seorang pengawas hutan Gunung Jerai. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 27 Mei 2021 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 9:50 malam secara atas talian menggunakan platform Google Meet. Temu bual ini dikendalikan oleh Aniqah Rusyda Binti Ruslan dan Nur Afrina Binti Mohammad Rafikhul. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NAR: Okey kan Pakcik Lan [Mazlan Bin Marzuki]?

MBM: Okey, boleh. Okey, Assalamualaikumwarahmatullahitaalawabarakatuh.

NAR: Waalaikumsalam.

MBM:Terima kasih dan selamat malam kepada Cik Nur Afrina Binti Mohammad Rafikhul dan Cik Aniqah Rushda Binti Ruslan.Okey, sebelum memulakan temubual, saya memperkenalkan diri saya.

NAR: Okay

MBM: Saya Mazlan Bin Marzuki. Okey, berusia 50 tahun. Baru masuk 50 tahun. Bertugas di dalam Jabatan Perhutanan Negeri Kedah [Malaysia] dengan gelaran pengawas hutan lah. Pengawas hutan. Dan saya memulakan karier, (gangguan notifikasi) memasuki jabatan perhutanan pada 2 Oktober 1993. Dan sekarang (gangguan notifikasi) saya bertugas di tempat, di tempat baru, saya banyak pe-penempatan dan sekarang saya bertugas di tempat baru iaitu di, sebagai ketua renjer Pejabat Hutan Renj Cemperau, Kulim [Kedah, Malaysia]

NAR: Okay.

MBM: Okay, sebelum ni memang saya bertugas di (berfikir) Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Okay. Rekreasi Hutan Lipur Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] dan satu Gunung Jerai atau keseluruhan Gunung Jerai. [Kedah, Malaysia] Iaitu Gunung Jerai

[Kedah, Malaysia] tempat saya bertugas pada awal bulan sepuluh, a-awal *no* [bukan], bukan bulan sepuluh, pada awal tahun 2010 dan bertukar daripada Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] pada 1 Mac (berfikir) 2019. Okey, 2019. Selepas tu, saya bertukar pulak ke Pejabat Hutan Renj Jeniang [Kedah, Malaysia] selama setahun dua bulan tiga 2020 selama setahun. Bertukar pulak dua haribulan tiga 2020 ke Pejabat Hutan Negeri Kedah [Malaysia] selama setahun. Kemudian rezeki sa-saya ditukarkan pulak ke (gangguan notifikasi) jawatan sekarang, ke penempatan sekarang, pada dua haribulan tiga 2021. Ha itu salahsila saya lah. Okey- -.

NAR: So [Jadi] pakcik - - [Mazlan Bin Marzuki], lahir, tempat lahir pakcik kat mana? Asal, asal oqang mana?

MBM: Oh asal. Kalau tempat, kalau tempat lahir tu di Hospital Besaq Alor Setaq [Kedah, Malaysia] lah. Asal saya oqang Alor Setaq [Kedah, Malaysia] dan saya pon membesar di Alor Setaq [Kedah, Malaysia]. Cuma saya, cuma (berfikir) melanjutkan pelajaran pada tahun 2001, 2001. Di, masa tu digelar unit perhutanan, Unit Latihan Perhutanan Semenanjung Malaysia iaitu di Kepong, Selangor [Malaysia]. Okey yang lain-lain, sa-ya, saya belajar di Sekolah Menengah, Sekolah Rendah di tempat kelahiran saya, kemudian Sekolah Menengah di Sekolah Menengah Tengku Telok Chengai ditukaqkan ke Tengku Laksamana [Alor Setar, Kedah, Malaysia]. Kemudian saya masuk sekejap ke Kolej Sultan Abdul Hamid [Alor Setar, Kedah, Malaysia]. Seterusnya saya (berfikir) ke berapa la, ke berapa tempat-tempat untuk membuat apa, kerja-kerja sambilan sebelum diserapkan, ditem-, dimasukkan, bukan, sebelum masuk ke Jabatan Kerajaan lah (senyum) (televisyen)

NAR: Dengaq bunyi tv.

MBM: Oh dengaq tv. Okey boleh boleh, tv. Tv lagu sedih lah, *slow* [perlahan] sikit. Sekejap saya tukaq *mic* [mikrofon] (sambal memakai fon telinga)

NAR: Boleh, boleh.

MBM: Rakam lain.

NAR: Takpa, boleh boleh.

ARR: Boleh, boleh

MBM: Oh okay. Kita tukaq *mic* [mikrofon] mahai. *Mic* [mikrofon] mahai. (sambil memakai fon telinga). Buat lain. Buat semula.

NAR: Boleh pakcik [Mazlan Bin Marzuki], boleh teruih, boleh teruih.

MBM: Boleh ka?

NAR: Boleh.

ARR: Terus kan takpa. Terus kan.

MBM: Boleh potong lah?

NAR: Boleh--, terus kan.

MBM: Okey

NAR: Okey. So [jadi] tadi pakcik [Mazlan Bin Marzuki] dekat Kolej Sultan Abdul Hamid tu belajaq- - kos apa?

MBM: Saya bukan kos, itu sekolah, kolej tu.

NAR: Oh sekolah, saya taktau.

MBM: Bukan ____ (sambil ketawa). Dulu Kolej Sultan Abdul Hamid [Alor Setar, Kedah, Malaysia], macam (sambil berfikir) STAR- - [Sekolah Tunku Abdul Rahman] Ipoh [Perak, Malaysia] tau?

NAR: Haa tau.

MBM: Sekolah Tunku Abdul Rahman [Ipoh, Perak, Malaysia], haa macam tu. Dulu masa _____, masa zaman saya tahun 1988 (sambil berfikir), 87 [1987]. Saya masuk sebagai *players* [pemain], *players* [pemain] *state* [negeri] iaitu bola. Dan kita tumpang di kolej tu untuk bermain bola peringkat negeri. Tetapi saya punya sekolah, belajar di Sekolah Menengah Tengku Laksamana, Telok Chengai [Alor Setar, Kedah, Malaysia] masatu. Jadi kita dipinjamkan peringkat negeri, kita

dipinjamkan untuk berlatih dan bermain di kolej. Itu saya kata ditempatkan di kolej, tapi belajar sekolah lain.

NAR: Oh, Okey (sambil ketawa)

MBM: Duduk di kolej.

NAR: Faham, faham.

MBM: Okey.

NAR: Pakcik [Mazlan Bin Marzuki] ada beqapa adik beradik? Pakcik [Mazlan Bin Marzuki] anak ke beqapa?

MBM: Okey (sambil melihat telefon)

ARR: Tempat tinggal ibu bapa pakcik Lan [Mazlan Bin Marzuki].

MBM: Sekarang lah? (sambil melihat telefon)

ARR: Ya

MBM: (Berdehem) (Sambil melihat telefon) Untuk makluman, saya berasal daripada sebuah keluarga iaitu bapak saya, Marzuki Bin Nan, ibu saya Che Kama Binti Mat Isa lah. Kami bilangan adik beradik enam orang. Lima laki, satu perempuan. Abang saya - - Saya anak yang nombor dua. Okey. Yang paling bongsu, perempuan (gangguan bunyi kerusi ditarik). Dan semua dah kahwin. (Berfikir) Semua dah- - bekeluarga, tetapi masing-masing duduk di penempatan yang jauh-jauh lah. Abang saya di Kuala Lumpur, Sepang [Malaysia]. Saya di, di Gurun, Kedah [Malaysia]. (gangguan notifikasi) Adik saya nombor tiga di Ipoh [Perak, Malaysia]. Yang nombor empat, ada di, dekat Gurun [Kedah, Malaysia]. Dan lima dan enam, ada di Alor Setaq [Kedah, Malaysia]. Alor Setaq [Kedah, Malaysia], Bahasa Kedah noh, Alor Setaq [Kedah, Malaysia] (ketawa).

ARR: Pakcik Lan- - [Mazlan Bin Marzuki], anak ke berapa?

MBM: Saya anak yang *number* [nombor] dua. Anak dua dalam keluarga lah.

NAR: Okey, Okey, faham. Okey. Soalan seterusnya, Okey macam mana pakcik [Mazlan Bin Marzuki] boleh bekerja sebagai penagawas hutan kat Gunung Jerai ?

MBM: (Berfikir) Okey(berdehem). Permulaan dia lah? Macam mana boleh dapat lah, boleh dapat kerja.

NAR: Ha, ha betul.

MBM: Okey. Pada, saya masuk (gangguan internet) bekerja pada _____ 1993, swasta lah. Kemudian saya cuba masuki rekrut, rekrut untuk *army* [tentera], tentera iaitu tentera. Tetapi tak sesuai dengan saya. Kemudian saya, sembilan puluh satu [1991], saya *apply* [memohon] dua tiga jawatan kerajaan. Sembilan puluh dua [1992] *apply* [memohon] lagi dan sembilan puluh tiga [1993] rezeki saya. Saya dapat tiga jawatan yang ditawarkan kepada saya. Yang pertama, saya dapat Jabatan Perhutanan (gangguan bunyi barang jatuh). Okey. Jabatan Perhutanan, tawarkan saya untuk berkhidmat dalam Jabatan Perhutanan lah. Yang kedua saya dapat imigresen. Imigresen (sambil mengangguk), tahun yang sama tetapi bulan berbeza iaitu dia akan ditempatkan di Langkawi [Kedah, Malaysia]. Yang ketiga saya dapat Biro Tata Negara iaitu Jabatan Perdana Menteri. Okey (sambil mengangguk). Saya pilih Jabatan Perhutanan sebab saya masa, dipi - - sebelum dipilih Jabatan Perhutanan, saya telah bermain bola sepak dengan negeri, Jabatan Perhutanan Peringkat Negeri (berfikir), Peringkat Negeri Kedah. Bermain untuk Jabatan Perhutanan sebagai (berfikir), orang kata apa, sokongan lah di la- -, masa tu di- - tak silap saya di Kelantan [Malaysia] (gangguan orang ketiga). Okay___ [baik]saya main bola sepak dengan, dengan Jabatan Perhutanan dan mereka memerlukan khidmat saya. Okey. Dengan saya punya keputusan sijil yang ada, kelulusan saya ada (gangguan orang ketiga), saya mohon, saya mohon untuk jawatan kosong dan diterima, setelah ditemuduga dan diterima oleh Jabatan Perhutanan. Jadi saya pilih Jabatan Perhutanan lah untuk berkhidmat. Yang imigresen dengan Biro Tata Negara saya tolak lah sebab saya lebih kepada, saya minat saya mendalam kepada bidang perhutanan.Okey (sambil berdehem)

NAR: Sebab tu, sebab tulah pakcik [Mazlan Bin Marzuki] boleh bekerja dekat, sebagai pengawas hutan dekat Gunung Jerai?

MBM: Tak dengaq. Tak dengaq. *Sorry* [Minta maaf].

NAR: Sebab, sebab minat pakcik [Mazlan Bin Marzuki] dalam bidang perhutanan ni ka yang menyebabkan pakcik [Mazlan Bin Marzuki] bekerja menjadi pengawas hutan kat Gunung Jerai. Kan?

MBM: Bukan, bukan. Okey. Minat untuk masa tu dengan Jabatan Kerajaan ni, adalah satu yang pertama disebabkan, kita daripada, saya sebenarnya daripada keluarga yang orang kata sederhana susah. Bukan susah. Sederhana. Bapak [Marzuki Bin Nan] saya seorang ___ hospital dengan pendapatan yang kurang (berfikir), orang kata apa, masa tu kan, zaman-zaman dulu, gaji rendah (gangguan internet). Jadi kita ni satu kita minat, kita nak bantu keluarga. Abang saya kerja dengan MAS- - [Malaysia Airline], Malaysia dan saya, kelulusan saya dengan saya punya kelebihan saya bermain bola, ditawarkan dan dapat dengan Jabatan Hutan, kemudian saya masuk tahun sembilan puluh tiga [1993] ditempatkan dulu di Pejabat Hutan Renj Cempemau Kulim [Kedah, Malaysia]. Tempat saya bertugas sekarang kan? Okey, saya bertugas di sana sebagai, jawatan saya pekerja rendah awam khas (gangguan notifikasi dan gangguan suara anak-anak MBM) masa tu jawatan saya rendah. Selepas itu pada tahun 1997 (gangguan notifikasi), saya telah ditukarkan ke Pejabat Hutan Negeri Kedah [Malaysia]. 1997 (gangguan suara anak-anak MBM) ditukarkan ke Pejabat Hutan Negeri Kedah [Malaysia] dan ditempatkan di bahagian hasil, unit hasil. Belum masuk pegawai hutan apa. Selepas tahun 1997, sembilan puluh lapan [1998], sembilan puluh sembilan [1999], tahun 2000. 2001 saya mohon untuk melanjutkan pelajaran di Unit Latihan Perhutanan Kepong, Selangor [Malaysia] dan belajar di sana dengan *course* [kursus], bidang perhutanan selama setahun. Okey, tahun 2000- -(cuba mengingati), saya balik tahun dua ribu- -(cuba mengingati) penghujung 2001, kemudian keluar jawatan kosong ma-memerlukan pengawas hutan. Dan saya mohon, sekali mohon rezeki saya Alhamdulillah, dapat dengan kenaikan pada tahun dua, dua haribulan sepuluh (berfikir) sembilan- (berfikir), sembilan-, 2007, ditawarkan sebagai pengawas hutan biasa iaitu sebagai G11. Dan bertugas ditempatkan di Pejabat Hutan Renj Jeniang [Kedah, Malaysia]. Okey, saya bertugas di Pejabat Hutan Renj Jeniang- -

[Kedah, Malaysia] dalam kawasan Pejabat Hutan Daerah Kedah Tengah [Malaysia] lah pada tahun se-, 2007, 2008, 2009 dan dua ribu- - (sambil berfikir) penghujung 2009, saya telah ditukarkan ke (berfikir)(gangguan notifikasi) Pejabat Hutan Renj Gurun [Kedah, Malaysia] dan ditempatkan di hutan lipur yang ditempatkan di Gunung Jerai (gangguan internet) iaitu Muzium Perhutanan Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Bermulalah karier saya di pejabat- - di Muzium Perhutanan Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] dan saya diberi tugas mengawasi Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] serta sekitarnya termasuk dalam kawasan Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] bermula pada satu haribulan sepuluh, (berkerut) 1 Januari 2010. (gangguan notifikasi) Okey, sele-, iaitu selama sembilan tahun 2010 hingga 2019 baru saya tukar, tukar turun balik ke Pejabat Daerah Renj Jeniang [Kedah, Malaysia] sebagai pegawai yang menjaga tapak _____ Jeniang [Kedah, Malaysia] selama setahun. Selepas itu, saya ditukarkan pulak ke Pejabat Hutan Negeri Kedah [Malaysia] di bahagian unit (berfikir) hutan lipur negeri selama setahun. Dan keluar jawatan kosong, saya pon mohon untuk sebagai, pegawai jawatan kosong tu, iaitu G22 (gangguan notifikasi), G22 iaitu kananlah, pegawai hutan kanan (gangguan notifikasi) dan Alhamdulillah rezeki saya dapat pada bulan dua, bulan dua 2021 (berfikir) dan satu haribulan tiga 2021, saya ditempatkan di Pejabat Hutan Renj Kulim Cemperau [Kedah, Malaysia] sebagai ketua renj disitu sekarang, sehinggalah sekarang. Baru (berfikir) tiga, empat, lima, (sedang mengira) baru dua bulan lebih (gangguan notifikasi). Itu saya punya perjalanan.

NAR: So [Jadi], Okey aniqah.

ARR: Okey, lepastu kami nak tanya kan (berdehem) apakah, pada pendapat pakcik Lan [Mazlan Bin Marzuki], apakah perbezaan Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] dengan gunung-gunung yang lain?

MBM: Okey, kalau Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] dengan gunung-gunung yang lain, contoh kita bagi contoh yang paling ketara, yang saya bertugas di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] lah, yang contoh yang lain contohnya seperti Gunung Raya [Langkawi, Kedah, Malaysia], Gunung Je- -, Raya, Langkawi. [Kedah, Malaysia] Okey? Gunung Mat Cincang [Langkawi, Kedah, Malaysia] kan, Gunung Mat

Cincang [Langkawi, Kedah, Malaysia] kan (sambil mengangguk) okey Langkawi [Kedah, Malaysia]. Gunung Mat Cincang Langkawi [Langkawi, Kedah, Malaysia] yang ada jugak yang kawasan dia boleh di *hiking* [mendaki] jalan kaki, tetapi tidak boleh hik- - naik dengan kenderaan. Okey, tempat perkhemahan pon takdak di situ, yang cuma boleh naik dengan gondola, betul kan? Dengan gondola sahaja, tetapi Gunung Raya [Langkawi, Kedah, Malaysia] boleh naik dengan kenderaan (gangguan bunyi barang diubah) tetapi hanya ____ sahaja, yang jalan kaki tu (berkerut) boleh, ada satu laluan trek di sebelah belakangnya tetapi dia tak *famous* [terkenal] sangat sebab, - - kelebihan saya di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], okey, kelebihan saya di Gunung Serai [sic, Gunung Jerai] [Kedah, Malaysia], saya ada satu di atas tu boleh panggil Jerai, Jerai Hill Resort [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] iaitu hotel lah bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah yang pertama. Yang kedua, sejarah-sejarah Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] serta persekitaran dia dari zaman kurun Masihi dulu. Kemudian kita ada laluan jalan raya yang boleh dihubungi dengan menaiki kenderaan sendiri atau kenderaan menumpang ataupun teksi, cuma bas tak leh naik. Yang ketiga kita ada trek laluan jalan kaki yang boleh *hiking* [mendaki], kita ada beberapa laluan jalan kaki, contoh Seri Perigi [Yan, Kedah, Malaysia], kita ada Jejak Warisan [Kedah, Malaysia], kita ada jalan raya dan jalan raya s—dia boleh jalan daripada bawah sampai ataih boleh jalan kaki, boleh naik keta, boleh naik motor (gangguan bunyi nada dering telefon). Okey. Di hutan lip- -, di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] kelebihan pada saya, disebabkan oleh aktiviti-aktiviti yang saya lakukan apabila saya bertugas di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] itu, saya olah tempat tu daripada kawasan yang suram, dulu-dulu punya *in-charge* [bertugas] jaga sana, kita panggil *in-charge* [bertugas] nah, pengawas hutan kita panggil *in-charge* [bertugas]. *In charge*- - [bertugas], petugas sana, pengalaman dia saya, saya peqati hanya bertugas mengawal kawasan orang berkhemah, hanya pergi tengok keselamatan, cuci kawasan dan menjaga muzium. Tetapi, daripada pengalaman saya- - ada Sijil Jurupandu Pelancong Semenanjung Malaysia yang diiktirafkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan juga diberi oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan saya saorang saja yang ada di Kedah, Sijil

Jurupandu Pelancong Semenanjung Malaysia diiktiraf oleh Jabatan Perhutanan Nege- - Malaysia, Semenanjung Malaysia. Satu negeri sorang saja yang dapat dan saya salah sorang, tiap-tiap negeri sorang. Itu kelebihan saya (sambil senyum). Aktiviti (sambil membetulkan kedudukan), aktiviti yang saya ada sana sebab bila saya ada sijil dan saya ada kemahiran dalam bidang perhutanan semasa saya bertugas di daerah (gangguan notifikasi dan gangguan bunyi barang diubah) iaitu semasa masuk hutan, jadi pengalaman saya ni saya bawak masuk ke Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], saya mengajar pelajar-pelajar sekolah, sekolah rendah, pelajar-pelajar sekolah menengah, pelajar-pelajar u-universiti, ipt [Institut Pengajian Tinggi], dan juga a-orang awam. Serta (gangguan internet) saya juga ada mengajar daripada jabatan-jabatan kerajaan tentang *survival* [kelangsungan hidup], contoh *survival* [kelangsungan hidup] perka- -, perkhemahan, ikhtiar hidup dalam hutan saya ajar adalah berkonsepkan, kita mengajar cara-cara macam mana diaorang nak *survive* [bertahan] dalam hutan, bila jadi satu perkara iaitu contoh (berfikir sejenak), sesat dalam hutan. Okey, macam mana nak menyelamatkan diri dalam hutan, kan? Bila anda sesat, anda nak cari arah laluan, arah, nak caqi air, lepaihtu nak caqi tempat berteduh, lepaihtu macam mana nak masak dalam hutan menggunakan kayu saja, kayu iaitu daun, kulit (gangguan internet), daun, kulit, ranting,(cuba mengingati) damar minyak, damar tu, damar tu yang kita boleh hasilkan- -. Selain daripada cucuh qetaih, kita cucuhkan damar tu untuk jadikan lilin, untuk jadikan api. Dan saya hanya menggunakan mancis sahaja, saya pernah mengajar oqang. Kalau kata ada *student*- - [pelajar-pelajar] mana-mana yang pernah belajar dengan saya, diaorang sekaqang ni Alhamdulillah saya tengok ada yang ambik daripada pelajaran yang saya ajar tu dan diaorang gunakan semasa diaorang berkhemah (gangguan bunyi pinggan). Itu yang pengalaman saya semasa di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Sekarang ni ada kelebihan di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], *paragliding* [payung terjun], *paragliding* [payung terjun] yang main luncur udara tu kan? Okey dan Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] selepas saya ambik alih, peningkatan pengunjung daqipada 2010 ke 2013, 2011, peningkatan pengunjung yang berkhemah di tapak rekreasi hutan lipur saya meningkat. Iaitu meningkat hampir lima puluh kali ganda daqipada asal. Kemudian saya telah membawa

pelancong luar masuk sebab tempat saya dah jadi viral masa tu. 2013 jadi satu, satu isu tanah runtuh di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. 2014 siap *repair* [baiki] tanah runtuh tu dan saya buat semula tentang yang program tu dan saya telah (berfikir) apa, dapat menarik pengunjung, sebab saya ada pengiraan bulanan pengunjung masuk berkhemah, masuk ke hutan lip- -, ke muzium perhutanan [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia], melawat muzium (gangguan suara dari MBM), kita ada buat catitan. 2014, pengunjung masuk seramai, selama tahun, tapak perkhemahan saya, 24 000 orang, bilangan pengunjung. Jadi kalau bahagi dengan dua belas tu dia ada beza-beza kan dua belas tu. 2015 pengunjung saya dalam 26 000 orang dan 2017 kurang sikit sebab ada isu di ataih tu, isu dengan keadaan cuaca kering sikit masa tu (gangguan bunyi televisyen dan suara anak-anak MBM). 2018- - jadi *famous* [terkenal] tempat saya tu jadi masuklah *group* [kumpulan] yang bermacam-macam iaitu *group hiking* [kumpulan pendaki], *group* [kumpulan] *mountain bike* [basikal gunung], basikal yang basikal gunung tu, *paragliding* [payung terjun], jadi lagi *famous* [terkenal] tempat tu. Dan saya pon bertugas disitu, dap-, mendapat satu anugerah yang diiktiraf oleh pegawai saya pada tahun 2015, saya diberi anugerah perkhidmatan cemerlang sebagai pegawai perkhidmatan cemerlang lah (sambil membetulkan kedudukan) di atas usaha saya tu (gangguan suara dari MBM). Selain daqipada tu, Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], saya tak ingat tahun beqapa telah dinaik taraf kalau tak silap saya 2018 kot. Dinaik taraf sebagai (cuba mengingati) apa saya lupa dah tu. Aduh (cuba mengingati sambil mendongak ke atas dan mencebis) apa tu yang macam Langkawi [Kedah, Malaysia] tu? Yang Langkawi [Kedah, Malaysia] tu? (gangguan internet dan gangguan bunyi televisyen) Perasan dak?

NAR: Yang mana? *Cable car*? [kereta kabel] Eh, bukan.

ARR: Muzium _____

MBM: Kilim , Kilim Park [Langkawi, Kedah, Malaysia] tu dia jadi macam tourism. Haa geopark (sambil senyum)

NAR: Geopark haa

MBM: Jerai Geopark [Kedah, Malaysia]. Okey, kita diiktiraf oleh, kita diiktiraf oleh dunia iaitu di- - sebagai diangkat naik, kalau tak silap saya 2018 ka 2019 dinaikkan taraf dan dirasmikan oleh Tuanku Sultan Kedah. Tak silap saya 2018 kot (berkerut kerana cuba mengingati), sebagai Geopark, Jerai Geopark [Kedah, Malaysia] (sambil senyum) dan diiktiraf UNESCO [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization] tau? Jadi salah satu yang diiktiraf oleh pihak UNESCO [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization]. Itulah sumbangan saya di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia].

ARR: Betul. Okey.

NAR: Okey. pakcik [Mazlan Bin Marzuki], apakah simbolik Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] tu sendiqi? Simbolik Gunung Jerai tu.

MBM: (Berdehem) Okey, simbolik Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Pada pandangan saya lah, pendapat saya simbolik Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] adalah satu, kalau kita daripada laut lah, kalau kita daripada laut, kita tengok satu pemandangan yang cantik. Yang cantik, yang indah. Kalau daripada laut kita peqati Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni dengan keadaan kabus, dengan, dengan dia punya waktu pagi kan kalau kita tengok, cahaya matahari naik. Dan kalau kita tengok daripada darat, kita tengok dia sebuah macam sebuah permata, permata yang (mencebik) bila oqang tengok, oqang teqingin nak pergi. Sebab kawasan dia adalah kawasan hutan yang tidak ditebang dan tidak dibenarkan tebang. Kawasan terkawal, dengan pokok-pokok, dengan tumbuhan yang terkawal. Jadi bila oqang dengaq Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni, oqang teqingin nak pergi. Dan satu lagi sekaqang ni, (berfikir) oqang teqingin nak bermalam di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] disebabkan oleh adanya prasarana-prasarana yang telah dibangunkan (gangguan notifikasi), contohnya Muzium Perhutanan dah di *upgrade* [naik taraf], di *upgrade* [naik taraf] yang terbaru. Okey. Dan saya pon- -, kalau tak silap saya (sambil berfikir) 2020, dapat peruntukan daripada menteri pelancongan, masa tu saya tak ingat menteri tu, dia datang melawat Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] terus bagi *on-the-spot* [segera] bajet 500 000 untuk buat meng- -, memasukkan bahan-bahan dan mengindahkan lagi Muzium Perhutanan saya.

ARR: Okey. (gangguan notifikasi) Pada pendapat pakcik Lan [Mazlan Bin Marzuki], Gunung Jerai ni, mengapakah Gunung Jerai ni jadi tarikan utama dekat Kedah [Malaysia]?

MBM: Okey (sambil menarik nafas). Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni yang menjadi tarikan utama kepada Kedah ni setelah kita mempromosi a-aktiviti-aktiviti yang menarik. Contohnya, dulu Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] tak terkenal sangat, Cuma tia-orang, orang tau cuma macam Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] saja kan? Setelah saya ambik alih, saya memula (sic: membuat) membuat aktiviti iaitu *jungle trekking* (trekking hutan) yang pertama (sambil mengangguk), *jungle trekking* (trekking hutan). Sebelum membuat *jungle trekking* (trekking hutan), saya membuat satu *group* [kumpulan] (sambil menggeleng), bukan satu *group* [kumpulan], satu aktiviti perkhemahan kepada pelajar sekolah. Bermula daripada perkhemahan pelajar sekolah, datang tempat saya, aktiviti tu tidak dilakukan di sekolah. Contoh pelajar-pelajar taktau (gangguan internet) cara ____ nyalakan api menggunakan kayu, hanya menggunakan yang pelajar tau pakai *lighter* [pemetik api] pemetik api, pakai kertas, pakai minyak, betul? Saya menggunakan mancis, saya menggunakan- -, saya mengajaq dulu la, saya mengajaq kulit kayu, gunakan ranting, kayu yang diqincik, kayu kecil. Kemudian, saya ajar pelajar-pelajar ni di dalam hutan. Jadi, itu memberikan- -, masak nasik, cara masak nasik pelajar sekolah tau, termasuklah pelajar sekolah menengah dan pelajar universiti. Memang ada yang taktau masak nasik. Jadi dia macam dapat satu pengalaman, bila balik - - (sambil mengangguk), dia ceqita dekat cikgu. Cikgu depa kata dapat “Oh pelajar ni dapat- -”. Contoh kita bagi, UiTM [Universiti Teknologi Mara] Merbok [Kedah, Malaysia], okey UiTM [Universiti Teknologi Mara] Merbok [Kedah, Malaysia], saya ada satu pensyarah tu, dia mintak tolong saya kata sa- - okey dia kata “Okey cik Lan, a- apa cik Lan boleh buat dalam kawasan hutan lipur ni kepada pelajar saya?”. Okey, saya buat malam, dia kata “Saya nak malam ja la”, saya tanya depa mala- -, “Okey cik lan malam cik Lan ____” okey. Saya boleh bagi pengala- - belajar, mengajar waktu malam. Okey? (gangguan notifikasi) Berkenaan pokok, kemudian habitat binatang, paihtu habitat unggas- unggas, kemudian caqa nak *survival* [kelangsungan hidup] dalam waktu malam untuk apabila kita sesat, kita nak cari macam mana ja- - laluan

untuk orang kata keselamatan diri. Contohnya kita nak tidur dalam hutan macam mana waktu malam. Dan bermula daripada situ, (berfikir) waktu siang besok saya buat lain pulak, *survival* [kelangsungan hidup] untuk, ikhtiar hidup dalam hutan waktu siang. Contohnya kita ajaq diorang untuk masak. Bermula daripada situ, baqu lah saya punya aktiviti saya buat tu berkembang. Dan kalau tak silap saya dalam masa (berfikir) saya, saya kenai dengan pensyarah tu, nak saya sebut nama pensyarah tu ka? (sambil senyum)

NAR: Boleh. (sambil mengangguk)

MBM: (sambil senyum) Okey, Profesor Dr. Asmadi Bin Mohamad. Sebelum tu, dr- - dia, sebelum tu dia *number* [nombor] dua tak silap saya, yang soqang tu, pensyarah rekt-, rektor dia nama saya tak ingat rektor tu, tetapi telah bertukar ke UiTM [Universiti Teknologi Mara] Shah Alam [Selangor, Malaysia] dan dia mengajar _____ (gangguan internet) penguatkuasaan tak silap saya, undang-undang kot. Saya mengajar pelajar-pelajar dia, pelajar-pelajar dia cakap dapat pengalaman, disambung oleh Dr. Asmadi saya panggil Dr. Asmadi dan ke- - jadi kawan baik saya sekaqang ni dan Dr. Asmadi nak saya buat program untuk pelajar-pelajar ni menimba ilmu di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Okey, dia akan, pelajar-pelajar dia akan berhubung saya untuk membuat program, saya *check* [periksa] akan buat, boleh kata dalam setaun tu *direct* [langsung] okey, dua bulan atau sebulan sekali. Ada la *segroup* [kumpulan] daripada UiTM [Universiti Teknologi Mara] Merbok [Kedah, Malaysia] akan masuk, itu khas untuk UiTM [Universiti Teknologi Mara] Merbok [Kedah, Malaysia] saja saya buat waktu malam aktiviti. *Group* [kumpulan] len saya tak buat. (sambil tersenyum). Dan waktu siang, saya akan buat untuk aktiviti *survival* [kelangsungan hidup] termasuk *group* [kumpulan] lain la waktu siang. Dan Dr. Asmadi, kawan baik saya ni dapat masa tu, sekarang dah jadi, masatu dia rek-, rektor UiTM [Universiti Teknologi Mara] Merbok [Kedah, Malaysia] dan sekarang ni kalau tak silap saya dia punya jawatan (gangguan bunyi cawan) Profesor Madya, Profesor Madya Ts [Teknologis Profesional] Dr Asmadi Bin Mohamad. Itula yang saya mula-mula dengan UiTM [Universiti Teknologi Mara] Merbok [Kedah, Malaysia] tu. Kemudian kepada sekolah-sekolah lain

sampailah sekolah-sekolah luar daripada Kedah [Malaysia], dapat maklumat Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] dan berhubung saya. Yang paling jauh datang saya, (berfikir) Sekolah Menengah Bukit Indah Johor Bahru [Johor, Malaysia] kalau tak silap saya Johor Bahru [Johor], datang tempat saya seramai 105 orang pelajar termasuk guru untuk buat tiga hari dua malam aktiviti. Kemudian ada satu sekolah menengah daripada Kelantan, datang buat aktiviti di tempat saya. Lepaihtu, universiti, UNISZA [Universiti Sultan Zainal Abidin] Terengganu [Malaysia] pernah, UiTM [Universiti Teknologi Mara] (berfikir), UiTM [Universiti Teknologi Mara] Butterworth [Pulau Pinang], tak silap belah-belah Bagan [Pulau Pinang, Malaysia] belah-belah Penang sana kan? USM [Universiti Sains Malaysia] kemudian yang pernah saya buat untuk program pasukan polis, polis Bukit Aman [Kuala Lumpur, Malaysia], lepaihtu Unit Tindakan Khas Johor Bahru [Johor, Malaysia], penjara MPGA [sic, PGA], *no* [bukan] PGA [Pasukan Gerakan Am] Ipoh [Perak, Malaysia], Jabatan-Jabatan Kerajaan lain, contoh KEDA [Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah], RISDA [*Rubber Industry Smallholders Development Authority*], banyak jugak aktiviti-aktiviti dengan jabatan-jabatan, dan sekolah-sekolah lain saya tak ingat, tap- - tapi kebanyakan yang buat tiap-tiap taun dengan saya daripada UiTM [Universiti Teknologi Mara] Merbok [Kedah, Malaysia] dan pengakap, pengakap daripada pengakap negeri Kedah [Malaysia] seramai, kalau buat tiap-tiap taun seramai yang paling besar haqitu masuk, 750 orang, saya buat aktiviti dengan pelajar pengakap. Tiap-tiap taun mesti ada, jadi saya pengakap-pengakap ni memang dah- - *parking* [tempah] la dengan saya buat program aktiviti tu. Okey.

ARR: Okey, apakah tugas Pakcik Lan [Mazlan Bin Marzuki] sebagai pengawas hutan?

MBM: Sekarang ka dulu? (sambil melihat telefon)

NAR: Di Gunung Jerai

ARR: Dulu

MBM: Okey tugas saya sebagai seorang pengawas hutan di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] pada mula 2010 hingga 2019, yang pertama saya ditugaskan untuk

mengawal, dan mengawasi kawasan sekitar Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], kemudian mengawasi, ini saya bagitau yang di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] dulu. Okey, mengawasi pu-pelancong yang naik melalui jalan raya yang melalui hutan. Kemudian ___ mereka, mengawal Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni pokok-pokok daripada ditebang atau dirosakkan oleh orang-orang tertentu. Contohnya orang nak tebang kayu pokok kan, itu memang kita tak benarkan lah. Kita mengawal pembakaran di sekitar Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], kemudian ceroboh, contoh cerobohnya orang nak masuk ceroboh dari situ. Kemudian di hutan-hutan lipur, di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ada beberapa hutan lipur, contohnya Hutan Lipur Seri Perigi [Yan, Kedah, Malaysia], Hutan Lipur (berfikir) Sungai Badak [Gurun, Kedah, Malaysia], Hutan Lipur Sungai Teroi [Yan, Kedah, Malaysia], hutan lipur sebelah Merbok [Kedah, Malaysia], okey. Kita mengawasi pengunjung-pengunjung yang ber- -, yang masuk ke hutan lipur dan bermandi di situ, kita takut dengan keadaan keselamatan mereka, itu yang di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Di dalam kawasan Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], saya menjaga dan mengawasi satu muzium perhutanan. Muzium perhutanan [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] terletaknya lebih kurang 700 meter aras laut lah di pertengahan tu, di atas daripada pertengahan tu. Muzium perhutanan, dengan muzium gale-galeri, galeri perhutanan. Di situ terdapatnya bahan-bahan pameran, iaitu berkaitan dengan hutanlah dan saya ada empat orang masa tu, empat orang (sambil berfikir) anggota lah iaitu staf saya untuk membantu saya mengawasi. Contohnya tugas saya memb-memberitahu tugas yang perlu mereka buat, cuci kawasan, lepaihtu cuci kawasan dalam muzium, mangkas pokok apa semua. Kemudian membantu pengunjung yang masuk muzium perhutanan, memberi taklimat tentang sejarah, tentang sejarah Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], tentang sejarah perhutanan, dan membantu mereka sekiranya ada pelajar-pelajar yang datang untuk membuat tesis atau membuat pertanyaan-pertanyaan (gangguan internet) untuk pelajaran mereka lah. Tugas saya di hutan lipur, okey hutan lipur, kami seramai empat orang dan kami bahagi kepada dua *group* [kumpulan], satu *group* [kumpulan] dua orang untuk bertugas di muzium perhutanan dan dua orang lagi membantu saya di hutan lipur lah untuk mengawasi kebersihan, tugas-tugas

kebersihan di hutan lipur, pengunjung-pengunjung yang datang di hutan lipur untuk berkelah dan untuk beriadah, pengunjung yang bermalam atau pelajar-pelajar sekolah dan pelajar-pelajar universiti ataupun orang luar, orang-orang tempatan dan luar negara. Okey lupa saya bagitau, tempat saya tu masa saya bertugaih, pengunjung luar negara banyak, banyak masuk contoh kalau tak silap saya tu ada satu pengunjung daripada Belanda, daripada Jepun, daripada China, Australia dan Arab Saudi pon ada. Okey, *student* [pelajar] antarabangsa yang masuk dekat saya melalui Universiti Utara Malaysia [Sintok, Kedah, Malaysia] berbagai, Afrika, Nigeria (cuba mengingati), Indonesia, Singapore, Thailand (cuba mengingati), dan beberapa negara lah yang saya tak- -, tak pasti dia punya negara tu dan membuat program lawatan di hutan lipur saya. Okey, tugas saya di hutan lipur, hutan lipur saya jugak tu, saya bertugas bermula daripada lapan pagi, termasuk muzium lah, lapan pagi sehingga lima petang, mengawasi pengunjung-pengunjung yang bermalam, dan mengambil rekod keterangan peribadi-peribadi mereka serta membuat beberapa arahan sebelum mereka bermalam dan bermandi-mandi di kawasan rekreasi saya tu untuk keselamatan mereka dan pabila diminta bantuan oleh pengunjung-pengunjung yang bermalam atau pelajar sekolah atau pelajar universiti untuk membuat program, barulah saya akan berbincang program yang macam mana bersesuaian dengan mereka. Itu tugas saya dan memberi (gangguan internet) taklimat tentang Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], tentang sejarah, tentang kesalahan hutan pon saya kena bagi taklimat sekiranya mereka bermalam di kawasan hutan lipur, tak dibenarkan untuk membuat sebarang pembakaran, ataupun menebang sesuka hati pokok-pokok di dalam hutan, hutan lipur tersebut, termasuk laluan-laluan daripada nak pi Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] sehinggalah ke atas. Itu tugas saya di hutan lipur Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. (berdehem)

ARR: Selain tu, selain menjadi pengawas hutan di Gunung Jerai, apakah tugas lain yang dilakukan oleh Pakcik Lan [Mazlan Bin Marzuki] dekat sana?

MBM: (sambil meihat telefon) Okey, selain daripada tugas saya di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], saya jugak adalah diberi arahan oleh pegawai atasan saya untuk

membantu anggota di peringkat pejabat, da- -, di bawah iaitu di Pejabat Renj, di Pejabat Renj ni adalah kalau macam Jabatan Hutan kita panggil Pejabat Renj, kalau kata, cawangan la maksud saya macam cawangan la. Jadi saya kena bantu, contohnya agensi penguatkuasaan, okey penguatkuasaan kalau anggota tak cukup dia akan panggil saya, saya akan pergi. Okey kita akan buat rondaan penguatkuasaan, mencegah aktiviti pembalakan haram di kawasan yang diceroboh ataupun mencuri hasil kayu hutan, itu yang kita akan buat, saya membantu. Selain daripada tu, tugas saya kalau diperlukan oleh pihak jabatan seperti untuk program (sambil berfikir) program pameran, contoh pameran diminta untuk bagi pameran dan bagi taklimat dan saya pon akan kena pergi jugak lah selain daripada buat di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Dan di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni, saya tak semestinya bertugas di atas tu se- apa, sepanjang hari, sebab saya pun kadang-kadang dipanggil jugak untuk aktiviti dengan orang awam, contohnya penduduk tempatan. Jadi, program-program yang dipanggil contoh, pejabat daerah panggil kita ada program, contoh gotong royong di sepa- -, hutan lipur, perigi di bawah Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] di sebelah Yan [Kedah, Malaysia] sana, jadi kita kena pergi. Ataupun di Merbok [Kedah, Malaysia], bagi taklimat di kawasan Merbok [Kedah, Malaysia], contohnya penduduk tempatan dia ada buat satu program untuk taklimat, contohnya dengan (berfikir) penduduk-penduduk situ, jadi saya kena pergi. Jadi tugas saya itu meliputi keseluruhan sekitar atas Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] dan di bawah tu yang bersangkutan dengan *area* [kawasan] Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Ada jugak- - pelajar tadika, saya kena pergi jugak tadika, pergi ceqita jugak Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], jadi tadika ni budak tadika kamu tau saja lahkan macam mana dia punya ni, kita kena caqi qentak dengan peljar tadika jugak. (sambil mengangguk) Okey. (gangguan televisyen dan gangguan suara anak-anak MBM)

NAR: Pakcik [Mazlan Bin Marzuki] okey lagi ka ni?

MBM: Ha?

NAR: Pakcik- - [Mazlan Bin Marzuki], okey lagi ka ni? Kot nak rehat dulu ka.

MBM: Oh ingat ka nak makan nasik. Dengaq macam nak makan nasik. Okey ja (sambil ketawa).

NAR: Kalau Pakcik Lan [Mazlan Bin Marzuki] nak rehat ka apa. Pakcik Lan [Mazlan Bin Marzuki] okey lagi ha?

ARR: Okey lagi?

MBM: *No* [Tiada] hal, takdak hal. Kalau kata nak makan nasik ka apa. Okey.

NAR: Saya teruih ha?

MBM: Ha boleh lagi, boleh lagi, *on* [boleh] lagi.

NAR: On [*boleh*] lagi ha.

MBM: *On* [boleh] lagi, takdak masalah.

NAR: Lani, okey. Saya nak, nak tanya pakcik [Mazlan Bin Marzuki] pasai sejarah Gunung Jerai. Boleh pakcik [Mazlan Bin Marzuki] ceqita dak sejarah Gunung Jerai?

MBM: Sejarah Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] (sambil melihat telefon)

NAR: Ya.

MBM: (Sambil melihat telefon) (Gangguan televisyen dan suara anak-anak MBM) Okey, sejarah Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Saya pon, ingat-ingat lupa la sebab masa dulu saya selalu hari-hari dok terang Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] okey? Saya cubalah, saya cuba eh. Sejarah Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] adalah yang sebenarnya Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni yang ni yang saya belajar dan saya ambik daqipada pengalaman oqang-oqang lama lah ceqita. Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] dulu sebenaqnya adalah sebuah pulau okey zaman kurun Masihi dulu-dulu sebuah pulau. Sekitarannya, di sekitar Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni adalah lautan. Okey. Dulu bukan nama Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], dia nama Pulau Serai [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia], okey nama dia Pulau Serai [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] dan tak silap saya kurun 17 Masihi, 16 Masihi okey. Seorang pedagang, pedagang ni dala- - , daripada India, datang daripada India

berdagang, membuat se-sistem barter. Masatu panggil sistem barter, pertukaran barang tau dak?

NAR: Tau.

MBM: Di sebelah - - Tanjung Dawai [Kedah, Malaysia] sana, datang ke situ dan (cuba mengingati)bertemu dengan dam- -, bukan bertemu dan masa berdagang situ, da- -, beliau telah berjumpa dengan saorang, depa panggil saorang Sheikh la kan, Sheikh. Sheikh ni namanya Abdullah Yamani, okey. Sheikh Abdullah Yamani ni adalah sebenarnya saya pon taktau, pasti macam mana, tapi ada jalan cerita dia Sheikh Abdullah Yamani ni kalau Google Gunung Jerai, ada. Dia ni dikatakan seorang ulamak yang disitu. Kemudian, pedagang ni telah berminat untuk (berfikir) mempelajari agama Islam, sebab Sheikh Abdullah Yamani ni telah memberi penerangan tentang agama Islam di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni dan shh- -, pedagang tu nama dia (cuba mengingati) saya tak ingat, dan memang nama Hindu, memang nama Hindu dan beliau telah mempelajari agama Islam daripada Sheikh Abdullah Yamani dan berminat untuk memeluk agama Islam dan telah diislamkan oleh Sheikh Abdullah Yamani dan bertukar nama kepada (berfikir dan cuba mengingati)(gangguan suara anak-anak MBM) Allahuakhbar. Saya lupa, bila ni, ni dah la-lama tinggal kan. Saya lupa lah (sambil melihat telefon) Apa nama dia tah? (sambil melihat telefon). Betul, betul saya memang lupa betul. Kan dulu masatu saya dok mengajaq kan. Kemudian bila dah tukar tu, saya pon dah apa, terlupa betul la (cuba mencari sejarah Gunung Jerai di telefonnya) cerita dia. Dan da- -, telah setelah diislamkan, dia telah menggelarkan dirinya sebagai Sultan. Haa Muzafar Shah, Sultan Muzafar Shah. Okey dan telah _____.

NAR: Nama penuh dia la?

MBM: Ya?

NAR: Pedagang tu la Sultan Muzafar Shah?

MBM: Haa pedagang tu, dinama, pedagang tu nama Sultan Muzafar Shah. Kemudian, beliau telah me-mengarahkan, arahkan Sheikh Abdullah Yamani ni bersama dengan dia punya orang untuk mencari setapak, ta- tapak untuk membuat masjid.

Okey. Tapak masjid ni telah yang bermula, yang pertama tu di ditarah di atas puncak Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] dipanggil Padang Tok Sheikh [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia]. Si- sekarang ada lagi Padang Tok Sheikh [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] dan ada satu tugu yang dibina oleh Kementerian Pelancongan menara iaitu panggil menara Tok Sheikh. Dan azan yang pertama di Asia adalah di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] kalau tak silap saya, diazankan di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Okey, Abdullah Yamani ni masatu depa nak buat, nak buat azan tu lah, nak caqi ayaq semayang kan. Beliau telah mengarahkan seorang, beberapa orang untuk mencari ayaq dan turun ke bawah sikit jumpa di satu kawasan dan ayaq mengalir. Okey, dan mengalir dan tempat tu jadi ketinggalan dan sekarang tempat tu dinamakan sebagai Telaga Tok Sheikh [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia]. Okey, sehingga sekaqang masih ada lagi. Selepas daripada tu, dikhabarkan semasa baginda belajar tentang agama Islam dengan Sheikh Abdullah Yamani dan Sheikh Abdullah Yamani telah ghaib begitu dengar kata meninggal, dengaq kata meninggal. Dan telah ghaib, kubur kita tak pasti, tak dapat dikesan, tapi Muzafar Shah ni telah dia jadi macam terumbang-ambing ajaran agama dia tak, tak habis dan baginda telah mangkat, telah meninggal dan kuburnya berhadap di sebelah belakang iaitu di Sungai Batu [Merbok, Kedah, Malaysia] tempat di dalam kawasan Sungai Batu [Merbok, Kedah, Malaysia] dekat dengan kawasan Candi [Kedah, Malaysia] okey belakang UiTM [Universiti Teknologi Mara] Merbok [Kedah, Malaysia], dalam kawasan kelapa sawit. Yang itu saya pernah, tapi saya tak pernah pergi tempat tu. Saya tau sejarah macam tu dan kekal sehingga sekarang (berfikir) sejarah Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni, ada lagi, Telaga Tok Sheikh [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia], Padang Tok Sheikh [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia], sehingga sekarang kekal lagi kalau kata nak pi melawat lah kan. Dan Gunung Jerai [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] ni adalah besi, penulisan sejarahnya ada dalam buku-buku dan dicari dan dikaji oleh beberapa orang, beberapa universiti dengan tajuk Kedah Tua, kalau kita caqi Kedah Tua ada lah. Daripada luar-luar negara, universiti-universiti luar negara pon ada masuk. Ha, okey.(sambil mengangguk)

(gangguan suara anak-anak MBM dan televisyen)

NAR: Tu lah sejarah Gunung Jerai lah?

MBM: Masa tulah. Tapi saya (cuba mengingati) dah tinggal lama, saya pon *confuse* [keliru] dah sekarang ni tentang Gunung Jerai ni (sambil ketawa). Yang saya tau, yang saya ingat Pulau Serai [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia], Gunung Jerai. Dan bila air, ayaq laut ni suqut okey, zaman bequbah, ayaq suqut, dan kawasan yang dilaut tu sehingga sekarang dah naik pembangunan, zaman-zaman tu dah tinggai dan sekarang ni dah ada laluan kereta api, ada laluan *highway*[jalan raya], jalan raya, penempatan pon banyak, jadi tinggai sejarah Gunung Jerai[Kedah, Malaysia]. Dan Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni pernah mendapat gelaran sebagai permata Kedah. Dengan dia punya jalan cerita, dia punya mitos, mitos jalan ceqita dia, dan keindahan Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni sehingga sekarang lah.

NAR: Okey, beqapa ketinggian Gunung Jerai ni pakcik [Mazlan Bin Marzuki]?

MBM: Ketinggian 1217 meter aras laut, okey. Tetapi kalau ikut yang asalnya dia sebelah belakang sana yang- - dia, yang depa sukat 1217 meter aras lautlah. Itu yang kita, dapat masa saya belajar haqitu lah. Masa saya bertugaih di atas tu.

NAR: Okey seterusnya, apa yang tadi Pakcik Lan [Mazlan Bin Marzuki] sebut mitos kan, apa mitos-mitos yang berkaitan dengan Gunung Jerai?

MBM: Okey, mitos yang berkaitan dengan Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] kita ada, yang pertama kita ada yang sangkut jugak lah dengan dia. Satu, yang pertama dengan (berfikir sambil melihat ke bawah) Padang Tok Sheikh [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] berkaitan dengan Sheikh Abdullah Yamani tadi, Padang Tok Sheikh, Telaga Tok Sheikh [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia]. Batu Kapal[Gunung Jerai, Kedah, Malaysia]- - ni mitos dia salah satu depa kata masa zaman kurun Masihi, saya tak ingat berapa, saya tak beqani nak cakap, Sang Gedembai ceqita Sang Gedembai ni zaman-zaman dulu oqang yang nak hampir umoq macam saya ni dah lima puloh taun, 70-an [1970], depa tau jalan ceqita ni, depa akan baca buku. Zaman tu ada ceqita Sang Kelembai. Okey, ceqita mitos ni dia ada satu dipanggil dekat Batu Kapai- - ni sebenarnya adalah sebuah kapal yang berlayar dia laut kan, belayar di laut. Dikatakan Sang Kelembai ni, dia macam patah hati- -, tak dapat berkawin dengan anak raja, puteri raja. Kemudian, dia ikut di laut, menghala ke Pulau Serai [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia]masa tu, dia- -, Sang Kelembai ni dia ada satu- -

kuasa, katanya kuasa sakti dan spesies Sang Kelembai dikatakan gergasi tau, dia pegang seak- kapai ni menjadi batu dan dilontarnya naik ke Pulau Serai [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] masatu naik Pulau Serai [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] dan kalau ikut dia punya jalan ceqita, okey ini kapal, (sambil menadah tangan untuk menunjukkan kapal) ini kapal kan, penghujung kapal. Kalau ikot pada buku ni memang nama dia, bahasa dia oqang panggil macam ___ la kan. Okey bila smapai di atas, kapai dia pegang ni, dia baling, dia lontarkan naik ke Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] terkaleh, perasan dak bila kapal kalau kita kaleh, dia akan di bawah tu akan naik jadi tajam, begini (sambil membuat isyarat tangan menunjukkan kapal terbalik) betul dak? Jadi yang ataih tuqun bawah itulah dan terbelah dua- - disitu ada satu dibawah, disebelah bawah hotel, Jerai Hotel [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia], disitu dipanggil yang dia punya di hadapan di sebelah belakang, yang di sebelah belakang dia ada depan dia nampak dia punya bucu, dipanggil Batu Kapai [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia], situ tempat ada satu nama tempat dekat ___ ___ dipanggil Batu Kapai, itu mitos dia. Okey, mitos Sheikh Abdullah Yamani dah ada, Batu Kapai, Telaga Tok Sheikh [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] dah ada, ada satu lagi yang ceqita zaman purbakala dulu, pedagang-pedagang dan sekaqang ni masih dikaji oleh dunia iaitu Candi, Lembah Bujang [Kedah, Malaysia], di sebelah belakang Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], yang itu memang salah satu bukan mitos la, yang tu memang real [nyata] la, memang nampak pedagang dulu datang, kita jumpak dengan pasu, pedagang daripada India, iaitu Candi India, Candi tempat diorang nak buat tapak semayang, dan pasu-pasu daripada China, banyak ___ ___ di belakang sana ada satu tempat kita panggil muzium (ada orang menegur pakcik), Muzium Lembah Bujang [Kedah, Malaysia] d isebelah Merbok [Kedah, Malaysia] kan? Ha itu menempatkan barang-barang, artifak-artifak yang dapat di kawasan tadi. Dan kawasan Candi [Merbok, Kedah, Malaysia] tu telah dijaga dan di-dikaji oleh pihak Universiti Sains Malaysia kat Pulau Pinang [Malaysia] tak silap saya dan memang kawasan tu sejarah tamadun dulu. Kalau nak buat lawatan situ, boleh la tengok. Okey.

NAR: Ni lah antara mitos-mitos yang berkait, Padang Tok Sheikh, Batu Kapal, ada lagi ka selain daripada dua ni, Candi?

MBM: Padang Tok Sheikh, Batu Kapal, Telaga Tok Sheikh, [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] lagi? Lagi dak (berfikir) (sambil bercakap dengan anaknya), Telaga Tok Sheikh, itu tiga yang saya ingatlah. Ha tu Candi, tapi Gunung Jerai di atas, itu di atas. Ha itu di atas. Batu Kapal, Telaga Tok Sheikh- -, yalah tiga tulah.

NAR: Ada raja-raja bersiong ka, takdak la?

MBM: Okey, ada- - saya mendengar jugak tentang Merong- -, Merong Mahawangsa, kisah Merong Mahawangsa (sambil tersenyum) disitu. Katanya Merong Mahawangsa dulu ada hikayat Merong Mahawangsa yang masa zaman tu, iaitu kalau tak silap saya ada oqang ceqita tapi saya tak kaji sangat lah, sebab saya- - belajar- - daripada saya tengok buku, saya tanya pengkaji pensyarah contoh daripada UiTM [Univeristi Teknologi Mara] Merbok [Kedah, Malaysia], Dr Asmadi dan dia telah katakan itu yang- - ada, tapi yang lain- lain sa- saya tak pasti. Sekarang ni, (gangguan suara orang bersin), UiTM [Univeristi Teknologi Mara] Merbok [Kedah, Malaysia] ada membuat kajian sejarah, kalau kita bukak daripada Google, kita boleh tengok daripada Dr. Asmadi punya ___ dan ada jugak daripada Universitas Indonesia (gangguan Internet), ada datang tempat tu untuk buat kajian. Kalau bukak yang univeristi, UiTM [Univeristi Teknologi Mara] Merbok [Kedah, Malaysia] ada universitas daripada Malaysia untuk membuat kajian tentang Gunung Jerai. [Kedah, Malaysia] (sambil melihat telefon) Okey tu.

NAR: Boleh dak Pakcik Lan [Mazlan Bin Marzuki] ceqita pasai Telaga Tok Sheikh dengan Padang Tok Sheikh? Sejarah pasai Padang dengan Telaga Tok Sheikh ni.

MBM: Okey, sejarah tentang Padang Tok Sheikh [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] ni, masa Sultan Muzafar Shah samp- -, diislamkan di ataih Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]tu, baginda nak buat, nak bina satu tapak masjid, untuk membina masjid (sambil menggaru dahi) di ataih Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] tu dan baginda Sultan Muzafar Shah ni berbincang dan telah mengarahkan, berbincang dengan Sheikh Abdullah Yamani, dimana kawasan sesuai untuk buat masjid. Okey. Dan Sheikh Abdullah Yamani memberitahu kata di tempat yang sekarang nilah untuk buat tapak masjid. Masatu ___ batu tu bukit-bukit tau, dia ada macam ___, tapi dengan tenaga yang dia ada pada orang kata, pelayar-pelayar ni, depa telah taqah

tapak tu dan disitu menjadi satu tempat, iaitu saf oqang panggil saf. Ada satu tempat saf, semayang. Lepaihtu setelah jadi satu kawasan lapang untuk ___ semayang, tempat semayang, dan Sheikh- - Abdullah Yamani telah mencari satu tempat untuk mengambil tempat air semayang, jadi tempat wudhu', air mata ayaq. Tau dak? Tuqon ke bawah sikit lebih kuqang dalam satu kilo la lebih kurang daripada atas tu, berjumpa dengan satu tempat ayaq mata ayaq keluaq. Tempat ayaq mata ayaq keluaq, dan mereka menggali dan disitulah bermulanya dengan nama Sheikh Abdullah Yamani ni sebab dia pembawaan daripada ceqita ni yang menjumpai Padang Tok Sheikh [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] adalah Sheikh Abdullah Yamani. Okey, dan menjumpai ayaq mata ayaq adalah Sheikh Abdullah Yamani jugak, tetapi dikhabarkan Sheikh Abdullah Yamani telah mangkat tetapi tak jumpa dia punya perkuburan. Dan nama tu dibawak, ceqita tu dibawak daripada zaman dulu sehingga ke zaman sekaqang. Apabila kemajuan telah ada di negara kita ni, diambil alih oleh Kementerian Pelancongan dan telah membina kawasan tersebut sebagai kawasan sejarah. Dan sekarang ni situ, kalau kita tengok, kalau kita pi melawat, suasana tu jadi macam __ __ __ (gangguan Internet) di kawasan tersebut, dan menara yang dibina oleh Kementerian Pelancongan adalah sebagai tapak asal untuk buat masjid di Padang Tok Sheikh tu. Di Telaga Tok Sheikh [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] telah dibina jugak saluran untuk ayaq mata ayaq tu keluaq, Lepastu, dan dibina jugak tugu sekitar nama tun- -, Sheikh Abdullah Yamani dan diberi jalan cerita disitu, diukir di batu __ __ __, dan dikawal oleh bawah Majlis Perbandaran Sungai Petani [Kedah, Malaysia]. Jadi sehi- -, kekal la sehingga sekarang kawasan tersbut, sebagai tempat, orang kata apa sejarah lah. Dan kawasan tersebut memang banyak- - pengunjung luar masuk tengok, nak tengok tempat-tempat tu. Dan ada yang bangsa Cina pon ada, bangsa Hindu pon ada, dan ayaq mineral yang diambil dari Telaga Tok Sheikh [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] tu, dikatakan adalah mempunyai Ph yang tinggi, iaitu yang air yang- - bersih, yang tinggi, Itu yang kita dengar tu ceqita dia. (gangguan suara anak-anak MBM)

NAR: Memang betoi, ada kajian saintifik ka yang kata ayaq dia tu Ph dia tinggi?

MBM: Ayaq tu ada saya jumpa dengan saorang- - datang daqipada, saya tak pasti daqipada mana. Dan dia telah mengeluarkan satu termometer (sambil membuat isyarat tangan untuk menunjukkan termometer) ka apa, saya tak pasti tu dan telah mengkaji. Dia ambik ayaq tu, dia masuk dalam gelas dan dia telah mencelup batang tu, Ph, kita, dia boleh mengkaji Ph tau ayaq tu tau? Dan ph ayaq tu adalah yang terbaik, salah satu ayaq yang terbaik. Cuma yang paling baik ayaq adalah ayaq Zam Zam daripada Mekah, okey, dia bawah lagi, tetapi dia dalam terbaik, kategori terbaik ayaq tu dan minum tak, tak dapat penyakit. Tetapi menjadi ni- -, menjadi sekarang ni kepada orang awam, mempercayai ayaq itu mempunyai khidmat, atau hikmah untuk menyembuhkan penyakit. Itu yang jadi masalah sekaqang ni, oqang kata pergi minum ayaq Telaga Tok Sheikh [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia], okey hilang penyakit, kan? (sambil senyum) Tapi kita tak tau, macam saya, saya bukan saya percaya seratus peratus sebab saya kerja di ataih tu, saya bagi penerangan kepada pelajar-pelajar sekolah, ayaq ni adalah saya anggap sebagai ayaq- - mineral yang keluaq daripada muka bumi yang telah dianugerahkan oleh Allah Taala untuk memberi oqang-oqang mengambil untuk membuat minuman. Nak kata menyembuhkan penyakit, Allah Taala saja yang boleh menyembuhkan. Tapi ataih kepercayaan, kepercayaan oqang ni kadang-kadang dia- - percaya bila benda tu ada situ, okey sembuh penyakit, bila minum sembuh penyakit, padahai kita minum ayaq pancoq pon se- -, tak sakit apa pon, betoi dak?

NAR: Beto. (sambil mengangguk)

MBM: Itu kepercayaan oqang-oqang yang di ataih gunung la. Saya tak percaya seratoih peratoih. Tetapi saya anggap ayaq tu macam sebagai ayaq minuman biasa ja la.

NAR: Okey. Next [Seterusnya], okey, selain daripada tu, apa tempat-tempat bersejarah lagi de-dekat Gunung Jerai tu? Kalau pakcik [Mazlan Bin Marzuki] boleh senaraikan.

MBM: Okey (berfikir). Tempat bersejarah di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni, saya pon tak pasti tempat bersejarah lain. Kalau contoh macam, di sebelah belakang tu pedagang, lepaihtu di sebelah, kita kata timur, barat, utara, selatan lah kan? Disebelah selatan tu kita kata (berfikir) belah Merbok [Kedah, Malaysia], okey. Merbok, Tanjung Dawai [Kedah, Malaysia], Merbok- -, sejarah dia tentang

pedagang dahulu kala. Okey, zaman dulu yang ada, yang ada bat-, apa, yang ada kapai Candi, okey tu timoq, a-tu selatan. Di sebelah timoqnya, dulu-dulu dikatakan sebagai tempat pulau tu, sebagai tempat pedagang-pedagang. Okey, pedagang-pedagang yang berdagang berselindung di sebalik Gunung Jerai, Pulau Serai [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia]dulu daripada ribut taufan, daripada lanun. Jadi disitu dulu ada macam penanda arah untuk laluan pedagang, kalau daqi __, depa akan singgah pulau ni lah masa zaman tu. Dan satu lagi kalau (berfikir) kalau disebelah se- -, utara, hanya laluan untuk oqang kampung, di sebelah timoq takdak pulak kata ada sejarah tentang dia, tapi yang- - last sebelum saya tuqon, saya ada dengaq, katanya di ataih tu ada tapak, di ataih Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], tempat dekat dengan muzium saya tu, ada tapak istana lama. __ istana lama yang dibina oleh (berfikir) orang India. Saya pon tak kaji benda tu, dikata, dipahamkan keturunan, keturunan raja India, tapi saya tak pasti, betul ka dak, saya tak pasti. Dan pernah men- menjadi satu penggambaran di tv dua tak silap saya, tajuk filem. drama tu saya tak ingat, telah membuat lakonan drama di kawasan tersebut. Di kawasan saya tu, ada satu drama India, berkonsepkan dia mencari sejarah, sejarah keturunan tu di Gunung Jerai[Kedah, Malaysia]. Saya tak ingat Dato' tu, Dato' tu nama apa ka, kalau cari tv dua tu, taon lepas saya rasa ada drama tu, ada tunjuk. Tahun lepas ka dua tahun lepas. Sebab saya pon ada jugak buat tarikan pelancong, penggambaran, lepaihtu cerita alam, cerita alam, saya ada sejarah dia yang telah diambil oleh tv 1. Alam, kalau tak silap alam kot, tajuk dia. Kalau tengok dalam tv, dia ada la gambaq saya tu bagi penerangan tentang Gunung Jerai [Kedah, Malaysia].

NAR: So [Jadi], selain daripada tu contohla macam ada gua ka, jalan yang bersejarah ka dekat Gunung Jerai tu, yang ada, ada kisah-kisah disebalik sesuatu tempat tu. Gua atau jalan. Ada tak?

MBM: Okey, ada satu tempat, di panggil Alor Naga, okey. Air Terjun Alor Naga [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia]. Di sebelah bawah menghala ke, jap (cuba mengingati) okey Batu Kapal- -, di sebelah, dia mengadap ke arah barat, lebih kurang dalam dua ratus meter [200 m] kalau turun ke bukit sikit. (gangguan bunyi barang) Dia akan jumpa satu tempat Air Terjun Alor Naga, disitu terdapat sebuah gua dibawah, di

dalam air terjun tu, di dalamnya ada sebuah gua dan ada batu disitu, okey. Cerita tentang yang sejarah sebuah gua, Air Terjun Alor Naga [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] ni, saya tak pasti, tetapi menurut cerita katanya di dalam gua tu dijaga oleh seekor naga. Dan tak pernah pulak oqang jumpa, tapi katanya gua tu selalu tempat oqang betapa tau dak? Betapa disitu, dan saya pernah bawak pengunjung, saya pernah - - bawak pelajar-pelajar pergi tempat tu, yang saya ceqita tempat tu hanya untuk tempat mandi-manda. Tetapi dikalangan penggemar pengkaji bahan-bahan purba, mengkaji bahan-bahan sejarah, berkata tempat tu adalah tempat sejarah yang dipanggil Alor Naga disebabkan oleh terdapatnya, adanya seekor naga di dalam gua tersebut. Tapi sampai sekarang belum pernah ada orang berjumpa dengan naga tersebut. (sambil senyum) Daripada dululah, dan saya kalau boleh tak mau jumpa lah kan. Bukan kita nak mintak, tapi kita tak mau jumpa. (sambil senyum). Tu ja. (gangguan suara orang bersembang)

NAR: (Sambil ketawa) Faham. Dekat kawasan tu ada tempat mandi, ada sungai la kat situ?

MBM: Dia ada, ada ayaq terjun. Kawasan tu ada satu ayaq terjun yang - - tak beqapa tinggi sangat, dan tempat tadahan air, lepastu sungainya kecik la, sungai kecik sikit la, Cuma tempatnya ayaq dia sejuk. Ayaq di kawasan tu memang sejuk lah. Itu yang kita - -, yang pengunjung nak pi tengok sangat. Tapi sekarang selepas saya tukar, tuqun, dan bertukar ke tempat lain, saya tak tau la apa jadi di kawasan tu. Dah naik rumah banglo ka saya tak tahu.

NAR: (sambil ketawa) Boleh ka naik banglo kat situ?

MBM: (ketawa besar) Hotel ada. Hotel Jerai kan. (sambil mengangguk)

NAR: Ha betul- -, okey. Next [Seterusnya]. Pakcik Lan [Mazlan Bin Marzuki] okay lagi ka?

MBM: Okey, boleh.

NAR: Boleh ha? Okey, sat. So, apa tempat, ada tak tempat larangan dekat Gunung Jerai ni?

Kiqa oqang tak boleh masuk. Pengunjung tak boleh masuk.

MBM: Okey, di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], di puncak dia, ada satu kawasan diberi nama kawasan tu berpagar tau? Kawasan tu berpagar dan dikawal oleh Angkatan

Tentera Malaysia. Itu adalah satu kawasan pemancar. Pemancar di atas puncak sana, dia ada dalam tu terdapat pemancar yang dikawal oleh tentera iaitu Unit Semboyan, okey. Pemancar untuk berkomunikasi pertahanan kita, pertahanan awam,(sic, pertahanan negara) pertahanan negara kita iaitu komunikasi daripada (berfikir) Kementerian Pertahanan antara pulau ke pulau. Daqipada hujung, hujung kita selatan, sehingga la ke utara, timur dan barat. Disitu terdapat juga menara Telekom, menara pemancar untuk siaran telekomunikasi tv dan radio. Yang utama situ panggil sasaran penting, iaitu sasaran utama sebab kita ada kawalan daqipada pemancar untuk Kementerian Pertahanan. Dan kawasan tu dilarang masuk, orang awam tak diberakan langsung masuk. Okey, disitu jugak ada satu lagi, saya ter-terlupa, ada satu dipanggil Batu Saf [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia]. Batu Saf [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] ni adalah batu semayang yang- -, oqang kata- -, dia bentu macam batu, bentuk batu macam sejadah tau dak? Saya pernah sampai tempat tu, dan disitu hanya seorang saja, iaitu di sebelah belakang bangunan tak silap saya, bangunan tu saya tak pasti bangunan Telekom ka bangunan apa. Saya tengok disitu, daqi kita, dia betul arah, dia kata tu mengadap aqah kiblat, katanya. Tapi saya cuba- -, dan untuk soqang saja muat. Situ ada sejarah jugak tu, situ sejarah Batu Saf [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia], kalau tak silap saya Batu Saf [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia], tapi oqang awam tak dibenarkan masuk, kawasan larangan ketat sebab dikawal oleh Angkatan Tentera Malaysia.

NAR: Kenapa tempat tu dikawal?

MBM: Kita ada menara pemancar, pertahanan. Okey, menara pemancar ni dia akan terletak diantara gunung ke gunung dan pulau ke pulau yang tertinggi. Jadi, itu dipanggil saluran komunikasi. Okey, daripada Johor [Malaysia], kita ada menara pemancar contoh Gunung Ledang [Tangkak, Johor, Malaysia]. Okey, Gunung Ledang [Tangkak, Johor, Malaysia] dia akan turun maqi ke Kuala Lumpur [Malaysia]- -, yang tertinggi, menara tertinggi contoh Menara Kuala Lumpur [Malaysia]. Dan ___ pemancar, contoh di Perak [Malaysia], saluran komunikasi, okey. Perak [Malaysia] dia akan tembak pecah ke Pahang [Malaysia], Terengganu [Malaysia] ka apa ka, gunung tertinggi, dia akan masuk ke Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] yang tertinggi

dan ke pulau tertinggi, contohnya kita kata Pulau Langkawi, Gunung Mat Cincang [Kedah, Malaysia], Gunung Raya [Langkawi, Kedah, Malaysia], dia ada menara pemancar. Dan satu, menara pemancar ni menjadikan satu komunikasi perhubungan (berfikir) (gangguan Internet)___ Kementerian Pertahanan yang mengawal kita punya sempadan ataupun kita punya kawasan Malaysia. Dan menara pemancar ni akan sambung ke Sabah, Sarawak [Malaysia] yang gunung tinggi, sebab tu dia ada pemancar walaupun dia satu kawasan di tengah laut, tetapi kawasan dia tinggi. Jadi kalau menara pemancar ni tak dikawal, kemungkinan kita takut jadi macam satu sejarah cerita *Pearl Harbour [Attack on Pearl Harbour]*. Pernah dengar cerita *Pearl Harbour [Attack on Pearl Harbour]*? Okey, *Pearl Harbour [Attack on Pearl Harbour]* ni satu lokasi disebut pulau di Hawaii, okey pada tahun saya ingat tahun zaman perang dulu. Jepun telah *attack* [menyerang], dia ada satu tempat pulau menara pemancar dan masuk dengan kekuatan anggota perangnya. Okay, kapai-kapai laut. Yang pertama, dia ada, musuh akan buat serangan, dia akan tembak yang pertama menara pemancar. Bila menara pemancar ni musnah, jadi perhubungan tak boleh dilakukan. Contohnya diorang tak boleh *contact* [berhubung] langsung dengan luaq kawasan, okey? Kemudian dia akan tembak pulak satu kawasan tempat simpanan minyak. Simpanan minyak kalau meletup, jadi minyak nak isi kapai terbang tak boleh. Kemudian dia akan tembak pulak kawasan parking iaitu kawasan kapal terbang. Jadi bila tembak kawasan kapal terbang, kapal terbang rosak, dia tak boleh pulak untuk berlepas untuk melawan dengan musuh. Dia akan tembak kawasan stor gudang peluru. Kemudian dia akan tembak pulak tempat kawasan tempat kapal berlabuh, jadi *Pearl Harbour [Attack on Pearl Harbour]* jatuh ke tangan Jepun. Satu, kalau sejarah dunia dulu. Begitu jugak kalau Malaysia, kalau dia tembak, kita tak kawal, contoh musuh, dia naik, buka skru menara pemancar, terbalik menara pemancar, habeh la kita punya komunikasi. Kan? Bila habeh kita punya komunikasi, contoh, Kedah [Malaysia] kena seqang, okey, jadi yang Kementerian Pertahanan ni iaitu MINDEF, The Strict of ___, dia tak boleh nak mintak bantuan, Kedah tak boleh mintak bantuan dengan perhubungan yang takdak. Contoh, kita, kita pakai henpon, sekarang ni. Tiba-tiba kawasan kita tiba-tiba line kita tak dapat. Satu hari, ada satu hari pernah berlaku kan kawasan kita, ki-kita punya

henpon tak boleh *contact* [berhubung] oqang, tak boleh main henpon. Itu adalah komunikasi yang terganggu, itu yang kita kata kena kawal tu (sambil mengubah kedudukan meja) (gangguan bunyi meja bergerak). Jadi benda menara pemancar ni penting sebenarnya, oqang panggil sasaran penting, sasaran utama. (sambil mengangguk) Okey dapat?

NAR: Dapat. (sambil mengangguk)

MBM: Okey. (sambil melihat telefon)

NAR: Boleh next ka? Boleh ke soalan yang seterusnya?

MBM: Boleh. *Next-* -, *no-* -, takdak masalah.

NAR: Takdak masalah, okey. Boleh Pakcik Lan [Mazlan Bin Marzuki] ceqita tak pasai Muzium Perhutanan dekat Gunung Jerai?

MBM: (sambil melihat telefon) Okey, muzium perhutanan [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] sebenarnya telah, adalah sebuah muzium yang mendapat ilham daripada seorang, orang, Jabatan Hutan la masatu. Dikatakan pada taun 1983 ka 84 [1984] tak silap saya untuk membina Muzium Perhutanan di kawasan ketinggian 786 meter aras laut kot kalau tak silap saya. Dengan menggunakan tenaga anggota-anggota Jabatan Perhutanan masa tu, seramai empat orang dan ada yang tinggal dah la anggota tu. Menggunakan kudrat, okey, membina sebuah rumah kayu, menyerupai rumah mua- mua- , sejarah orang lama-lama dulu dengan sembilan puluh sembilan peratus kayu. Satu peratus saja kalau tak silap saya, kalau tak silap saya seratus peratus takdak, takdak paku. Takdak paku masa tu. Dia pakai sanggam (sic, tanggam), tanggam tau tanggam? Tau tanggam? Tanggam- - ni, okey zaman dulu-dulu, oqang dulu-dulu kalau belah ___ dia akan buat kayu ni, kemudian dia akan letak satu selak sebagai ganti sebagai paku dan akan mengetatkan kawasan yang dipanggil dia punya lubang-lubang untuk melapik kayu. Contohnya, okey ni kayu (sambil menunjuk isyarat tangan) dia akan letak selak kan, paihtu kawasan tu dia akan jadi paku balik lah. Selepas tu taun 83 [1983], diubah suai, dengan harga kalau tak silap saya 100 000 ringgit [matawang Malaysia]. Okey. Dibina dan di- -, tahun 1985 diubah suai semula dengan kos

berharga satu juta [1 000 000] kalau tak silap saya, penambah baikkan balik kawasan-kawasan tu. Masatu baru masuk paku balik la. Selepas tu, taun, saya tak ingat tahun berapa, telah dibina belakangnya sebuah Muzium Galeri [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia], galeri sejarah batu, iaitu dengan kos kalau tak silap saya lebih kurang tiga juta [3 000 000] hingga lima juta [5 000 000], ka tiga setengah juta [3 500 000] lebih kurang macam tu, masukkan barang-barang sejarah tentang Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. *Level* [aras] paling bawah yang pertama dia ada sejarah tentang kawasan Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. *Level* [aras] kedua dia ada kawasan batu-batu yang terdapat di sekitar Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. *Level* [aras] yang ketiga dia ada kala-, satu kawasan di-dimasukkan burung-burung, habitat-habitat binatang, okey. Di atas tu ada satu pondok kecil di menara hijau. Okey. Di Muzium Perhutanan [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] dimasukkan barang-barang yang berasaskan kayu, contoh barang-barang lama. Pelajar-pelajar sekarang, orang-orang sekarang, banyak yang tak tahu barang-barang tu diperbuat daripada bahan-bahan berasaskan kayu, contohnya kita katakan cedok air. Cedok air diperbuat daripada mangkuk atau kulit batang nipah. Paihtu ada anak- -, ni adalah tempat untuk menggala, menarik semaian daripada bendang, sawah. Tapi orang-orang kita taktau pasai benda tu. Dan kita ada macam gayung-gayung, kita ada tempat mendayung sampan, yang oqang tau sekarang ni benda-benda yang dah jadi besi (gangguan bunyi kucing) Okey, itulah.

NAR: So [Jadi], koleksi di dalam Muzium Perhutanan [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] ni pasai, - - apa, kayu? Koleksi dia.

MBM: Berasaskan kayu, masa saya bertugas dekat situ. Koleksi dia memang berasaskan kayu, dan barang-barang lama. Berasaskan kayu. Dan ada jugak sejarah-sejarah yang Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], yang - - di-telah dibuat sebagai orang kata apa macam (mencebik dan cuba mengingati) pameran la, depa akan buat di situ. Tetapi baru-baru ni, tak silap saya, tahun lepas kalau tak silap saya, telah dinaik *upgrade* - - [dinaik taraf], telah di *upgraded* [dinaik taraf], dengan ubah suai, ubah suai dengan kos, tak silap saya tiga ratus ribu [300 000]. Se-Sekarang dah jadi cantik dah lagi, dia dah buat kemaih balik dalam tu, dia dah masuk _____,

siap dengan dia ada projektor-projektor untuk ceqita tentang sejarah Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Banyak la, kalau pergi sana, banyak la perubahan selepas- -. Saya mohon untuk buat pembinaan semula, mohon kepada pihak Jabatan untuk menaik balik muzium ni, diubah suai balik. Tetapi setelah saya turun, Alhamdulillah permohonan saya itu berjaya dengan bantuan daripada pengarah, dan pengarah perhutanan dan beberapa unit-unit Hutan Lipur contohnya depa dah buat balik, apa nama, (berfikir) juga membina Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] itu dengan memasukkan banyak-banyak lagi bahan-bahan untuk dipamerkan.

NAR: Bahan-bahan tu (sambil berfikir) ambik daripada mana? (gangguan bunyi bising dan tarikan kerusi)

MBM: (sambil berfikir) Bahan-bahan tu (sambil berfikir) masa saya bertugas di unit talipo di negeri Kedah, saya telah berbincang dengan pegawai talipo saya, dan telah diberi kebenaran lah untuk mencari bahan-bahan tu, saya pergi ke muzium-muzium, muzium-muzium perhutanan (sambil berfikir) muzium nu [satu lagi] muzium negeri Kedah, yang banyak pameran, muzium padi muzium padi, kemudian saya cari bahan-bahan tu dengan orang-orang lama yang berkhidmat dengan Jabatan Hutan. Contoh, kita ada uniform jabatan hutan yang dulu-dulu eh yang terbaru pastu [selepas itu] kita ada bahan-bahan orang-orang lama okey. Contohnya yang tumbuk padi, _____ tapi kita wak masuk benda yang kecil-kecil ja bukan besaq-besaq kita takleh wak masuk. (Sedang berfikir) bahan-bahan tu ada juga yang bagi cara orang kata apa (memikirkan jawapan) cam percuma untuk dipamerkan di situ dan ada yang kena beli (sambil menggaru hidung) itu yang kita katakan bahan-bahan tu, tapi banyak yang kita tak dapat bahan-bahan yang paling awal. Contohnya, pada taun zaman 70-an. 70-an kita punya tenaga pengajar kita pakai lain baju lain. Lepastu bahan-bahan untuk _____ lain, jenis pakai tin-tin besaq-besaq tu (gangguan bunyi bercakap dan ketawa). Itu bahan-bahan yang kita dapat lah. Sekarang saya tak pasti macam mana bahan-bahan tu sebab saya dah tak naik dah pun dengaq lebih kurang dalam 2019 *last* [akhir].

NAR: Lokasi muzium perhutanan ni dekat mana, tengah ka atas? (sambil membuat gaya tangan)

MBM: Okey, dia 1217 meter aras laut okay, di tengah dia, 600 lebih lepas daripada tengah dia dalam 700 (berfikir) saya tak ingat dia dalam 768 ka atau 786 ka aras laut. Bawah di atas (tersilap cakap) di bawah pada Jerai Regency dia dengan Jerai Regency Hotel tu, lebih kurang dalam 2.5 kilo [kilometer] tetapi dia dengan muzium perhutanan ni tepi jalan sahaja, dia kalau dengan puncak lebih kurang 5 kilo (sambil berfikir) lebih kurang tapi kalau kata kita boleh jumpa, kita-kita naik kot laluan tu dia akan jumpa muzium tu di tengah-tengah tu. Memang akan nampak cantik. Sebab apa dia di belakang dia dengan latar belakang pokok-pokok hutan terletak lokasi yang sesuai la dan muzium tu sesuai untuk satu keluarga kita, dan pengunjung-pengunjung melawat. Memang cantik sungguh tempat tu.

NAR: So, [jadi/maka] ada dikenakan bayaran tak nak masuk muzium perhutanan tu?

MBM: Okey, masa saya tugas di atas tu, ada perbincangan mengatakan (bunyi tarikan kerusi) untuk mengambil sebelum saya bertugas tu takdak lagi bayaran sebarang bayaran sebarang bayaran tidak di kenakan selepas itu dua tahun lepas (sambil berfikir) sat _____ dua ribu satu 2018 saya ada dengaq, saya ada dengaq kata perbincangan (berfikir) kerajaan Negeri Kedah telah memberi telah berbincang dengan Jabatan Negeri Kedah iaitu pelancongan _____ untuk mengadakan kutipan, kutipan bayaran masuk (sambil berfikir) muzium perhutanan sebab sebelum ni takda bayaran. Dikatakan harga saya tak pasti sebab saya _____ turun takdak lagi kutipan sampai sekarang takdak lagi kutipan tapi taktau lah dalam masa setaun dua ni dengaq kata nak buat kutipan. Buat masa sekarang takdak lagi lah.

NAR: Okey, apa nama (berfikir), pakcik [Mazlan Bin Marzuki] ok gi eh kot nak minum ayaq lu ka apa?

MBM: Okey, boleh kalau kalau kata dua-dua tu nak, nak *take five* [berehat lima minit] sat boleh takdak masalah.

NAR: Kami okay ikut ciklan [Mazlan Bin Marzuki] ja, ciklan [Mazlan Bin Marzuki] nak teruih kami okay.

ARR: Kami ok ja.

MBM: (mengiyakan bahawa boleh menyambung perbualan lagi) Okey, saya takpa sampai pagi besok pon boleh, takdak masalah (sambil ketawa). Perli nampak (ketawa).

NAR: (ketawa) Tak. (berfikir) okey, saya tanya boleh *next* [terus] soalan?

MBM: Boleh (nada yang yakin).

NAR: Apa tanaman *popular* [terkenal] ataupun tanaman komersial dekat Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]?

MBM: Okey, masa saya bertugas *time* [masa] tu la?

NAR: Ha, boleh.

MBM: Okay, masa saya bertugas ataih tu sebelum saya naik, saya ada dengar cerita katanya di situ telah di cuba untuk menanam strawberi okey, tetapi bila saya naik kawasan yang diorang cuba tanam strawberi tu tinggal tapak sahaja, strawberi taktau pas ke mana. Okey, kemudian saya cuba tengok ada satu tempat dekat dengan Telaga Tok Sheikh [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] tu ada seorang pengusaha nama dia Michael Ooi, bukan Michael Ooi Mister Ooi saya panggil (mengimbau kembali). Dia telah mengusahakan satu produk iaitu _____ (sambil berfikir) *shiitake mushroom* [cendawan shiitake]. Nama produk _____ *shiitake mushroom* [cendawan shiitake]. Pernah dengaq dak?

NAR: (mengangguk) pernah --.

MBM: Okey, produk ni di panggil cendawan gunung, memang saya dah cuba, cendawan dia memang *fresh* [segar] dan memang sedap tambah tambah kalau kita buat makan dengan sayoq ataupun saya suka buat (sambil berfikir) goreng, goreng tepung memang sedap. Dia bukan macam cendawan biasa bawah tau. Okey, dia telah mengusahakan kawasan tersebut dan mendapat permintaan yang memang saya kata menggalakkan lah tetapi bahan dia tu tak pernah kata cukup stok. Susah nak stok dia nak cukup sebab produk dia contohnya macam Giant atau pun Tesco ambik kat dia sekali ambik banyak dan kita kalau nak tu kena *booking* [membuat tempahan] lah kat dia masa tu. Memang tempat tu masa tu. *shiitake mushroom* [cendawan shiitake] memang *top* [terkenal]. Kalau tak silap saya masatu Permaisuri Sultan

Kedah lepas tu Tunku Amimah pernah pergi situ untuk melihat dan mengambil (sambil berfikir), membeli hasil untuk di bawa balik dan *top* [terkenal] dengan *shiitake mushroom* [cendawan shiitake] masa tu yang kulat yang, yang strawberi tu hilang dah. Sekarang ni, sebelum saya turun saya ada dengaq tengok dalam dua tiga tahun lepas punya cerita, satu kawasan di sebelah belakang muzium (sambil berfikir) eh Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Eh, bukan di sebelah belakang Regency Hotel [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia], dekat dengan kawasan *shiitake mushroom* [cendawan shiitake] telah di buat satu tempat iaitu di panggil orkid kawasan tapak orkid dan telah di usahakan oleh seorang usahawan cina. Kawasan tersebut dengan pelbagai spesies orkid dan yang terbaru, selepas saya turun saya dengar pulak Jerai Hotel- - [Kedah, Malaysia], telah membina satu tapak semaian di kawasan dia dan membuat menanam strawberi dan pernah viral.

NAR: Oh, (sambil tersenyum).

MBM: Pernah viral baru ni, saya pernah tengok strawberi itu hidup (reaksi teruja), tapi saya taktau lah kot dia ambik daripada bawah naik ke atas bagi hidup ka ataupun dia tanam memang hidup. Lepas tu, lain-lain saya tak dengar dah.

NAR: Okey, *next* [seterusnya], *so* [jadi], apa (sambil berfikir) ada dak Gunung Jerai dapat pengiktirafan daripada mana-mana pihak?

MBM: Okey, yang terbaik yang terbaik gunung jerai mendapat pengiktirafan yang terbaik adalah daripada pihak UNESCO [*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*]. UNESCO [*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*] ni satu pertubuhan dunia yang iktiraf kawasan-kawasan macam ni dan dinaiktarafkan daripada Gunung Jerai menjadi Jerai Geopark [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia]. okey, di iktiraf dari UNESCO [*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*] itu yang saya dapat yang memang saya dapat lah memang -- dapat macam tu, gelaran tu dan salah satu tempat yang tercantik lah di iktiraf oleh UNESCO [*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*]. (gangguan anak kucing) sat --, ni -- menyebok nampak (sambil mengangkat dan menunjuk anak kucing).

NAR: (ketawa).

ARR: (ketawa).

MBM: Saya, dia lompat naik nampak dak? (sambil menunjuk anak kucing).

NAR: Hai (sambil melambai ke anak kucing).

MBM: Yang ni kasaq sikit. *Family* [keluarga] saya suka bela kucing.

NAR: Oh.

ARR: Oh, faham.

NAR: Patut dok dengaq bunyi kucing tadi.

ARR: Comey, ciklan [Mazlan Bin Marzuki] (memuji anak kucing tersebut).

MBM: Yalah, ambik ah tu. Buas (sambil melihat kucingnya). Okey, lain-lain?

NAR: So [Jadi], itu ja lah pengiktirafan Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Jerai Geopark [Kedah, Malaysia] ja lah kan?

MBM: Itu sahaja yang saya tau.

NAR: So [Jadi], antara pengunjung yang pernah datang ke Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]?

MBM: Pengunjung yang datang ke Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] semasa _____ saya di atas dari, pelbagai-pelbagai (sambil berfikir memandang ke atas) bangsa dan agama. Masa saya jaga di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] yang datang melawat muzium, okey untuk muzium, untuk pelajar UUM (Universiti Utara Malaysia) dari negara Afrika, Nigeria, Bangladesh pon ada. Lepastu, China ada, Jepun ada, *Singapore* [Singapura], Indonesia, (sambil berfikir) dan beberapa negara lain. Saya tak- - pasti tapi yang di talipo saya, dan melawat muzium pernah seorang satu keluarga daripada Belanda, Belanda datang dan saya pon komunikasi kadang kita- - tak faham komunikasi yang cuma kita tau cara perwatakan, pakaian dia okey. Contohnya, daripada negara Jepun, _____ cakap bahasa Jepun, dia tak cakap orang putih dengan saya dia cakap orang Jepun. Jadi, saya faham (gangguan internet).

Kalau luar negara yang lain Afrika, kita tengok dari segi rupa paras, bentuk, kita tanya lah dia punya pengirim tu dia kata, okey, *this one from* [seorang ini datang dari] Afrika. Okey, yang kawan tu, daripada Belanda, yang Belanda kita tau sebab dia *speaking English* [bercakap Inggeris]. Kita tanya dia dalam Bahasa Inggeris, "*Where 're you come from sir?*" [Encik berasal daripada mana], "*I'm from Belanda*" [Saya dari Belanda] dia kata okey. Germani- -dia kata macam tu, Jerman pon ada tapi dia kebanyakan yang- - macam, macam tu boleh cakap bahasa Melayu pon ada. Contohnya, yang bertugas di Pulau Pinang [Malaysia] dan Kuala Lumpur [Malaysia]. Jadi, depa ni macam, contohnya, di Pulau Pinang [Malaysia] yang datang tu dia boleh cakap Melayu sebab dia dah bertugas lama di Pulau Pinang [Malaysia].

NAR: Oh.

MBM: Dan ada juga satu *group* [kumpulan] daripada *scout* [pengakap] iaitu (sambil berfikir) apa nama *scout* [pengakap] tu daripada anak-anak duta yang menetap di Pulau Pinang [Malaysia]. Anak-anak duta. Kalau nak tengok saya punya (sambil berfikir) FB [Facebook] dulu saya pernah- - buat, ada saya pernah *update* [kemas kini] kan program-program dengan anak-anak duta masa tu lah. Tapi dah lama dah saya tak *update* [kemas kini] dah FB [Facebook] tu. Itu ja lah.

NAR: Aniqah?

MBM: Aniqah? (gangguan internet)

ARR: Ya (sambil ketawa), -- soalan sejarah eh? Okey. Saya nak tanya pasai pengalaman sudah? -- (gangguan internet).

NAR: Boleh tanya pasai pengalaman.

MBM: Okey, pengalaman dah.(sambil menggaru dahi) Boleh.

ARR: Okey nak tau pasai kemudahan di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia].

MBM: Okey, tu salah satu soalan yang elok lah. Kemudahan yang terdapat di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], yang pertama kita ambik daripada bawah, okey. Daripada bawah *access* [kemudahan] untuk naik Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], dia ada

lalu jalan tar, dia ada satu (sambil berfikir) situ kita boleh naik satu menggunakan kenderaan sendiri. Contoh, kalau kita ada retas, kita ada motor, kita ada *bicycle* [basikal], kita boleh naik sendiri atau jalan kaki. Yang kedua, kalau bagi pengunjung yang ____ (gangguan internet) dan yang kata tak mau mai- - naik kereta dia boleh menggunakan van sewa atau kereta sewa yang terdapat di *parking* [tempat letak kenderaan] kaki Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] tu dengan bayaran (mendongak ke atas sambil berfikir), boleh bincang lah dengan pengurusan-pengurusan van tempatan tu. Itu sahaja yang kemudahan terdapat di bawah. Yang kedua, kemudahan di atas Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], (sambil berfikir) di situ terdapat satu resort iaitu hotel dulu dipanggil (sambil berfikir) apa nama dia (sambil mengingati), sekarang nama dia Jerai Hill [Kedah, Malaysia], dulu Regency- - masatu Regency sekarang, Regency hotel masa tu, sekarang di tukar kepada Jerai Hill [Kedah, Malaysia] dan kemudahan yang terdapat di kawasan tersebut dia ada tempat *indoor* [luar], dia ada surau, dia ada tempat memanah, (gangguan internet) pastu, dia ada macam kolam renang ____ dan kawasan-kawasan riadah lah kawasan tersebut. Itu yang terdapat di atas Gunung Jerai lah dan ada jugak satu tempat me-medan, medan untuk orang awam lah menjamu selera di pintu nak masuk hotel tu resort tu. (gangguan bunyi anak kucing). Okey, yang tu ja.

ARR: Saya nak tanya pasai pengalaman ciklan [Mazlan Bin Marzuki] sikit. Sepanjang ciklan [Mazlan Bin Marzuki] bekerja sebagai pengawas hutan, ada tak pengalaman indah dekat sana?

MBM: Pengalaman indah saya (sambil berfikir melihat ke atas). Pengalaman indah apa?(sambil berfikir) Takut adalah (ketawa kecil).

NAR: (sambil ketawa) Boleh pakcik cerita pengalaman takut pakcik [Mazlan Bin Marzuki] tu?

ARR: Pengalaman buruk ada tak?

MBM: Okey, pengalaman indah okey pengalaman indah lah kita cerita pengalaman indah lah. Pengalaman indah saya di sana, saya pernah buat, saya suka ni, saya suka makan okey, banyak program yang saya buat saya suka, eh saya pengalaman yang

kenangan saya lah indah. Pelajaran- - pelajar yang saya ajar ni bermacam-macam ragam okey. Pengalaman saya melihat pelajar-pelajar sekolah yang memasak, itu memang bagi saya indah dan seronok lah yang memori saya- - tak lupa. Ada pelajar universiti daripada satu universiti di utara semenanjung, buat program dengan saya, okey. Umur pelajar ni wanita lebih kurang 20 kot (sambil berfikir) atau 22, okey. Saya ajaq masak, saya ajar masak, saya bagi ikan masin (sambil tersenyum), okey. Saya bagi beras, saya bagi _____, saya bagi bawang, seulas- - eh, kemudian saya masak. Yang saya tengok pelajar ni masak nasik dalam kualiti pelajar daripada Sabah. Okey, dia masak nasik dalam kualiti, nasi tu jadi macam oboyot, apa tu (sambil berfikir) macam buboq tau buboq – kanji tau?

NAR: (ketawa kecil sambil mengangguk) tau.

MBM: Dalam *group* [kumpulan] dia ada satu *group* [kumpulan], dia ramai *group* [kumpulan], satu *group* [kumpulan] ni saya perhati, satu *group* [kumpulan] ni dia campoq oqang utaqa, oqang _____ selatan, timur, barat. Orang barat ni macam orang sebelah pantai barat lah kan. Pantai belah Perak [Malaysia], belah Penang. Dia campoq dengan orang Sabah [Malaysia], orang Sabah [Malaysia] ni masak dengan kualiti, yang orang utaqa ni jadi mentah. Tak boleh nak makan (sambil ketawa). Saya heran. Lepas tu, dalam *group* [kumpulan] tu ada pulak *group* [kumpulan] satu lagi dia masak ikan masin, okey. Ikan gelama masam tau? Gelama masam. Saya tanya pasaipa ikan ni jadi macam belut, (sambil menggosok tangan membuat contoh sisik ikan) peqasan dak, gelama ada sisik kan?. Dia ada sisik kan? Okey, ikan ni rupanya dia pi besiang tau besiang? Oqang, ikan gelama ni, dia pergi buang perut saja (sambil ketawa) lepastu basuh -- selawat sudah lakan? Dia pergi besiang jadi licin teruih *body* [badan] dia tu, badan dia tu. Saya tanya pasaipa macam tu? Dia kata dia duk tengok orang besiang ikan dia besiang, tu saya gelak (ketawa). Pengalaman indah saya, lepastu pengalaman indah saya lagi, saya pernah bawak satu *group* [kumpulan], bawak _____ anak India, anak orang India. Dia punya *weight* [berat] badan dia memang besaq. Tingkatan 4 depa _____ gunung laluan daripada, (sambil berfikir) kami naik dari Titi Hayun [Kedah, Malaysia], nak mai ke puncak, lebih kurang dalam dua kilo [2 kilometer] lagi saya

turun pi ambik dia. Hat sampai ke puncak tu, _____ satu kilo lagi nak sampai, saya turun pi ambik dia. Pernah dia cakap dengan saya ni laluan hutan betui ni. Ini kenangan saya. Dia cakap apa tau? “Pak cik [Mazlan Bin Marzuki], boleh dak panggil helikopter mai ambik saya?” dia kata (Afrina dan Pakcik lan ketawa). Cuba bayang, dalam hutan nak suruh pakai helikopter takmau mai dah. Dia tak laqat jalan dah. Itu yang saya gelak tu, mana boleh dalam hutan _____ helikopter saya kata. Pastu, dia sanggup bayaq dia kata. Dia ingat teksi kot bayaq teksi kot (sambil ketawa). Lepas tu, ada juga _____ kenangan indah yang *family* [keluarga] datang berkelah ke tempat saya tapi balik tinggal isteri. Isteri tertinggal di situ (sambil ketawa). Depa datang dengan keluarga tapi isteri tertinggal. Saya tanya pasaipa kak? Dia kata _____ (gangguan internet) orang ramai, rupanya dia ralit- - duduk situ, dia raliy. *Family* [keluarga] dia balik, bini dia tertinggal di situ (sambil ketawa). Itu pengalaman yang indah lah. Yang banyak kenangan indah yang saya seronok -- pasai *survival* [bertahan] -- mudah-mudah, itu banyak kenangan. Saya suka tengok budak-budak ni bila kita ajaq daripada *zero* [kosong] sampai diorang boleh masak nasi dan boleh makan. Kemudian saya terlampau seqonok selepas pelajaran kita bagi, ilmu saya bagi, budak-budak ni (sambil mengingati), dan saya pernah cabar pelajar-pelajar ni ada pelajar tu daripada MRSM (Maktab Rendah Sains Mara) [Malaysia], saya cabar, saya bagi nasihat, saya kata, saya cabar kamu belajar rajin-rajin kamu keluar daripada kawasan ni, kamu boleh masuk universiti kamu maqi ke pakcik -- bagi kat kamu (katanya kepada pelajar-pelajar tersebut). Saya cabar kat depa saya bagi _____ penginapan situ *free* [percuma] dan pelajar tu saya jumpa baru ni taun lepas, sekarang berada di India (sambil tersenyum dan mengangguk), bidang kedoktoran, yang tu yang soqang, yang soqang lagi belajar di USM Pulau Pinang [Penang, Malaysia]. Lepastu, kawan dia tu belajar di Universiti UNISZA [Universiti Sultan Zainal Abidin] [Malaysia] tak silap saya, -- yang India 8 taun. Kenangan-kenangan dengan pelajar-pelajar memang banyak lah tu yang terindah lah yang seqonok --, dengan kawan-kawan saya *team* [pasukan] saya, yang tak indah pun banyak juga (sambil ketawa), letih (sambung ketawa), yang tak indah tu letih (sambil membuat muka keletihan).

NAR: Apa contoh kenangan?

ARR: Selain itu, apakah pengalaman buruk yang di alami oleh pakcik lan [Mazlan Bin Marzuki] sepanjang di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]?

MBM: Yang tak indah lah tu.

NAR: Ha, tak indah (sambil ketawa).

ARR: Ha.

MBM: Pengalaman buruk pada Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] yang pertama, saya -- nak buat program saya turun pukui satu dua pagi okey, itu yang seram sikit lah cerita tu tapi Alhamdulillah sampai sekarang takdak masalah. Yang terburuk saya pernah mengawasi pada satu taun pada 2016. Berlakunya kemalangan jiwa yang membawak maut seramai 6 orang di dalam Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Itu yang kita bagitau kepada pengunjung, kita ceqita keselamatan, kita ceqita tentang bahaya tapi pengunjung-pengunjung ni ada yang degil ada yang takmau dengaq. Yang pertama, meninggal dua orang peluncur *paragliding* [payung terjun] meninggal di -- pertengahan (sambil berfikir) di atas dekat dengan gunung tu disebabkan oleh kesilapan dia punya (sambil berfikir) juru pandu, seorang laki berbangsa cina berumur 51 dan seorang juru pandu di berumur lebih kurang dalam 30an meninggal di situ. Akibat dia punya *paragliding* [payung terjun] dia punya paracut dia tu (sambil berfikir) gagal berfungsi itu yang pertama. Yang kedua (sambil berfikir) imigresen seorang, eh bukan, seorang inspektor kerajaan kayuh basikal (sambil mengingati) *attack* [serang] kena *attack* [serang], okey, *attack* [serang] jantung meninggal di situ, semua ni saya kena buat kes ni. Yang ketiga seorang pengunjung datang ke -- tempat saya, dan telah pergi ke tepi gaung saya dah nasihat pengunjung-pengunjung jangan pergi ke tempat yang tak dibenarkan okey. Di hujung sungai tu ada satu gaung -- yang tinggi (sambil menggaru mata) ketinggian dia lebih kurang (sambil berfikir) dekat dengan bangunan, 13 tingkat okey, dan pengunjung ni berumur lebih kurang 50an dia terpijak rumput tepi gaung tu jatuh di bawah tu paras tiga ratus meter [300 meter] pecah dalam dada dia tu. Kebetulan haritu saya pergi hospital, saya pergi hospital doktor tu cakap ada satu

kes Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] dia tanya saya, saya kerja apa saya kata kerja Jabatan Hutan Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] saya cakap. Dia kata ada satu orang mati dalam bilik bedah tu dia kata, dia yang ambik kes. Saya tanya mati macam mana, dia kata jatuh gaung dia kata. Lah (reaksi terkejut) saya pergi hospital untuk lain benda lain saya taktau pon cerita tu tapi dia ceqita -- cemana tapi kebetulan saya kata saya kena ambik kes ni kata -- ha dia cerita lah. Dia punya dada pecah sebab terhempap di batu.

NAR: Allah (nada yang simpati).

MBM: Pastu yang keempat eh yang kelima, seorang PA (Personal Assistant) PA [Pembantu Setiausaha] kepada seorang cina laki cina. PA [Pembantu Setiausaha] kepada seorang ahli dewan undangan negeri. *Hiking* -- [mendaki] di laluan (sambil berfikir) Batu Hampar [Yan, Kedah, Malaysia] sebelah -- Yan [Kedah, Malaysia] sana dan naik ke atas, umur lima puluh (sambil berfikir) dua [52] tanpa bagitau kita, takdak permit tak bagitau kita langsung dan kena serangan jantung meninggal -- di atas tu dan satu lagi ada seorang kakitangan swasta daripada Seberang Perai [Pulau Pinang, Malaysia] di laluan yang sama tetapi di atas sikit umur baru dua puluh empat tahun meninggal di laluan yang sama dalam taun yang sama. Jadi enam orang meninggal (gangguan internet) _____ itu kenangan saya kenangan pahit lah bagi saya, sepatutnya benda tu tak patutnya berlaku sebab nasihat, kita beri taklimat _____ kan *pamphlet* -- [risalah], kita dah bagitau dah orang awam masuk kena maklum, bagitau kita, lepastu ikut arahan yang diberikan. Selain daripada kenangan- kenangan pahit tu, ada jugak kenangan pahit di atas tu yang berlaku kepada orang awam yang saya tak dapat lupa, kawasan tanah runtuh. Pada taun 2013 tak silap saya, tanah runtuh (sambil berfikir) dan memutuskan perhubungan laluan tu di pertengahan dia. Dan saya kesian dekat-dekat orang-orang awam ni yang pelajar sekolah yang terkandas di atas tu dan kita beri bantuan lah bantuan awal. Laluan tu hanya boleh lalu seorang sahaja. Kalau dia lalu dia akan jadi gheban balik. Jadi _____ pa semua kita buat bantuan kita letakkan kayu ataupun kita buat pedinding tepi -- tu dan membawa turun oqang -- ramai. Tu kenangan pahit sikit

lah bagi saya. Dan kenangan yang paling pahit bagi saya yang terpahit sangat apabila saya ditukarkan turun daripada Gunung Jerai [Kedah Malaysia].

NAR: Oh. (sambil ketawa).

MBM: Sebab saya -- pernah bercakap, saya telah maklum kepada pihak atasan kata saya takmau tukaq mana dah dan saya nak menghabiskan khidmat saya di Gunung Jerai [Kedah Malaysia] sehingga bersara sebab saya dah (sambil berfikir) bila kita terlampau lama kita jadi minat, jadi macam terlampau sayang dengan kawasan tersebut dengan suasana udaqa -- dia cantik dan kita pon qasa macam sihat -- sangat la lebih lebih sihat sikit. Ha, di situ. Tengok balik tengok balik kerenah-kerenah oqang. Sekarang ni kalau kita pergi tempat-tempat lain kita tengok dengan asap kereta asap motor, yang atas-atas tu *relax* [tenang], tenang dan saya dapat kenali berbagai-bagai -- ragam dan berbagai-bagai orang saya dapat daripada seorang pemandu lori, pengutip sampah jalanan sehinggalah peringkat tertinggi saya pernah berjumpa dan berkenalan dengan kerabat diraja. Saya dapat berkenalan dengan kerabat diraja Perlis, saya dapat berkenalan dengan kerabat di raja Kedah dan saya dapat berkenalan dengan orang paling tertinggi Menteri dalam bidang, serta beberapa orang pensyarah, doktor, datuk yang pernah datang saya dan anggota polis berpangkat tinggi lah dan seorang tu kalau tak silap saya sekarang ni adalah ketua polis di salah satu negeri di Malaysia, masih lagi berhubung. Itu kenalan, kenangan saya lah. Seronok duk atas tu seronok

ARR: Okey, pastu nak tanya ciklan [Mazlan Bin Marzuki] -- pernah -- pakcik lan [Mazlan Bin Marzuki], pernah mengalami sebarang kemalangan atau kecelakaan tak semasa menjalankan tugas.

MBM: Okey, kemalangan di atas tu yang teqok-teqok takdak la (sambil mengingati peristiwa yang lepas) yang --- saya pernah mengalami mistri la ceqita ni mistri sikit (sambil berfikir), saya sakit sendi satu ketika tu saya tuqun saya pernah sakit sendi dan saya pernah (sambil berfikir) telah maklum kepada *wife* [isteri] saya istri saya. Kenapa badan saya sakit sangat. Dia takat sendi-sendi badan dia jadi lenguh tau. Dia jadi macam kita letih. Saya pergi sana okey, saya balik saya sakit dan saya telah -- cuba mem -- mem buat -- pa -- ha -- hospital kerajaan. Bila makan okey,

mai esok sakit dan saya berjumpalah dengan pengamal perubatan okey, seorang ustaz dan seorang imam dan- - (sambil berfikir) imam ini mengatakan kepada saya rupanya ada macam tumpanglah katanya lah dan diberi (sambil berfikir) kita ikhtiaq, kita ikhtiaq lah ustaz tu ikhtiaq dengan izin Allah, Alhamdulillah benda tu hilang. Jadi mungkin saya ni (sambil berfikir) oqang kata, dia nak sudikan benda-benda, kita taktau lah dia benda apa dan sudi cuba saya tapi sekali tu lah yang ni cuma kalau kata nak kata kemalangan yang teqok -- takdak lah. Kemalangan teqok -- takdak kot lah jatuh motor ka tapi *break* [berhenti] motor memang pernah takdak *break* [berhenti]. Turun pakai *break* [berhenti] kaki ja pasai dia terlampau lama naik yang mangkuk break tu cayaq --- sampai lembik (sambil ketawa) tapi kawan sekenangan dengan saya kawan saya besa kena dan seorang, banyak orang cerita saya, dan seorang pengarah -- satu agensi _____ (gangguan internet) dan saya terserempak dengan pelik-pelik lah cerita dia. Yang alam ghaib tu lah tapi kecelakaan takdak lah yang teruk-teruk pada diri saya ni. (sambil menguap)

ARR: Okey, lepastu (sambil berfikir), pakcik lan pernah tak mengalami pengalaman mistik?

MBM: Okey, yang mistik ni --, pertama sekali saya naik Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], saya pernah buat satu program dan bila program ni saya pernah terserempak satu kawasan yang asing sikit saya beqasa macam tak tau lah kot dia nak tunjuk ka apa benda satu benda yang (sambil berfikir) yang orang kata pa (sambil berfikir) _____ macam bayangan tapi tak jelas okey. Itu yang pertama, yang kedua, ada seorang pensyarah bawak *group* [kumpulan] dia okey, dia ambik gambaq sekali dengan saya, saya bagi taklimat waktu malam di hutan di kawasan rekreasi saya bagi taklimat tentang hutan (sambil berfikir), tentang *survivor* [bertahan], tentang macam mana ikhtiar hidup di waktu malam dan dia punya pelajar-pelajar ambik gambaq okey, bila pelajar-pelajar ambik gambaq, saya tak tengok gambaq tu tau dia ambik rakam gambaq sebab depa dok kena buat *assignment* [tugasan], saya tak tengok kemudian dia balik dia cerita kat saya, dia kata ciklan pelajar saya tunjuk kat saya gambaq kita ambik malam tu dia kata tapi saya tak tengok. Takkan seorang profesor nak goreng saya dia kata _____ padahal prof tengok ni apa dia. Dia *zoom*

[perbesar] gambar tu contoh kita ada dua puluh orang okey, lampu pakai lampu *torchlight* [lampu suluh] -- tau (sambil membuat saya tangan di kepala) _____ tu. Dia zoom gambar tu di atas belakang pelajar-pelajar ni berpuluh-puluh lagi ada.

NAR: Allah (ketawa dan tersenyum).

MBM: (ketawa) Ini bukan saya reka ceqita tau. Saya tak mau cakap sapa dia tetapi mungkin Aniqah dengan Afrina kenai sapa dia.

NAR: Sapa dia?

ARR: Kenai (mengiyakan cerita itu).

MBM: Ha, memang kenai, memang kenai (sambil menuding jari ke arah Afrina dan Aniqah). Sebab apa dia yang tunjuk kat saya dan satu lagi dia kata benda tu memang nampak berpuluh-puluh belakang pelajar-pelajar yang saya ajaq tu. Dekat belakang saya pon ada tapi saya tak qasa pon la nak qasa ceqin bulu roma seram dak. Tapi memang dia nampak lah. Lepastu, saya kata budak-budak okey dak. Dia kata okey takdak masalah. Ada satu lagi ceqita seorang pelajar saya tak mahu habaq dia universiti mana, pelajar perempuan oqang (sambil berfikir lama) sebelah utaqa juga. Siang pagi tu saya pergi tempat dia, saya pergi tempat dia berkhemah tu, budak ni jadi macam *blur* [takut] muka pucat tau, muka pucat umur dalam dua puluh. Saya tanya pelajar, pasaipa, budak ni tak tidoq daripada malam okey. Saya tanya-tanya saya tengok-tengok saya boleh agak dah ha saya tanya depa, saya tanya pelajar-pelajar ni kelmarin pergi laluan mana? Siang tadi pergi laluan mana. Dia kata kami ikut laluan ni _____, okey. Apa yang budak tu nampak, dia kata budak ni nampak, ini yang dia ceqita tau tapi budak tu balik berubat lah balik berubat di sebelah utaqa tu. Dia nampak, satu sebelah pokok (sambil membuat gaya tangan) dia nampak rambut panjang okey ni saya ceqita lah apa yang ceqita, satu rambut panjang okey, lepastu dia nampak kepala, badan dia tak nampak. Siang ni waktu siang okey, lebih kurang waktu pukul tiga lebih. Dia nampak biji mata ni duduk kat sini (sambil menunjuk mata di muka). Bujuk mata tu tergantung kat sini. Yang sebelah ni besaq ni dia kata (sambil memuat bentuk mata menggunakan tangan di muka) besaq ni macam mana tah dia cakap tapi sebelah ni tergantung.

NAR: Allah. (terkejut dan ketawa sedikit)

MBM: Dia soqang ja nampak (sambil ketawa). Itu yang mistik okey, itu pelajar tu daripada satu universiti lah tapi saya cakaplah dengan professor dia tu ada dak prof yang budak maqi sekali dia kata ada habaq. Okey, saya nasihat budak-budak ni balik lah pi cari ustaz buat perubatan tradisional kan. Professor ni kata memang budak ni dia mintak satu sem dia cuti, sekarang saya tak tahu jadi apa, perempuan okey. Mistik yang saya dengar cerita gak, satu (sambil berfikir) pegawai, pengarah-pengarah satu unit penguasaan daripada Kuala Lumpur [Malaysia], datang tempat saya. Dia masuk tiga hari dua malam, pagi besok dia nak balik tu, dia ceqita kat saya, dia kata dia nampak satu bertentang dengan dia lebih kurang dalam sepuluh meter, dia nampak satu lembaga besaq _____ saya besaq, bermata bulat merah menyala, merah menyala ni macam buh _____ tu merah dia merah lagi (sambil tersenyum) berbulu. Tapi dia tak tegur dia buat taktau ja la. Saya pun gelak ja la. Tapi saya ceqin jugak bulu roma. Pastu diorang ni balik lah depa ni daripada Subang Jaya [Selangor], Agensi Penguatkuasaan. Yang satu ceqita lagi, seorang professor pensyarah malam tu saya buat program jugak program dengan dua jugak, kemudian habis program saya turun balik okey. Pensyarah ni kata pelajar ni _____ (gangguan internet) situ ada satu tempat rekreasi talipo tu ada kolam tau kolam renang kan. Okey. Dia tuqun mandi, okey, mandi pa semua pastu pelajar-pelajar ni seqonok la seqonok _____ tapi sebelum tu saya nasihat dah pelajar-pelajar ni jangan seqonok sangat, kalau nampak benda-benda hitam ja jangan tergur kan. Kalau pergi tandas pergilah tiga orang jangan pergi soqang. Pergi dua tiga empat orang ka pastu pelajar-pelajar ni ambik gambaq. Dia kan bila dalam kolam diorang ambik gambaq. Bila ambik gambaq dia balik, dia balik dia tunjuk kat pensyarah dia. Pensyarah dia zoom di belakang budak-budak ni, rupanya depa ni dalam lebih kurang dalam sepuluh, lima belas orang mandi kolam di belakang dia berpuluh puluh dok ambik gambaq sekali dengan depa (sambil ketawa).

NAR: Tudia (sambil ketawa), Adui (sambung ketawa). Geram ah.

MBM: Nak saya ceqita ka daripada universiti mana ka. Saya boleh ceqita (sambil senyum).

NAR: (sambil ketawa) Ikutlah.

MBM: Ha, boleh dak saya ceqita? (sambil ketawa).

ARR: Takpa (sambil ketawa).

MBM: Nak tau saya ceqita universiti mana? Boleh tanya da – dia tu sapadia.

NAR: Takpa (smbung ketawa).

MBM: Dia ceqita kat saya

NAR: UiTM (Universiti Teknologi Mara) kot.

MBM: Ya (sambil tersenyum). Tanyalah tu kawan baik saya tu

NAR: Oh, okey – (sambil ketawa).

MBM: Okey, faham kan sapa kan?

NAR: Faham-faham (sambil mengangguk).

MBM: Paham kan, dia ceqita kat saya dan – dan kawan saya ni pun, pensyarah ni pun dia pernah tengok jugak satu (sambil berfikir) selepas saya buat program satu malam tu _____ buat program, dia kata selepas dia balik lebih kurang dalam pukul satu satu sengah tu, dekat situ ada jambatan kayu eh besi kan eh batu kan, jambatan batu. Dia tengok cahaya bulan samaq-samaq tetapi ada empat orang (sambil menunjukkan empat jari) satu keluarga empat orang, bapak dia pakai serban pakai jubah, yang kedua di ikuti oleh mak dia pakai (sambil berfikir) telekung kala putih, yang ketiga anak perempuan dia, yang keempat anak laki dia (sambil tersenyum) okey, berjalan di jambatan tu selepas jambatan tu hilang. Terus kawan saya ni pergi masuk bilik, masuk dalam khemah, tidoq (sambil ketawa).

NAR: Takutla (sambil ketawa)

ARR: Seram.

MBM: Taktau -- la, la tapi itu kenangan-kenangan mistik yang saya dapat lah. Ada jugak anak buah saya kena kenangan mistik anak buah saya kena. Memang kena waktu siang benda tu (sambil berfikir) satu kawan saya ni bawak istri dia naik ke muzium iaitu di muzium. Istri dia dok dalam qeta, kawan saya, anggota saya ni dia naik ke

dalam hutan di belakang muzium untuk tunjuk satu tempat kepada pelancong cina dua oqang. Dia tuqun, istri kawan saya ni nak panggey kawan-kawan saya ni, suami dia tu dia nak habaq kata benda ikut kawan saya ni tiga ekoq maksudnya tiga ekoq besaq lah. Bukan beqok tau, bukan ni (sambil berfikir) dia bentuk besaq tapi tak nampak. Yang sekor tu cekup dia, maksud cekup dia cekup mulut dia tak boleh bercakap. Yang dua ekor lagi tarik tangan kawan saya ha itu yang kawan saya ceqita benda-benda ni saya anggap mistik lah kan. Sebab saya tak nampak tapi yang ceqita ni daripada oqang -- yang datang tempat tu ha jadi benda tu kita mintak simpang lah.

NAR: Ha, betui.

MBM: Benda-benda tu memang ada tapi kalau kita buat tak layan takdak lah tapi kalau kita layan tu memang mana-mana tempat ada kan. Ha tulah kena beringat. Ha tu yang belakang Aniqah tu tengok belakang tu bergerak tu pasaipa botoi tu bergerak.

NAR: (ketawa).

ARR: (ketawa). Mana ada.

MBM: Peqasan dak?

NAR: (ketawa) Botol hitam tu kan pakcik [Mazlan Bin Marzuki], botoi hitam dok bergerak.

ARR: Mana? (sambil tunjuk barang di belakang).

MBM: Sebelah kiri tu (sambil menunjuk di belakang Aniqah)

NAR: Yang warna biqu.

MBM: Ha, tadi dia duduk di tengah sikit ha, tu yang kecil tu yang kecil tu (sambil menunjuk barang di belakang Aniqah) tu -- tu yang kecil tu

ARR: Ha, ni? (sambil memang botol itu).

MBM: Ni --, ni yang tengah-tengah tu yang tengah-tengah sikit. Takdak tak bergeqak dah, tadi tengok _____ dia qapat (sambil ketawa)

ARR: Haih, ciklan [Mazlan Bin Marzuki], ni.

MBM: (sambil ketawa) saja-saja.

NAR: Dia tidoq soqang malam ni (sambil ketawa).

MBM: (bunyi ketawa anak kepada ciklan).

NAR: Anak ciklan [Mazlan Bin Marzuki], lah tu?

MBM: Saja melawak, tu anak ciklan [Mazlan Bin Marzuki], hat pompuan, nak tengok dia? (bunyi suara orang bercakap di belakang). Anak-anak --- pompuan. Mai (sambil ingin menarik anaknya untuk ditunjuk). Ni anak saya yang pompuan ni tingkatan lima sekolah _____ (gangguan internet). _____ kerja kapai, kerja kapai di (sambil berfikir) di perairan Malaysia lah. Yang kedua ni daripada *student* -- [pelajar] PJJ UUM (Pengajian Jarak jauh Universiti Utara Malaysia) nombor dua. Ini anak saya _____.

NAR: Mana? (ingin melihat sambil tersenyum).

MBM: Ha, ni (menarik dan menunjuk anaknya ke hadapan kamera) (anaknya melambai dan ketawa).

NAR: Hai, (sambil melambaikan tangan).

ARR: (memberi senyuman dan melambaikan tangan kepada anaknya).

MBM: Ha, ini -- tingkatan lima, ha sudah -- (sambil menolak anaknya pergi menjauh dan ketawa). Ini tingkatan lima.

NAR: Apa _____ (ketawa sambil mengelap dahi).

MBM: Itu tingkatan lima Sekolah Menengah Agama. Dia minat bahagian Usuluddin dan dia kata dia nak jadi (sambil berfikir) seorang peguam syariah dia kata.

NAR: Oh, (teruja dan kagum). Hebat --

ARR: *Lawyer* [Peguam].

MBM: Dia cakap Arab dengan saya -- cakap itik ja kat dia.

NAR: (ketawa)

MBM: Taktau lah minat dia _____.

NAR: Okey la tu boleh pi jauh Insya-Allah.

MBM: Buat ayaq milo kat abah (menyuruh anaknya membuat air untuknya).

NAR: Ha buat ayaq milo _____ dahaga (sambil tersenyum).

MBM: Ha, insya-Allah, kalau ada rezeki. Okey, lain-lain.

NAR: Okey, lain soalan.

MBM: _____ lapaq ayaq (memalingkan kepala sambil ketawa kepada anaknya).

NAR: Minum ayaq lu (menyuruhnya minum air dahulu).

ARR: Nak minum ayaq ciklan [Mazlan Bin Marzuki], minum lu (memberi ruang kepadanya untuk minum air).

MBM: Okey boleh, *take five* [berehat lima minit] boleh.

NAR: Ha, boleh.

MBM: Ini nak tutup ka dak, kalau tutup takut *lost* [hilang] pulak satgi.

NAR: Ha, takyah lah.

MBM: *On* [buka] la bialq *on* [buka].

NAR: Ha, bialq *on* [buka] --.

MBM: Okey.

NAR: Pakcik [Mazlan Bin Marzuki], pi minum lu.

Dengan ini berakhirlah sesi temubual sejarah lisan sesi pertama mengenai bidang warisan tempatan Gunung Jerai bersama Encik Mazlan Bin Marzuki. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama beliau untuk diwawancara. Sekian, terima kasih.

5.2 SESI KEDUA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang sejarah tempatan. Bersama-sama kami ialah Encik Mazlan Bin Marzuki yang merupakan seorang Ranger Gunung Jerai, Kedah. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 28 Mei 2021 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 12:05 pagi menggunakan pelantar Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Aniqah Rusyda Binti Ruslan dan juga Nur Afrina Binti Mohd Rafikhul @ Rafi. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NAR: Okey, *so*[jadi] saya *start*[mula] soalan nah?

MBM: Okey, okey boleh (sambil menjawab salam).

NAR: (sambil berfikir) okey, apa (sambil mengingati) aktiviti apa yang sering dilakukan oleh pengunjung yang datang ke Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]?

MBM: Okey, aktiviti yang sering dilakukan oleh pengunjung di Gunung Jerai satu, yang pertama adalah aktiviti riadah -- iaitu membawa keluarga, bagi membawa keluarga, dia kan beriadah di (sambil berfikir) kawasan (sambil berfikir) Regency Hotel [Kedah, Malaysia] tu, persekitarannya melihat pemandangan-pemandangan panorama yang terdapat di situ. (sambil berfikir) memandang sawah padi yang pulau-pulau, laut dengan udara yang segar dan aktiviti yang pengunjung lakukan di (sambil berfikir) kawasan talipo saya (terbatuk), seperti (sambil berfikir) berkhemah, kemudian mandi-manda kawasan saya ada kolam, satu kolam renang dan kawasan air sungai yang sejuk air yang sejuk baik untuk kesihatan kalau diorang mandi. Kemudian berkelah bersama keluarga, makan, kemudian membuat (sambil berfikir) orang kata apa (sambil mengingati) aktiviti-aktiviti keluarga. Contohnya, macam permainan di situ. Di situ ada permainan untuk budak main. Okey, selain daripada tu, aktiviti yang dilakukan oleh (sambil berfikir) pengunjung jugak seperti melihat burung-burung. Kalau kata nasib mereka baik mereka dapat jumpa dengan *eagle* [helang] iaitu helang di -- di sebelah puncak kalau tak silap --

sebelah – selatan dia akan terbang. Sekali sekala ternampak jugak burung tu kadang-kadang jumpa burung enggang. Tapi jarang la orang orang jumpa _____ macam saya bertugas di situ saya jumpa jugak benda-benda tu kadang orang awam ni dia jarang jumpa. Pengunjung-pengunjung ni dia jarang berjumpa benda-benda macam tu. Ada yang pengunjung yang datang bawak baskel hari minggu contoh di sebelah utara ni cutinya hari Jumaat dan Sabtu tetapi bagi Penang [Malaysia], Perlis [Malaysia] hari Ahad okey. Ada pengunjung yang beriadah _____ Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] seperti menaiki baskel --gunung *motorbike* [motosikal] okey (sambil membetulkan songkok) lepastu gunung sampai atas balik. Ha, lelaki dan perempuan (sambil berfikir) ada jugak yang berjoging – persendirian dan ada yang berkeluarga hari-hari minggu tu. Kebanyakannya adalah orang tempatan lah. Orang tempatan sebelah Kedah [Malaysia]. tapi yang kebanyakan yang selalu yang datang dengan baskel ni daripada Penang [Malaysia]. ada yang datang dari Penang [Malaysia]. Yang paling jauh pun pernah saya terserempak dia datang dengan group [kumpulan] (sambil berfikir) naik baskel daripada (sambil berfikir) dia naik kereta tu *Hilux* [nama kereta] dia datang daripada Kuala Lumpur [Malaysia] semata-mata nak naik Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]saja kemudian balik (ketawa kecil) dan diorang bermalam di Sungai Petani [Kedah, Malaysia] tak silap saya tu. Cuma nak test laluan Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] tu yang -- aktiviti yang orang buat riadah lah (gangguan bunyi orang bercakap) okey.

NAR: So [jadi], tulah antara aktiviti yang boleh pengunjung buat kat sana kan?

MBM: Ha, pengunjung yang buat. Itu tak termasuk aktiviti yang dirancang. Contohnya pengurusan *paragliding* [payung terjun] itu tak lah bukan pengunjung yang buat.

NAR: Oh (memahami perkara yang diterangkan).

MBM: Itu mungkin dia pakai (sambil berfikir) agensi -- yang mintak nak buat lah yang pengunjung datang tu riadah, berkhemah, berkelah, dia makan dengan *family* [keluarga], bermalam di rekreasi saya, bermalam di (berfikir sejenak) Jerai di hotel tu. Itulah aktiviti diorang.

NAR: Aktiviti *paragliding* [payung terjun] tu sapa yang anjurkan dan dia buat kat mana aktiviti tu?

MBM: Okey, aktiviti *paragliding* [payung terjun] ni dia buat (sambil berfikir) di aras tak silap saya hampir dengan 700 meter aras laut di sebelah (sambil berfikir) tengah-tengah berhampiran dekat dengan (sambil berfikir) muzium perhutanan [Gunung Jerai, Kedah, Malaysia] _____ satu tempat tinggi tu di sebelah lapang dan mengadap ke arah laut okey. Di -- punyai oleh satu *group* [kumpulan] (sambil berfikir) kelab -- luncur *paragliding* [payung terjun] (sambil berfikir) utara dan depa ni berlesen lah *group* [kumpulan] ni berlesen dan depa mohon dengan Jabatan Hutan untuk membuat tapak pendaratan dan pelepasan di kawasan tersebut dan dengan bayaran yang dikenakan untuk menjadikan ianya hasil (sambil berfikir) _____ negeri Kedah lah. Itu salah satu tarikan pelancong jugak kepada negeri Kedah. Jadi dari segi keselamatan *group* [kumpulan] ni kena ambik kira lah semua dia kena _____ semua kita dah beri iaitu di (sambil berfikir) di -- jaga oleh Kelab Luncur Layar tak silap *paragliding* [payung terjun] utara nama kelab tu.

NAR: Okey -- (mengangguk)

MBM: Itu ja.

NAR: Apa aktiviti-aktiviti yang (sambil berfikir) pihak pakcik [Mazlan Bin Marzuki] sediakan pada pengunjung, pakcik sendiri yang sediakan untuk pengunjung.

MBM: Maksudnya _____ (gangguan internet) saya ka yang _____?

NAR: Macam na?

MBM: Maksudnya (sambil berfikir) pihak saya tu jabatan ka yang sediakan ataupun individu saya yang buat?

NAR: Boleh pakcik [Mazlan Bin Marzuki] nak cerita jabatan dengan pihak, dengan pakcik [Mazlan Bin Marzuki] sendiqi ha.

MBM: Okey, kita bagi dua – okey. Pihak jabatan menyediakan (sambil berfikir) taklimat dan sesi penerangan serta pameran kepada pengunjung di muzium perhutanan, okey. Sekiranya pengunjung yang datang rombongan untuk melawat muzium

contohnya pelajar sekolah ataupun agensi-agensi lain yang datang. Contohnya dulu, ada satu *group* [kumpulan] puspawita -- datang pastu daripada kelab guru lepastu daripada kelab polis okey, datang untuk melawat muzium dan kita diminta untuk memberi (sambil berfikir) taklimat dan (sambil berfikir) ke-kepada (sambil berfikir) pengunjung-pengunjung ni dan saya akan memberi khidmat lah yang terbaik kita bawak pengunjung ni kita bagi taklimat kemudian kita akan terang (sambil mengusap mulut) kawasan-kawasan ni, tempat-tempat menarik di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]. Okey untuk (sambil berfikir) saya sendiri kadang-kadang pengunjung mintak dari jabatan untuk buat program -- (sambil berfikir) penerangan tentang pokok-pokok contoh kepada pelajar-pelajar ni contohnya, (sambil berfikir) pokok herba, pokok-pokok herba, pokok-pokok hutan dan pokok-pokok yang untuk perubatan ha okey di dalam kawasan tempat saya jaga tu dan kita akan teranglah. Kita ada satu team [pasukan], saya dengan anggota saya, anggota saya contoh daripada segi (sambil berfikir) yang pokok herba saya bagi seseorang tu satu orang tu yang *expert* [pakar] dia tau pokok-pokok _____ herba ni lah pokok hutan ni. Yang kedua seorang tu dia *expert* [pakar] tentang jalan jenis hutan okey kita akan bagi pelajaran taklimat tentang jalan jenis hutan, jejak-jejak binatang. Macam saya -- kepakaran saya kepada bidang *survivor* [tahanan hidup] dan bidang untuk memberi tunjuk ajar kepada pelajar-pelajar ni. Itu yang kita buat kalau dia mintak melalui jabatan. Selain daripada tu, mintak melalui individu contoh kepada saya, okey sumbangan dia kepada pelajar-pelajar _____ ni. Contohnya, dia mintak kita menyediakan kemudahan-kemudahan di dalam talipo tu apabila mereka bermalam depa nak bantuan contohnya (sambil berfikir) depa nak perkhidmatan (sambil berfikir) menyediakan makan minum. Ada yang datang *group* [kumpulan] ni dia tak bawak makan minum, dia nak kita sediakan (terbatuk). Contohnya, khidmat *catering* [katering] okey. Saya akan bagi no *contact* [kenalan] dan dia berhubung dengan (berfikir sejenak) pengusaha *catering* [katering] yang kita percaya. Jadi dia sediakan makan pagi, (sambil berfikir) lepastu sarapan, makan tengah hari, petang, dan *supper* [makan malam]. Jadi, okey itu khidmat saya yang saya beri kepada yang mintak *catering* [katering] contohnya dia mintak tolong saya, pengunjung datang dia mintak okey boleh dak tolong carikan saya kenderaan untuk naik ke tempat ni.

Ha, saya pun akan cuba cari kenderaan- kenderaan sewa di bawah tu _____ van sewa ataupun kereta sewa yang saya kenal lah. Saya kata ini ada nombor, pihak tuan boleh *contact* [kenalan] dengan nombor ni (mengangguk) sekiranya

Kita ada dua kategori (terbatuk) yang mana jurupandu hutan dia mintak melalui jabatan okey, apabila jabatan kita akan bawak secara orang kata dengan cara (sambil berfikir) bersurat okey, dia mintak kita secara bersurat untuk _____ hutan dan memberi keterangan tentang laluan hutan. Jadi saya akan bawak dengan cara sebagai seorang jurupandu yang di telah di (berfikir sejenak) orang kata pa dilantik dan diberi -- sijil untuk sebagai jurupandu semenanjung Malaysia dan saya membawa orang yang memerlukan contohnya agensi-agensi atau pelajar sekolah. Ada satu lagi persendirian. Contoh persendirian ni contoh kita kata daripada Kelantan [Malaysia], Terengganu [Malaysia] para *hiker* [pendaki]. *Hiker* [pendaki] ni dia nak dia takmau kita bawak, dia nak orang awam tetapi dia ada yang sijil jurupandu tapi dia tau saya ada sijil jurupandu tapi dia nak orang awam okey saya kata _____ saya punya *group* [kumpulan] jurupandu. Okey *group* [kumpulan] jurupandu saya ni yang mempunyai _____ dan di tauliah oleh Persatuan Jurupandu tak silap saya atau Pendaki Malaysia dan saya akan tanya *group* [kumpulan] ni boleh bawak dak *group* [kumpulan] sekian --. Dia _____ dia cakap boleh, kita uruskan lah mintak diorang urus, buat bayaran, bayaran permit masuk hutan satu, bayaran perkhidmatan lain-lain kena ikut arahan jurupandu dan perkhidmatan van turun. Allahuakbar, (mengangkat anak kucing yang mengganggu) lompat nasib baik (meletakkan semula anak kucing itu di bawah). “Dia penyibuk”.

NAR: (ketawa) Adoi.

ARR: (ketawa).

MBM: Kecik ja (sambil melihat gelagat anak kucing) waktu dia ganggu sungguh la (sambil tersenyum).

NAR: Takpa (sambil ketawa).

MBM: Okey, itu perkhidmatan yang kita berikanlah. Kadang-kadang ni ada perkhidmatan yang orang awam kenderaan dia rosak. Pernah berlaku kenderaan dia terbakar. Jadi kebetulan kita bertugas di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia], perkhidmatan yang kita ada kita bantu dia bantu kerosakan kereta dia satu yang terbakar tu kita ada macam (sambil berfikir) tong *fire* [api] tu kan yang asap tu kan ha, kita ambik kita bantu untuk memadamkan kebakaran di bahagian enjin dia tu.

NAR: Oh (sambil mengangguk).

MBM: Ada yang motor pecah, minyak habih, tu yang kita kadang-kadang kita tolong macam tu lah tolong dia _____ cari minyak ka pastu tayar pecah kita mintak tolong tukaq ganti tayar, macam – tu ja (sambil menggaru telinga). Yang aktiviti yang bantuan lain tu takdak la yang tequk – sangat kot mintak beli – makanan wak naik dua kilo tiga kilo takdak lah (ketawa sambil tersenyum).

NAR: (ketawa kecil) jenuh macam tu.

MBM: Kadang-kadang ada jugak yang pelik – suquh beli lilin bawak naik yang berkhemah tu ada jugak beli lilin boleh wak naik dak _____ dia kata suruh mai hantaq, ada patut (sambil menggeleng).

NAR: (ketawa mendengar jawapan itu) Oh.

MBM: Patutnya hang berkhemah hang bawak la benda tu kan.

NAR: Betui (setuju sambil mengangguk).

MBM: Ada – *student* [pelajar] dia buat kat saya macamtu, dia naik bermalam kemudian dia mintak tolong boleh tak pakcik lan tolong saya naik hantaq lilin kat saya satgi (sambil ketawa). Saya kata macam mana kamu mai berkelah mai berkhemah ni lilin apa takdak. Saya bukan nak naik soqang – (terbatuk).

NAR: Okey, lepaih tu so [jadi] pakcik [Mazlan Bin Marzuki] ada dak berkerjasama dengan mana-mana pihak ataupun badan-badan untuk nak jalankan aktiviti-aktiviti di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia].

MBM: Ada --, pihak yang minta bantuan daripada saya melalui jabatan, bersurat dia mintak pihak jabatan menyediakan seorang ataupun dua tiga orang jurupandu. Contoh, (terbersin dan ketawa) gangguan (sambil mengelap hidung). Dia (sambil berfikir) dia mintak saya bukan jurupandu, dia mintak saya sebagai pengiring ha maksudnya pengiring macam ni. Dia kata cik boleh tak jadi pengiring kepada kami, saya bawak (sambil berfikir) dia ni daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat kalau tak silap saya lebih kurang macam tu macam anak yatim tau, anak-anak orang susah anak yatim. Budak-budak ni adalah yang istimewa. Ha, maksud istimewa ni budak-budak ni kita kata dia punya pemikiran bawah pada 30 *percent* [peratus] [30%]. Jadi budak macam (sambil berfikir) apa yang dia buat dia dunia dia ha jadi kita kena iring budak-budak ni. Itu daripada badan kebajikan mintak tolong kita bawak. Kita tanya dia budak-budak ni macam mana dia punya fizikal dan ada yang dunia dia sendiri, ada yang dalam bercakap soqang --. Jadi kita bawak dia untuk keselamatan kita ikut dia iring dia, itu yang di mintak oleh satu badan kebajikan. Ada jugak daripada persatuan-persatuan ibu-ibu. Ibu-ibu tunggal, jadi sebagai pengiring dia daripada (sambil berfikir) daripada saya punya kawasan muzium sehingga hotel. Jadi maksudnya untuk keselamatan mereka. Jadi saya kata takpa saya _____ macam tu. Ada jugak daripada (sambil berfikir) pengamal perubatan ha itu satu persatuan pengamal perubatan telah (sambil berfikir) pernah mintak bantuan saya untuk membantu mereka mengenal pasti spesis-spesis pokok – perubatan, ada yang macam tu (gangguan internet dan gangguan bunyi ketawa) dan lain-lain tu, kebanyakan sekolah-sekolah lah mintak bantu mereka menjalankan aktiviti-aktiviti yang mereka lakukan (sambil berfikir) yang terbanyak pengakap lah nak mintak tolong bantu aktiviti mereka lah. Jadi ha bantuan saya beri contohnya mengawal lokasi, mengawal keselamatan (sambil berfikir), mengawasi pengunjung-pengunjung luar. Contoh yang pengakap ni dia masuk terlampau qamai tau, bila terlampau qamai saya terpaksa ambik inisiatif dan saya terpaksa melaporkan pada pihak jabatan. Contohnya, satu taun tu pengakap ni masuk lebih kurang tujuh ratus lima puluh [750] orang, saya terpaksa tutup kawasan tu kepada orang luar untuk keselamatan peserta. Jadi saya bincang dengan pegawai _____ saya, dan pegawai _____ setuju jai kita tutup. Saya ada kuasa untuk melarang orang luar masuk sebab

untuk peserta-peserta kita takut jadi benda-benda yang tak di ingini. Contohnya, kehilangan barang kemudian berlakunya pergaduhan. Contoh lah kita ada kecurian, bergaduh dengan pelajar-pelajar ni, ha kita takut macam tu kadang-kadang benda tu tak puas hati sebab diorang nak mandi. Contoh nak mandi kolam kemudian ganggu kat khemah-khemah pelajar. Diorang bukan ada apa pon, lalu – kalau hilang baqang kita pulak nak kena menjawab. Jadi dari segi keselamatan kita nak bantu mereka untuk mengawasi keselamatan peserta-peserta ni tulah.

NAR: Okey (sambil mengangguk). Next [seterusnya], apa nama (sambil berfikir) ada tak risiko yang sering jadi dekat pengunjung masa naik Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]?

MBM: Maksud di situ kecelakaan atau kemalangan?

NAR: Ha, boleh.

MBM: Okey, ada beberapa risiko, risiko ni ada yang berbahaya dan ada risiko yang terpaksa di ambil (sambil berfikir) kira dengan segera lah. Contohnya, risiko kanak-kanak lemas ada berlaku di kolam renang. Tempat saya tu ada kolam renang. Kanak-kanak berumur kurang (sambil berfikir) tujuh, lapan, tahu terjatuh dalam kolam renang sebab kolam renang ni dia da satu tempat tu bahagian kanak-kanak mandi yang umur tujuh tahun yang lebih kurang dalam paras pinggang kita. Ada satu tempat tu d – dia dalam sikit (sambil berfikir) dia dalam macam kita ni tinggi satu *point* [perpuluhan] tujuh lima [1.75] [ketinggian diri] tenggelam. Ha, rasa-rasa mungkin Afrina dengan Aniqah ni kalau pergi tempat tu memang tenggelam lah memang _____ lah paras air tu. Okey, risiko dia pernah berlaku kanak-kanak ni jatuh dalam kolam tu.

NAR: Oh (mengangguk).

MBM: Ha, kemudian ada pengunjung telah mengambil (sambil mengingati) terjun tapi wak naik lah, selamat budak tu. Ada pernah berlaku satu kejadian kanak-kanak terjatuh dalam kolam tu bila mandi qamai – tapi oqang tak peqasan kanak-kanak tu lemas tapi dalam group [kumpulan] tu ada doktor pelatih ada dok hospital _____ tu muda lagi. Saya dengar cerita doktor tu telah membantu kanak-kanak ni. Dia hilang nadi lebih kurang dalam dalam tak silap saya 5 *second* [saat] nadi dia hilang (sambil

menunjukkan lima jari kanannya). Kalau doktor ni tak bagi bantuan awal memang kanak-kanak ni kita taktau nak cakap lah kan ha tapi selepas dia doktor tu bantu keluar dan bapak dia bawak – naik keta pergi hospital dimaklumkan – oleh orang awam kepada saya sebab ada orang awam yang kenai saya dia kata doktor tu dah bantu tapi bawak – pergi hospital lah budak tu selamat lah Alhamdulillah lah. Ha okey, ada risiko kecederaan (sambil berfikir) kecederaan (sambil berfikir) pengunjung yang jatuh di tepi batu yang tajam atau pun yang mandi di kolam tu di bawah tu di dasar dia tu ada serpihan-serpihan mozek yang pecah dan tapak kaki pelajar ni terkoyak.

NAR: Allah (reaksi terkejut).

MBM: Terkoyak, dan kebetulan saya ada di situ jadi kita ambik ternitif kita balut, kita cuci kaki lepastu kita bubuh (sambil berfikir) daun perubatan sikit dan kita suruh cikgu di bawak pergi hospital. Ha itu risiko kecederaan yang berlaku. Dari segi risiko yang (sambil berfikir) lain-lain qasa di depan saya tak nampak sangat cuma kehilangan pernah berlaku kecurian risiko tu yang (sambil berfikir) satu kenderaan iaitu baskel berharga (sambil berfikir) tiga ribu sengah [RM3500] [mata wang Malaysia]. Basekal seorang budak laki (sambil berfikir) dia satu lah masalah dia tinggal basekal tu dekat tepi jalan, dekat dengan muzium tetapi dia tuqun jalan kaki ke rekriasi dia tinggai baqang dia kebetulan di tempat tu ada seorang pemuda duduk budak tu naik basekal wak laqi basekal dia (bercerita sambil tersenyum) tapi dapat – balik. Harga dia tiga ribu sengah [RM3500] [mata wang Malaysia].

NAR: (ketawa) hilang _____.

MBM: Ada risiko – yang berlaku kemalangan qeta naik (sambil berfikir) di tempat saya ada satu kawasan lain-lain yang nak naik tu curam sikit. Nak naik tak _____ tetapi dia punya *handbreak* [brek tangan] habeh dia gostan kereta tu dia gostan ke belakang dan terlanggar pokok di situ. Itu cerita yang hilang brek lah yang *lost* [hilang] lah sikit yang dia punya brek tu rosak sikit.

NAR: Macam-macam (sambil tersenyum). Okey, *next* [seterusnya] *so* [jadi] apa pencapaian terbesar pakkik [Mazlan Bin Marzuki] yang pakkik [Mazlan Bin Marzuki] pernah

teqima yang pakcik tak boleh lupa sepanjang qeja sebagai pengawas hutan kat Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]?

MBM: (menjawab sambil melihat ke atas) Pencapaian dari segi (sambil berfikir) jabatan ka ataupun awam?

NAR: Dua – boleh.

ARR: Pencapaian (sambil berfikir dan mengangguk).

NAR: Dua – boleh (sambil mengangguk).

ARR: Boleh la mana-mana pun (sambil tersenyum dan ketawa).

MBM: Saya bagi penca – pencapaian saya kepada awam. Pencapaian saya yang ter-terbaik dan terbesar tu dak lah terbaik lah saya bagi. (sambil berfikir) Saya telah menaikkan nama (sambil berfikir) tempat tu. Tempat tu daripada 2010 mundur. Bilangan pengunjung pun orang kata mundur sikit dalam setahun tu dalam 10 000 tak sampai. Nam [6] tujuh [7] ribu pun tak sampai. Saya rasa dalam lima [5] ribu, nam [6] ribu gitu ja. Okey, rekreasi pun lebih kurang muzium pun lebih kurang. Sampai satu peringkat kawasan tersebut jadi sebutan orang ramai (sambil berfikir) pada dua ribu (sambil berfikir tahun) tengah panas tengah *famous* [terkenal] masa tu dua ribu (sambil berfikir) 2016, 2015, 2016, jadi sebutan dan pencapaian terbesar tempat tu setelah menarik minat pengunjung. Ini untuk orang awam dulu, menarik minat pada orang luar, menarik minat kepada (sambil berfikir) untuk orang datang ke Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni telah mendapat tau aktiviti-aktiviti di naik taraf, buka mata dan di bawak masuk mesyuarat, dinaiktaraf diiktiraf oleh UNESCO sebagai Jerai Geopark [Kedah, Malaysia]. Itu yang saya boleh buat lah sebab kawan saya di situ masatu memang orang kata ketat sikit untuk keselamatan pengunjung, untuk kebersihan. Okey, yang satu lagi apadia tadi?

NAR: Pencapaian awam ataupun jabatan.

MBM: Pencapaian di segi jabatan, saya telah (sambil berfikir) membuat kutipan hasil untuk jabatan (sambil berfikir), bagi saya di situ lebih kurang _____ hasil jabatan hutan melebihi (sambil berfikir) sembilan ratus *percent* [900 peratus] daripada

harga yang dikutip sebelum saya naik. Contoh dia macam ni, satu taun pernah buat kutipan hasil (sambil berfikir) dia satu orang hasil untuk tapak perkhemahan seringggit [RM1] [mata wang Malaysia] okey. Okey, untuk chalet satu malam (berfikir agak lama) sepuluh ringgit [RM10] [mata wang Malaysia] ka (memberi jawapan yang tidak pasti) sat eh lima puluh ringgit [RM50] [mata wang Malaysia] okey. Saya telah pun buat pada dua tahun, satu taun tu saya _____ buat hasil sebanyak kutipan untuk pengunjung bermalam di kawasan rekreasi saya sebanyak setahun satu orang kutip dua puluh empat ribu ringgit [RM24000] [mata wang Malaysia].

NAR: Wow, (teruja).

MBM: (sambil tersenyum) banyak kan?

NAR: Banyak (sambil ketawa).

MBM: Sebelum tu, taun (sambil berfikir) 2009, 2008, kutipan hasil yang ada di situ hanyalah setahun sebanyak 300 [RM300] [mata wang Malaysia]. 300 [RM300] [mata wang Malaysia] saja di tapak perkhemahan (terdiam sebentar). Kutipan untuk chalet, kita ada sebiji chalet di situ untuk setahun sebanyak 200 ringgit [RM200] [mata wang Malaysia]

NAR: (mengangguk).

MBM: Okey, saya pernah buat tak silap saya taun 2014 ka 2015 (berfikir sambil mengingati) ka 2012 saya tak ingat dah, kutipan hasil yang kena buat untuk chalet tu satu malam lima puluh ringgit [RM50] [mata wang Malaysia] saya pernah buat untuk setahun sebanyak lima ribu enam ratus ringgit [RM5600] [mata wang Malaysia].

NAR: (ketawa dan terkejut) Banyak gila.

MBM: Ha, banyak gila kan (sambil tersenyum) jadi itu telah membuka mata lah, mata pihak jabatan kenapa macam mana saya boleh buat kutipan hasil banyak tu, sebab (sambil berfikir) saya tak salahkan sapa – masatu kontrak – diberi untuk membuat kebersihan dan mengutip untuk tapak perkhemahan tapi saya cadangkan pihak

jabatan kenapa kita nak beri tapak perkhemahan ni di kutip oleh *contract* [kontrak] sedangkan kawasan kita. Jadi pihak jabatan setuju untuk ambik bagi kutipan untuk tapak perkhemahan sorang seringgit [RM1] [mata wang Malaysia] sahaja tapi saya boleh dapat dalam setahun dua puluh empat ribu [RM24000] [mata wang Malaysia]. Okey, itu saya kata sembilan ratus *percent* [peratus] saya boleh kutip. Seratus *percent* [100%] tu mungkin diorang tak bayar orang masuk keluar gitu ja. Ynag untuk chalet tu sebabnya bila orang masuk saya buat (sambil berfikir) kutipan menggunakan bank draf ataupun wang pos untuk bermalam di chalet tersebut dan pencapaian saya terbesar masa tu 2015 saya telah diberi anugerah oleh pihak Jabatan Perhutanan dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Ha masa tu lah tu masa zaman kegemilangan lah. Ha lepas pada tu dia punya skop qeja *maintain* [kekal/sama] lah, ha *maintain* [kekal/sama] sampai 2019 habis. Pasai katanya terlampau lama duk atas tu gunung tu bagi tempat lain pulak (sambil tersenyum), orang lain pulak jaga. Saya pun akur dengan arahan saya pergi.

NAR: So [Jadi] pencapaian *individual* [individu] pakcik [Mazlan Bin Marzuki] yang pakcik [Mazlan Bin Marzuki] tak boleh lupa sekali yang pakcik [Mazlan Bin Marzuki] dapat?

MBM: Pencapaian individu – saya, (sambil berfikir) saya telah menaikkan nama Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] di pandangan mata, di pandangan mata dan orang luar. Mata penduduk tempatan dan luar ada dan penduduk-penduduk tempatan tu (sambil berfikir) sekarang ni maju sikit dengan van-van sewa. Dulu van sewa ada sebijik dua bijik sekarang ada lebih kurang dalam 7 bijik 12 bijik kalau tak silap saya ha masatu. Jadi orang kata macam tarikan tu Gunung Jerai tu (sambil berfikir) orang kata puaih la saya kita duk situ.

NAR: Apa perasaan pakcik [Mazlan Bin Marzuki] ada dapat pencapaian yang macamtu?

MBM: Perasaan saya yang mula -- saya duk ataih tu yang pertama mula – naik perasaan saya *lost* [hilang] hilang. Sebenarnya tempat macam tu kita nampak macam mundur tau mula – naik. Jadi perasaan saya macam sedih la naik situ tapi ada seorang pegawai kanan ni pegawai ni bos saya. Dia kata (gangguan internet) _____ duduk sini awak belajaq dia kata. Pegawai ni (sambil berfikir) muda pada saya lagi tapi dia

kata awak _____ (mengangkat anak kucing dan menunjukkan di kamera kerana mengganggu), ini menyibok lani menyibok nampak? (dan meletakkan anak kucing tersebut ke bawah).

NAR: (ketawa melihat gelagat itu).

MBM: Kemudian apa dia tadi soalan?

NAR: Perasaan pakcik [Mazlan Bin Marzuki] mendapat pencapaian yang macamtu tadi pakcik [Mazlan Bin Marzuki] kata rasa macam sedih.

MBM: Saya sedih la tempat kawasan tu telah saya naikkan Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni, bukan saya puji diri memang saya akui saya berjaya naikkan nama Gunung jerai [Kedah, Malaysia] ni (sambil memusingkan kepala ke sebelah melihat gelagat anak kucing itu mengganggu). Nampak dak nampak dak?

NAR: Nampak (mengangguk sambil ketawa).

MBM: Tu nampak dak? (melihat anak kucing tersebut yang bermain di belakangnya).

ARR: (ketawa melihat gelagat itu).

MBM: Dia suka menyibok dia *active* [aktif] malam. (gangguan internet) Sebab tempat tu bila daripada mundur saya berjaya naikkan mengharumkan nama Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni dengan program-program aktiviti kepada pelajar-pelajar kemudian ada tempat yang orang kata menjadi tarikan selepas tu sedih sebab saya di – di arahkan bertukar tempat lain. Ha bila tukar tempat lain jadi saya punya (sambil berfikir) saya punya orang kata pa (berfikir sambil melihat ke arah lain) pikiran jadi *down* [jatuh] balik *down* [jatuh] balik jadi macam kosong tak seronok tau dak.

NAR: (mengangguk kerana memahami perasaan itu).

MBM: Bila tuqun tempat tu, tapi Allah taala dah letakkan _____ saya (sambil berfikir) okey macam ni *you* [kamu] turun dulu tempat ni, dia macam putaran roda tau dak. Kita duduk tempat tertinggi kita sejonok kita kena duduk tempat tak sejonok balik. Kemudian kita tukaq balik tempat sejonok jadi dah turun tempat tu kemudian

sekarang tempat saya di tukarkan ke tempat mula – saya masuk kerja dulu jadi seronok balik sebab kita dapat tempat baqu jadi pengalaman baru (melihat ke anak kucing tersebut kembali). Ya Allah (mengangkat anak kucing itu ke bawah semula).

NAR: Dia duk kacau (sambil ketawa disebabkan anak kucing itu).

MBM: Ha, okey (sambil tersenyum).

NAR: Okey – Aniqah.

ARR: Okey, nak tanya pakcik lan [Mazlan Bin Marzuki], apakah sumbangan terbesar encik lan [Mazlan Bin Marzuki] sepanjang menjadi pengawas hutan di Gunung Jerai?

MBM: Pengorbanan terbesar, pengorbanan ka pa?

ARR: (sambil mengingati) sumbangan terbesar. Eh kejap --.

NAR: Betui la soalan tu, betui dah soalan tu.

ARR: Ha, betui soalan tu.

MBM: Nak sumbang apa nak sumbang beras ka apa (sambil ketawa). Okey, sumbangan terbesar saya kepada Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] ni dia persekitaran tau dia kalau Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] dia terus sekali persekitaran, okey. Saya telah dapat menjadikan kawasan tersebut menjadi tumpuan orang ramai kepada pelancong-pelancong dalam dan luar negara setelah Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] tu terkenal dengan pengunjung yang ramai. Sebab pa, Kementerian Pelancongan dia ambik daripada kita punya laporan dan dia datang melihat pengunjung, dia buat pemerhatian tapi laporan saya tiap – bulan merekodkan pengunjung-pengunjung yang bertambah dari sebulan ke sebulan sampai tahun ke tahun pengunjung bertambah dan benda ni telah masuk bahagian hasil dengan kutipan-kutipan. Jadi itu (terbatuk), Kementerian Pelancongan telah berbincang dengan pihak jabatan supaya tempat ni di jadikan satu tempat (sambil berfikir), pelancongan (sambil berfikir) utama selain daripada Langkawi [Kedah, Malaysia]. Selepas tu, saya juga telah mendapat memberi sumbangan kepada produk-produk penduduk persekitaran kawasan tersebut (terbatuk) Contohnya, di bawah tu terdapat dusun buah-buahan okey. Bila pelancong datang, dia kan singgah dan penduduk-

penduduk tempatan ini akan menjual hasil buah-buahan mereka di kawasan *parking* [tempat letak kenderaan] tersebut.

NAR: Oh, (sambil mengangguk).

MBM: Dan sampai sekarang ada satu kawasan yang dinamakan (sambil berfikir) Dusun Durian Pakya kot tak silap saya. Dia macam ais durian tu, durian pulut ha. Kalau _____ pergi Gunung Jerai mula – akan nampak gerai tu.

NAR: Oh, okey (sambil mengangguk).

MBM: Produk-produk lain, produk-produk lain pernah – ada orang buat *interview* [temu bual] contohnya seperti produk (sambil berfikir) kuih-kuih tradisional di sebelah Yan [Kedah, Malaysia] di sebelah belakang Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] tu. Ha, itu sumbangan saya kepada orang awam lah.

ARR: Okey, selepas tu nak tanya ciklan [Mazlan Bin Marzuki] , apakah harapan encik lan kepada masyarakat dan negara sepanjang bekerja sebagai Ranger Gunung Jerai [Kedah, Malaysia]?

MBM: Okey, harapan saya harapan saya pada masa hadapan lah supaya kepada orang _____ supaya menjaga – (sambil berfikir) khazanah hutan kita, hutan untuk generasi akan datang daripada kerosakan daripada perbuatan vandalisme, okey. Tempat yang cantik dan indah itu janganlah dirosakkan, harapan saya orang awam. Harapan saya kepada kerajaan untuk kerajaan kalau boleh naikkan taraf lagi tempat-tempat tu, kekalkan tempat-tempat ber-bersejarah. Tambahkan prasarana dan kemudahan-kemudahan di dalam kawasan tersebut untuk menarik lebih ramai lagi pelancong dan dalam dan luar negara. Itu harapan saya lah. Jadi, bersama-sama lah bagi penduduk tempatan atau luar negara ataupun kerajaan menjaga khazanah alam yang cantik di Gunung Jerai [Kedah, Malaysia] tu. Jangan tebang pokok dah lah (ketawa).

NAR: (ketawa sambil mengiyakan) ya.

MBM: Ha, bila tebang pokok habih rosak lah.

NAR: Ha, tu lah. Okey, Insya-Allah takat tu ja soalan yang kami nak tanya kat pakcik [Kedah, Malaysia].

6.0 LOG TEMUBUAL

6.0 LOG TEMUBUAL

6.1 TEMUBUAL SESI PERTAMA

LOG	TOPIK	HURAIAN
03:59 - 06:26	<ul style="list-style-type: none">Latar belakang tokoh	<ul style="list-style-type: none">Nama tokoh Mazlan Bin Marzuki, berumur 50 tahunSedang bertugas di dalam Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dengan gelaran pengawas hutan.Penempatan sekarang di Pejabat Hutan Renjer Cemperau, Kulim sebagai ketua renjer.Tempat lahir di Hospital Besar Alor Setar dan membesar di Alor Setar
06:27 – 08:45	Latar belakang pendidikan	<ul style="list-style-type: none">Sekolah rendah di Alor SetarSekolah Menengah di Sekolah Menengah Tengku Telok ChengaiSambung pelajarannya di Unit Latihan Perhutanan Semenanjung Malaysia iaitu di Kepong, Selangor
08:50 – 10:16	Latar belakang keluarga	<ul style="list-style-type: none">Nama ayah Marzuki Bin NanNama ibu Che Kama Binti Mad IsaAnak kedua daripada enam orang adik beradik
10:17-17:39	Permulaan bekerja sebagai pengawas hutan di Gunung Jerai	<ul style="list-style-type: none">Beliau memilih Jabatan Perhutanan berdasarkan sijil dan kelulusan yang diperolehi dan bermula bekerja di Pejabat Hutan Renjer Cemperau Kulim pada 1993.Ditukarkan ke Pejabat Hutan Negeri Kedah pada 1997 di bahagian unit hasil.

		<ul style="list-style-type: none"> • Pada tahun 2007, beliau ditawarkan sebagai pengawas hutan gred G11. • Ditukarkan di Pejabat Hutan Renjer Gurun dan ditempatkan hutan lipur Gunung Jerai pada tahun 2009
17:43- 26:12	Perbezaan Gunung Jerai dengan gunung-gunung yang lain	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat hotel yang dipanggil Jerai Hill Resort • Mempunyai laluan jalan raya yang dihubungkan dengan Gunung Jerai. • Terdapat laluan jalan kaki untuk didaki dan Muzium Perhutanan • Peningkatan pengunjung 50 kali ganda • Pelbagai aktiviti menarik yang dijalankan untuk menarik pengunjung. • Dinamakan sebagai Jerai Geopark setelah diiktiraf oleh UNESCO pada tahun 2018.
26:13 – 27:52	Simbolik Gunung Jerai	<ul style="list-style-type: none"> • Jika diperhatikan daripada laut, pemandangan Gunung Jerai sangat cantik dengan keadaan kabus. • Jika dilihat dari darat, Gunung Jerai seakan permata. • Gunung Jerai adalah kawasan terkawal. • Terdapat pelbagai prasarana yang dibangunkan di Gunung Jerai seperti hotel dan muzium perhutanan.
27:58 – 34:07	Gunung Jerai sebagai tarikan utama di Kedah	<ul style="list-style-type: none"> • Pelbagai aktiviti untuk mempromosikan Gunung Jerai seperti treking hutan, perkhemahan, program ikhtiar hidup, dan program mengenali jenis-jenis haiwan dan tumbuhan

34:16 – 39:37	Tugas beliau sebagai pengawas hutan di Gunung Jerai	<ul style="list-style-type: none"> • Mengawal dan mengawasi kawasan Gunung Jerai. • Mengawasi keselamatan pelancong ,mengawal pokok-pokok dari ditebang, dibakar dan diceroboh. • Mengawasi Muzium Perhutanan . • Mengawasi pengunjung yang bermalam, mengambil rekod pengunjung, memberi arahan dan taklimat kepada pengunjung sebelum melakukan aktiviti di Gunung Jerai.
39:40 – 42:08	Tugas lain yang dilakukan beliau selain daripada menjadi pengawas hutan	<ul style="list-style-type: none"> • Membantu anggota di peringkat pejabat di luar kawasan Gunung Jerai. • Melakukan program bersama orang awam seperti gotong-royong, dan memberi taklimat di luar Gunung Jerai.
42:42 – 50:12	Sejarah Gunung Jerai	<ul style="list-style-type: none"> • Gunung Jerai dahulunya dinamakan sebagai Pulau Serai dan dikelilingi laut • Seorang pedagang dari India datang ke Gunung Jerai, beliau belajar tentang agama Islam dan telah diislamkan oleh Sheikh Abdullah Yamani dan pedagang itu menukar namanya kepada Sultan Muzafar Shah. • Sultan Muzafar Shah dan Sheikh Abdullah Yamani mencari tapak untuk membuat masjid di puncak Gunung Jerai dan sekarang ia dipanggil Padang Tok Sheikh • Azan pertama di Asia dilaungkan di Gunung Jerai.

		<ul style="list-style-type: none"> • Nama Telaga Tok Sheikh diberi sempena peristiwa Sheikh Abdullah Yamani mencari sumber air mengalir untuk mengambil wuduk.
50:17 – 50:40	Ketinggian Gunung Jerai	<ul style="list-style-type: none"> • 1217 meter aras laut
50:42 – 55:13	Mitos berkaitan Gunung Jerai	<ul style="list-style-type: none"> • Mitos Telaga Tok Sheikh dan Padang Tok Sheikh • Sang Gedembai adalah spesis gergasi yang mempunyai kuasa sakti. Sang Gedembai dikatakan kecewa kerana tidak dapat berkahwin dengan puteri Raja. Sang Gedembai yang kecewa itu telah memegang sebuah kapal dan kapal itu bertukar menjadi batu dan dilemparnya kapal itu ke Pulau Serai dan sekarang ia dinamakan sebagai Batu Kapal.
55:15 – 56:25	Sejarah berkaitan raja-raja di Gunung Jerai	<ul style="list-style-type: none"> • Kisah Merong Mahawangsa
